



**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KELIMA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil.13**

**Isnin**

**22 Julai 2024**

---

**K A N D U N G A N**

<b>MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA</b>	(Halaman	1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b> Mengalu-alukan Pelantikan Sebagai Ahli Dewan Negara	(Halaman	2)
<b>MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA</b> Tuan Yang di-Pertua Mengangkat Sumpah Ucuptama Oleh Tuan Yang di-Pertua	(Halaman (Halaman (Halaman	2) 3) 4)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b> Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mending Tagak Mutang Tagal Ahli-ahli Yang Mengangkat Sumpah Semasa Majlis Mesyuarat Dalam Tangguhan Memperkenankan Akta-akta Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman (Halaman (Halaman (Halaman	6) 6) 7) 8)
<b>URUSAN MESYUARAT</b>	(Halaman	10)
<b>PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN</b>	(Halaman	10)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024 Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024 Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024 Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024	(Halaman (Halaman (Halaman (Halaman	38) 68) 101) 124)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
4. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]
5. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
7. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
8. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
9. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
10. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
11. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
12. “ Datuk Razali bin Idris
13. “ Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol
14. “ Tuan Manolan bin Mohamad
15. “ Puan Susan Chemerai Anding
16. “ Dato’ (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
17. “ Dato’ Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
18. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
19. “ Datin Ros Suryati binti Alang
20. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
21. “ Dato’ Dr. Nelson a/l Renganathan
22. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
23. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
24. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan
25. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
26. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
27. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
28. “ Dato’ Sivaraj a/l Chandran
29. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
30. “ Tuan Abun Sui Anyit
31. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
32. “ Puan Noorita binti Sual
33. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian

**AHLI HADIR (samb/-)**

34. Yang Berhormat Tuan Pele Peter Tinggom
35. “ Datuk Nelson W Angang
36. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
37. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
38. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail. (Terengganu)
39. “ Datuk Haji Aziz bin Ariffin
40. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
41. “ Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
42. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
43. “ Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
44. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)
45. “ Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
46. “ Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)
47. “ Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)
48. “ Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)
49. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
50. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
51. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
52. “ Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor)
53. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
54. “ Datuk Noraini binti Idris (Sabah)
55. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong
56. “ Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)
57. “ Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
58. “ Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
59. “ Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
60. “ Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)
61. “ Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
62. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
63. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan)

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Dato' Sri Ti Lian Ker

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Perdana Menteri]
2. Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Pengerang)]
3. “ Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin [Menteri Pertahanan] (Kota Tinggi)
4. “ Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Santubong)
5. “ Puan Fadhlina binti Sidek [Menteri Pendidikan] (Nibong Tebal)
6. “ Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Menteri Belia dan Sukan] (Segambut)
7. “ Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Menteri Perladangan dan Komoditi] (Titiwangsa)
8. “ Tuan Steven Sim Chee Keong [Menteri Sumber Manusia] (Bukit Mertajam)
9. “ Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
10. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir [Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] (Johor Bahru)
11. “ Tuan M. Kulasegaran [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Ipoh Barat)]
12. “ Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
13. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Pensiangan)
14. “ Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Sepang)
15. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Pontian)
16. “ Tuan Adly bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
17. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
18. “ Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Muhamad Zamani bin Mohd Ali

**Setiausaha Dewan Negara**

Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI**

*(HANSARD TEAM)*

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin @Md Zain  
Rosna binti Bujairomi @Bijirani  
Alzian binti Baharudin  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Aizafasya binti Zainal  
Nur Aliya binti Mustaz  
Adele Beatrice anak Rabeng  
Noor Azimah binti Ahmad @Abu Bakar  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Maryam binti Azinuddin
Azmir bin Mohd Salleh	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Nurul Syakirah binti Ibharm
Nor Kamsiah binti Asmad	Suhaila binti Sariffuddin
Aifarina binti Azaman	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Noorfazilah binti Talib	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Julia binti Mohd. Johari	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Anisah Sahirah binti Hamzah
Ismalinda binti Ismail	Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif
Amir Arshad bin Ab Samad	Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Shazryn bin Mohd Faizal
Muhammad Firdaus bin Ahmad	Sharon Eugena Jack Aman
Izzul Syazwan bin Abdul Halim	Mulyati binti Kamarudin

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA  
Isnin, 22 Julai 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

**Setiausaha:** Mengangkat sumpah seorang Ahli Dewan Negara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini adalah selaras dengan peruntukan Perkara 59(1) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 4(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara serta mengikut Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan.

Dengan hormatnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat berikut untuk mengangkat sumpah di hadapan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

**LANTIKAN BAHARU**

1. Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

## PEMASYURAN TUAN YANG DI-PERTUA

### **MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini mengalu-alukan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin Iantikan baharu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkuat kuasa mulai 22 Julai 2024 sehingga 21 Julai 2027. Selamat menggalas amanah dan menjalankan tugas kepada Yang Berhormat Senator.

Setiausaha.

■1010

## MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan, serta mengikut aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 1 dan 2, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Majlis Dewan Negara pada hari ini akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Selaras dengan Peraturan Mesyuarat 2(1) juga, saya telah dimaklumkan oleh Setiausaha Dewan Negara bahawa beliau telah menerima hanya satu sahaja cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 15 Julai 2024. Cadangan tersebut adalah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis.

Sehubungan dengan itu, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengemukakan cadangan nama Ahli yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

**10.11 pg.**

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Pengerusi, izinkan saya pertamanya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi kerana membantu menjalankan tugas dua kali dalam ketiadaan Yang di-Pertua yang lalu dan saya dengan ini juga mengulangi kenyataan takziah kepada mantan dan pada hari ini mendapat penghormatan mengemukakan nama tokoh bagi menduduki tempat yang di antara tugas utama dalam negara kita sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan cadangan iaitu Yang Berhormat Dato' Awang Beme bin Awang Ali Basah dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Beliau merupakan anak jati negeri Sarawak, punyai ketokohan dan pengalaman dan dihormati. Pernah berkhidmat di Mahkamah Tinggi Borneo, Sarawak sejak tahun 1984 dan pernah mengendalikan beberapa kes di semua peringkat mahkamah termasuk Mahkamah Persekutuan.

Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kuching sejak 1998 dan pengalamannya dalam perundangan ialah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak selama tiga Penggal sebelum ini. Sesungguhnya beliau mempunyai pengalaman yang amat luas dan mengikut Peraturan Mesyuarat 2(1), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh sebab seorang Ahli sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Awang Beme bin Awang Ali Basah dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara... *[Tepuk]*

*[Tuan Yang di-Pertua dibawa ke hadapan meja Setiausaha dan dipakaikan jubah serta songkok rasmi oleh Setiausaha Dewan Negara di hadapan Ahli-ahli Mesyuarat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengambil tempat duduknya]*

### **TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya Awang Beme bin Awang Ali Basah setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar pada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

*[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan di Buku Angkat Sumpah]*



*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

### **UCAPTAMA OLEH TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Senator, Ahli-ahli Dewan Negara, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu, izinkan saya memanjangkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas berkat limpah kurnia serta izin-Nya, Majlis Dewan Negara pada pagi ini dapat menyempurnakan pemilihan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 56(1), Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan 1 dan 2, Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. *Alhamdulillah.*

Saya dengan rendah diri merafak sembah, menjunjung kasih serta merakamkan setinggi penghargaan atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim melantik saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara melalui penamaan yang telah dipersembahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang pada pagi yang mulia ini mencadangkan saya sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-21.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, *thank you very much*, dengan izin... *[Berucap dalam bahasa Iban] Thank you very much... [Berucap dalam bahasa Iban]* Seterusnya, tentulah saya mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi Abang Abdul Rahman Johari Abang Openg atas kepercayaan dan restu pencalonan saya sebagai seorang Senator serta mengusulkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar saya dicalonkan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Pastinya juga berterima kasih saya kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara ini kerana tidak mengusulkan nama lain selain nama yang dicalonkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... *[Tepuk] Terima kasih bah.* Ini merupakan satu penghormatan yang besar yang telah dizahirkan oleh sahabat-sahabat Ahli Majlis ini kepada saya.

Hari ini bukan sahaja bersejarah bagi diri saya atas penghormatan dan pengiktirafan kepada anak Sarawak, warga Malaysia untuk dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-21, tetapi hari ini juga Sarawak sebuah Wilayah yang menubuhkan Malaysia, meraikan Hari Sarawak//. *[Tepuk]*

Pada tarikh ini, Sarawak bebas daripada belenggu kolonialisme dan bermulalah ia memerintah diri sendiri dan tanggal 16 September, Sarawak bersetuju bersama dengan Sabah dan Persekutuan Tanah Melayu untuk menubuhkan Persekutuan Malaysia di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

■1020

Bagi pihak Dewan, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Sarawak kepada semua warga Sarawak. Kita doakan agar terus maju dan makmur... [Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas ini akan berlangsung selama lapan (8) hari untuk membahaskan serta meluluskan rang undang-undang serta lain-lain Urusan Kerajaan. Sebagai badan perundangan tertinggi negara, kewajipan Majlis Dewan ini adalah untuk menyemak dan mengimbang badan eksekutif dengan Dewan Rakyat berlandaskan keluhuran Perlembagaan, dengan izin, *supremacy of the Constitution* dan kedaulatan undang-undang, dengan izin, *rule of law* berasaskan pentadbiran Raja Berperlembagaan serta Demokrasi Berparlimen.

*Sir, can I say what I quote from you in one of the books with, dengan izin ya, Realizing Senate Reform- "The Dewan Negara was envisaged as the great equalizer between small states and large states. A platform upon which all of Malaysia's vibrant cultures, communities and peoples would have equal say. When the distinguished could advocate for the downtrodden and the minorities, not just seeing the preservation of their rights, but to see to their representation in the governing structures of our great nation." ...[Tepuk]*

Justeru, marilah kita, sama ada yang dilantik atau dipilih daripada kalangan orang-orang yang dikatakan telah memberi sumbangan atau perkhidmatan awam yang cemerlang di wilayah mahupun negeri atau yang telah mencapai keunggulan dalam profesion, komersial, perdagangan, perindustrian, pertanian, kebudayaan, perkhidmatan sosial atau daripada kalangan minoriti, menunaikan kewajipan ini dengan jujur dan sebaiknya berpaksikan seorang Negarawan- *a Statesman* demi kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan negara kita Malaysia yang tercinta.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin menzahirkan hasrat saya untuk meneruskan legasi transformasi Dewan Negara oleh Yang di-Pertua terdahulu daripada saya. Saya harap, agar dapat kita sama merealisasikan dengan sokongan semua.

Sekian, dengan kata-kata itu saya memulakan Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Majlis Parlimen Dewan Negara hari ini. Terima kasih... [Tepuk]

## **PEMASYURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

### **UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG DATUK MUTANG TAGAL**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini amat berdukacita atas berita kematian Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-20, Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal pada 10 Mei 2024 yang lalu. Beliau merupakan seorang pemimpin yang sangat komited dalam melunaskan tanggungjawabnya sebagai seorang Yang di-Pertua Dewan Negara. Malah, beliau sedang dalam tugas mengetuai delegasi negara bagi menyertai 6<sup>th</sup> *World Forum on Intercultural Dialogue* di Baku, Azerbaijan.

Beliau juga merupakan seorang yang sangat prihatin akan kebajikan Ahli Dewan ini serta seluruh pegawai dan kakitangannya. Pemergian beliau amat dirasai dan merupakan satu kehilangan yang besar kepada negara.

Untuk itu, saya mengajak Dewan yang Mulia ini untuk bertafakur selama satu minit sebagai tanda hormat mengenang pemergian mendiang. Dewan Negara juga turut merakam ucapan takziah kepada seluruh keluarga mendiang.

Saya meminta Ahli-ahli Majlis Dewan Negara untuk berdiri serta bertafakur selama satu minit.

*[Ahli-ahli bangun bertafakur]*

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila duduk.

### **AHLI-AHLI YANG MENGANGKAT SUMPAH SEMASA MAJLIS MESYUARAT DALAM TANGGUHAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu kepada Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa Majlis Mesyuarat dalam tangguhan serta mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

**16 Mei 2024 :**

1. Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew, (Lantikan Semula, Lantikan Yang di-Pertuan Agong); dan
2. Yang Berhormat Senator Datuk Nelson Tan Sri Wences Anggang, (Lantikan Baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong)

**15 Julai 2024 :**

1. Yang Berhormat Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah, (Lantikan Baharu, Lantikan Yang di-Pertuan Agong)

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2023) 2024;
2. Akta Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024;
3. Akta Polis (Pindaan) 2024;
4. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024;
5. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024;
6. Akta Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2024;
7. Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024;
8. Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2024;
9. Akta Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2024;
10. Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024;
11. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024;
12. Akta Keselamatan Siber 2024;
13. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2024;
14. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2024;
15. Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024; dan
16. Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2024.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dua perutusan daripada Dewan Rakyat. Pertamanya, memaklumkan kelulusan rang undang-undang yang telah dipinda oleh Dewan ini pada sesi Mesyuarat Pertama yang lalu dan yang kedua, meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada sesi Mesyuarat kali ini.

Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan kedua-dua perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“18 Julai 2024

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut:

1. (D.R. 28/2023) Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Dewan Negara.

Yang ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

“18 Julai 2024

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya, iaitu:

- (1) (D.R. 11/2024) Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024;
- (2) (D.R. 12/2024) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja (Pindaan) 2024;

## ■1030

- (3) (D.R. 14/2024) Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024;
- (4) (D.R. 15/2024) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024;
- (5) (D.R. 16/2024) Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024;
- (6) (D.R. 7/2024) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhadap (Pindaan) 2024;
- (7) (D.R. 23/2024) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024;
- (8) (D.R. 24/2024) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024;
- (9) (D.R. 25/2024) Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 (dengan pindaan di Peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis);
- (10) (D.R. 28/2024) Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024;
- (11) (D.R. 26/2024) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2024;
- (12) (D.R. 27/2024) Rang Undang-undang Sumpah dan Ikrar (Pindaan) 2024;
- (13) (D.R. 30/2024) Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2024;
- (14) (D.R. 29/2024) Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024;
- (15) (D.R. 22/2024) Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024;
- (16) (D.R. 21/2024) Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024;
- (17) (D.R. 38/2024) Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024;
- (18) (D.R. 39/2024) Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024;
- (19) (D.R. 31/2024) Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024;
- (20) (D.R. 33/2024) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024;
- (21) (D.R. 34/2024) Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2024;

- (22) (D.R. 35/2024) Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2024;
- (23) (D.R. 36/2024) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024
- (24) (D.R. 37/2024) Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024;
- (25) (D.R. 40/2024) Rang Undang-undang Pengisytiharan Suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024;
- (26) (D.R. 41/2024) Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024; dan
- (27) (D.R. 17/2024) Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

### **URUSAN MESYUARAT**

**Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan yang kedua dibaca kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan pertanyaan pertama Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris.

**Datuk Noraini binti Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Sebelum itu, saya ingin merakamkan tahniah kepada Dato' Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

1. **Datuk Noraini binti Idris** minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, kewajaran Malaysia untuk menyertai gabungan ekonomi BRICS dan bagaimanakah penyertaan tersebut tidak merencatkan segala perancangan serta hubungan perdagangan global dengan negara-negara pro Amerika Syarikat memandangkan antara falsafah yang diketengahkan oleh BRICS adalah *dedollarisation*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, tahniah juga atas pelantikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Thank you.*

**Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih atas soalan Yang Berhormat.

Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan perlu sentiasa meneroka pasaran-pasaran baharu untuk memastikan negara ini kita tidak ketinggalan serta mendapat manfaat daripada perkembangan ekonomi global.

Justeru, keputusan penyertaan Malaysia dalam organisasi BRICS merupakan satu langkah strategik untuk memperluaskan jaringan kerjasama ekonomi terutama daripada aspek perdagangan dan juga pelaburan serta *diversification*, dengan izin, pasaran.

Daripada segi keluasan pasaran dan kekuatan ekonomi, BRICS yang dianggotai oleh Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan serta empat buah negara ahli baharu iaitu Mesir, Ethiopia, Iran dan UAE secara kumulatif mempunyai 3.54 bilion orang penduduk dengan KDNK pada nilai USD26.6 trilion. Ini bersamaan lebih kurang 26 peratus daripada KDNK dunia.

BRICS juga sebuah blok yang membentuk satu pasaran mega yang akan membuka peluang bagi diversifikasi pasaran dan sumber pelaburan asing baharu kepada negara yang akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan, di samping mengimbangi kebergantungan kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan juga Eropah.

Negara anggota BRICS juga merupakan antara pengeluar komoditi utama dunia seperti minyak mentah dan gas, arang batu, bijih besi, aluminium, bijirin, tembaga, nikel dan emas dan juga komoditi berharga seperti platinum dan paladium. Oleh itu penyertaan negara dalam BRICS akan membuka akses kepada sumber bahan mentah kritikal yang amat penting dalam memastikan rantai bekalan yang mampan. Mengambil kira juga kekuatan ekonomi China yang kita gelar sebagai *world factory*, dengan izin.

India dengan kuasa ekonomi yang sedang membangun dan juga pesat serta kekuatan Rusia sebagai kuasa serantau, BRICS sememangnya mempunyai potensi yang besar untuk menjadi kuasa ekonomi dunia. Ini sudah tentu akan membawa kebaikan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang.



Jadi Dato' Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengekalkan keseimbangan pembangunan ekonomi negara dan juga menjaga hubungan baik dengan semua rakan dagang terutamanya negara-negara kuasa ekonomi dunia, Malaysia akan terus memastikan dasar luar negara yang bebas, berprinsip dan pragmatik berlandaskan nilai-nilai kesejahteraan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan.

Dalam masa yang sama, kerajaan akan sentiasa mendukung keluhuran undang-undang dan piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam konteks tersebut, kerajaan akan menggunakan pendekatan berbilang arah, dengan izin, *multiple approach* ataupun *multi directional approach* supaya kepentingan negara sentiasa dijunjung.

Ini adalah antara sebab utama Malaysia bukan sahaja mempertimbangkan penyertaan dalam BRICS, malah beberapa buah organisasi lain yang sesuai seperti OECD di mana Malaysia boleh memberikan sumbangan untuk pembangunan masyarakat antarabangsa. Ini terbukti menerusi penglibatan dan peranan aktif negara dalam pelbagai organisasi antarabangsa di peringkat serantau termasuklah ASEAN, APEC, OIC dan sebagainya.

Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan sentiasa menumpukan usaha untuk mengeratkan kerjasama ekonomi dengan semua negara rakan-rakan dagang kita. Dalam konteks tersebut, penyertaan Malaysia dalam BRICS adalah selari dengan usaha memacu agenda ekonomi untuk kepentingan negara dan rakyat.

Dengan pendekatan yang strategik dan seimbang, Malaysia dapat mengoptimumkan manfaat penyertaan dalam BRICS di samping memastikan kestabilan dan kesinambungan hubungan perdagangan global dengan semua rakan ekonomi utama negara. Terima kasih.

**Datuk Noraini binti Idris:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Noraini binti Idris:** Ada pandangan mengatakan bahawa dengan menyertai BRICS akan menjadikan Malaysia terlalu bergantung kepada ekonomi negara China yang mempunyai GDP atau ekonomi terbesar di kalangan negara BRICS. Ini juga akan memberikan impak kepada dasar luar negara terutama dalam hal-hal yang melibatkan tuntutan bertindih antara China dan Malaysia terutama di Laut China Selatan. Jadi, apa komen Menteri mengenai pandangan ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Yang di-Pertua, pada pendapat saya tidak timbul persoalan Malaysia akan terlalu bergantung kepada ekonomi China hanya kerana Malaysia menyertai BRICS.

Negara China merupakan dagang terbesar, rakan dagang terbesar untuk 15 tahun berturut-turut dan menyumbang lebih kurang 17 peratus kepada keseluruhan jumlah perdagangan negara. Dalam masa yang sama, Malaysia mengamalkan prinsip keterbukaan untuk berdagang dengan mana-mana negara kecuali yang bertentangan dengan perundangan antarabangsa.

Kerajaan telah mengambil seperti yang saya sebut tadi *multidirectional approach*, dengan izin, supaya kepentingan negara sentiasa dijunjung. Ini merupakan sebab utama Malaysia bukan sahaja mempertimbangkan untuk dengan izin kita masuk BRICS, *joint BRICS* malah beberapa buah organisasi lain seperti OECD, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan di mana Malaysia juga boleh memberikan sumbangan untuk pembangunan masyarakat antarabangsa. Ini juga seperti saya sebut tadi kita juga ahli dalam ASEAN dan juga APEC, PBB, CPTPP, RCEP dan sebagainya.

Dato' Yang di-Pertua dalam usaha untuk mengekalkan keseimbangan pembangunan ekonomi negara dan juga menjaga hubungan baik dengan semua rakan dagang terutamanya kuasa-kuasa ekonomi dunia, Malaysia akan terus memastikan dasar luar negara yang bebas, yang berprinsip dan berpragmatik berlandaskan nilai kesejahteraan, kemanusiaan, keadilan dan juga kesaksamaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Soalan tambahan. Soalan tambahan.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Soalan tambahan

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya belum kenal, saya tengok itu dulu... [Ketawa][Menunjuk kepada seorang Ahli]

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Mustahak soalan ini.

#### ■1040

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** *Assalamualaikum*. Selamat pagi. Saya melihat bahawa pendekatan dan usaha kerajaan untuk mengembangkan ekonomi negara ini. Satu pendekatan yang baik. Cuma, *concern* kita mengenai ancaman daripada kuasa-kuasa besar seperti Amerika dan sebagainya yang tidak sertai BRICS. Adakah itu ada persediaan bagi kita untuk mengatasi ancaman daripada kuasa-kuasa besar apabila kita menyertai BRICS? Terima kasih.

**Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebut tadi, kita merupakan negara yang ekonominya terbuka ya. Daripada segi ekonomi ke KDNK pun lebih kurang 130 peratus di mana seperti saya sebut tadi, kita juga ahli dalam beberapa buah blok. Kita ada FTA dan bilateral dan multilateral lebih kurang 16, yang termasuklah CPTPP yang saya sebut tadi, RCEP, juga ahli dalam IPEF walaupun bukan blok ekonomi, tetapi ada kerjasama ekonomi yang mempunyai rakan dagang seperti Amerika Syarikat juga dalam RCEP, dalam IPEF. Kita ada ASEAN dan juga APEC.

Oleh itu, saya rasa tidak ada isu yang dibangkitkan tadi. Cuma, pada masa yang sama seperti yang saya sebut tadi, kita perlu memastikan yang undang-undang yang kita fokus ini adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa bawah PBB. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

**Dato' Sivaraj a/l Chandran:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, saya ucapkan tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya nombor 2.

**2. Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana komitmen kerajaan dalam menggubal penubuhan suatu *Charities Commission* seperti di *United Kingdom* bagi mengawal selia hal ehwal berhubung khairat di Malaysia termasuk pemantauan terhadap dana-dana yang dikumpulkan oleh pertubuhan-pertubuhan khairat dari orang awam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)**

**[Dato' Sri Azalina binti Othman Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tahniah Tuan Yang di-Pertua. Harapan saya, semua Ahli-ahli Senator termasuk Tuan Yang di-Pertua akan menjalankan ujian kesihatan ya supaya kesihatan kita dapat dijaga oleh doktor Parlimen... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pengawalseliaan berkenaan dengan amanah dilaksanakan di bawah dua undang-undang iaitu Akta Pemegang Amanah Perbadanan 1992 yang memperuntukkan mengenai perbadanan pemegang amanah yang terdiri daripada individu atau badan tertentu manakala Akta Pemegang Amanah 1949 mengandungi peruntukan berhubung dengan pemegang amanah termasuk berkenaan aspek pelaburan dan kuasa am pemegang amanah. Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri cakna tentang terdapatnya keperluan mendesak bagi pindaan dibuat supaya kedua-dua undang-undang ini selari dengan peredaran masa dan keperluan semasa.

Sehubungan dengan itu, pada 26 Februari 2024 dan 20 Jun 2024, satu Kertas Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri telah ditubuhkan supaya usaha-usaha penambahbaikan akta-akta berkaitan amanah dibentangkan dan Jemaah Menteri telah bersetuju antara lain dengan penubuhan jawatankuasa khas bagi melaksanakan kajian kewajaran cadangan penggubalan Akta Khairat atau, dengan izin, *Charities Act* dan penubuhan Suruhanjaya Khairat atau, dengan izin *Charities Commission* di Malaysia.

Untuk makluman-makluman semua Ahli-ahli Senator, Jawatankuasa Kajian Kewajaran Penggubalan Akta Khairat dan kewajaran penubuhan Suruhanjaya Khairat ini, (JKAK) telah ditubuhkan pada 6 Mei 2024 dan harapan daripada pihak Bahagian Undang-undang yang bermula daripada 6 Mei ini dijangka akan selesai kajian pada pertengahan bulan September 2024. Penggubalan akta ini dilihat wajar dan dilihat diperlukan dan pada kali ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat model yang kita membuat kajian seperti di luar negara atas rujukan yang dapat membantu Malaysia kepada arah pendekatan yang baharu seperti model amanah *United Kingdom*, Singapura, New Zealand dan Australia.

Antara undang-undang dalam penguatkuasaan, pengawalseliaan dan pemantauan entiti amanah ini berasaskan kebajikan yang diperuntukkan secara jelas dalam undang-undangnya. Undang-undang negara ini dirujuk adalah seperti berikut:

- (i) *Charities Act 2011 United Kingdom*;
- (ii) *Charities Act 1994 Singapura*;
- (iii) *Charities Act 2005 New Zealand*;
- (iv) *Australian Charities and Non-Profits Commission Act 2012*; serta
- (v) *Charities Act 2013 Australia*.

Harapan daripada pihak kerajaan ialah bahawa rang undang-undang ini dapat setelah dikaji dibawa kepada untuk lulusan Kabinet, kemudian lulusan Dewan Rakyat, Dewan Negara selepas tersedia selepas kajian telah dilaksanakan. Terima kasih.

**Dato' Sivaraj a/l Chandran:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Apakah mekanisme pemantauan yang akan diperkenalkan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana oleh *Charity Commission* dan bagaimana kerajaan akan menangani sebarang isu ketirisan dana? Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina binti Othman Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator, sebenarnya dalam negara kita, yang kita ada ialah akaun Akta Amanah *which is Trustee Act*. Yang saya sebut tadi itu ialah yang disebut *Charities*. Memang ada perbezaan ya. Amanah itu orang memberi amanah untuk melaksanakan beberapa niat dan tanggungjawab, tetapi daripada segi *charity*-nya agak lebih luas.

Kita perlukan satu pendekatan yang lebih baharu sebab bila kita tengok tadi, kalau kita dengar terdapatnya undang-undang akta audit dibuatnya pindaan di Dewan Rakyat yang akan dibawa pada Dewan Negara. Kita melihat bahawa ini dasar baharu Kerajaan Madani bahawa kita, dengan izin, *follow the public money audit*.

Jadi kalau duit ini datang daripada kerajaan yang meletakkan dalam mana-mana *charities organization*, audit kerajaan boleh mengaudit, tapi dalam *Charities Act* ini banyak berlaku ialah di mana yang meletakkan kewangan itu banyak datang daripada individu ataupun syarikat. Setakat ini Bahagian Undang-undang hanya mendapat di bawah Akta *Trustee* laporan yang diberikan.

Dengan izin Yang Berhormat Senator, soalan Senator itu memang tepat. Kadang-kadang kita takut, permohonan kita dah buat *scan* keselamatan, SPRM, semua selesai, tapi penggunaan itu Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang digunakan untuk *money laundering*, sebagai contoh. Yang perkara ini kita tak tahu siapa yang letak, apa dia niat sebab dia boleh katakan untuk orang susah, untuk orang istimewa tapi mungkin 50 ini, 50 situ, 60 situ, 40 situ. Macam-macam dia boleh buat.

Jadi model yang kita nak buat ini ialah kita nak ikut pada negara yang saya sebut tadi tapi untuk berlaku adil Tuan Yang di-Pertua, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita buat kajian dulu. Kajian ini kita buat dan bersama kita, kita ada di sini ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, NGO-NGO, Majlis Peguam Malaysia, wakil-wakil daripada agensi-agensi yang bertanggungjawab supaya kita dapat melihat pendekatan yang terbaik bagi kerajaan dan bagi negara kita berhadapan dengan cabaran ini di mana ada niat untuk memberikan bantuan dengan niat supaya tidak adanya salah guna duit rakyat dan juga duit pelabur daripada syarikat dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Terima kasih Tuan Speaker dan tahniah atas pelantikan. Saya ada soalan tambahan. Kita mengalu-alukan dengan pembentukan akta ini. Cuma soalan saya buat masa ini, terlalu ramai mereka yang menggunakan berbagai, kita kata alasan seperti contoh nak buat masjid, nak buat sekolah, lepas itu untuk Palestin contohnya. Ini semua menggamit emosi orang untuk menyokong, tetapi saya ingin bertanya kepada Menteri, berapa ramaikah *scammer* yang menggunakan derma ini yang telah menipu dan mengaburi mata rakyat buat masa ini? Kalau ada jawapan. Terima kasih Tuan Speaker.

**Dato' Sri Azalina binti Othman Said:** Bagi pihak Bahagian Undang-undang, kita tak dapat laporan daripada mereka yang melabur duit ataupun dia memang bagi *donation* dan tak puas hati. Tak ada kena-mengena. Yang hanya mendapat laporan ialah kemungkinan agensi-agensi kuat kuasa seperti Polis ataupun SPRM, tetapi di sini Tuan Yang di-Pertua, yang paling dahsyat dalam negara kita ini, dia tak payah tunggu lagi permodalan daripada NGO ataupun syarikat yang mengambil duit. Yang berlaku sekarang, dia pakai *online scamming* lagi. Terutama sekali minta maaf ya, muka baik-baik dengan janggut, pak lebai, dengan songkok tinggi, duitnya diambil, entah apa dia buat. Ini baharu keluar cerita.

#### ■1050

Tuan Yang di-Pertua, *everyone is innocent until proven guilty*, tetapi tidak eloklah, tidak syoklah cakap untuk Palestin, untuk Gaza, tiba-tiba beli keretalah, inilah, itulah. Ini yang jadi masalahnya. Sebab, bila macam yang kita punya akta amanah, nama-nama semua hebat-hebat. Orang tidak sangka dia *scammer*, tetapi, bila sudah dapat duit, "*Ana ente, ente ana.*" *60 percent* sini, *40 percent* situ, *80 percent*, tetapi hendak kata dia langsung tidak buat, tidak. Dia bagi juga, tetapi dia pandailah. Itu orang kata *creative accounting*. Ini Menteri Kewangan Kedua ada. Dia tengah jeling-jeling- dengar saya cakap ini.

Itu sebabnya Akta Audit ini kita buat pindaan di Dewan Rakyat, kita hendak bawa ke Dewan Negara supaya duit kerajaan ini tidak boleh. Dia sentuh RM1 pun, kerajaan boleh masuk dan menilai, tetapi masalah kita ini, duit orang swasta, duit orang yang terasa hendak membantu. Itu yang orang kata #tipahtertipu. Itu sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan akta

baharu ini, *insya-Allah*, kita harap kita pantau lebih. Boleh bagi, tetapi kena bertanggjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** *Assalamualaikum* dan selamat pagi. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan sebagai Speaker Dewan Negara pada hari ini. Soalan saya nombor 3.

**3. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apa nilai tambah baharu yang ditawarkan dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 yang akan bermula tahun hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]:** *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah atas pelantikan.

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Halim bin Haji Suleiman secara bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan lain iaitu pertanyaan lain daripada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Halim pada 23 Julai juga. Kedua, pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz pada 31 Julai dan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Idris pada 1 Ogos 2024, ini kerana kesemua soalan yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan isu dan perkara yang sama iaitu cadangan pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju supaya dilaksanakan semula Program Latihan Khidmat Negara dengan konsep dan format baharu untuk semua remaja warga negara Malaysia yang berumur 17 tahun dan ke atas mulai tahun 2025. Pelaksanaan semula PLKN adalah sebagai satu mekanisme utama untuk memantapkan jati diri, menyemai semangat patriotisme, mengamalkan nilai-nilai murni, menyatupadukan golongan muda daripada pelbagai kaum dan menanam semangat kesukarelawan.

PLKN yang baharu ini akan melibatkan tiga fasa. Bermula dengan fasa pra PLKN yang akan diperkenalkan di peringkat sekolah sebagai persiapan mereka menjalani Latihan Khidmat Negara selepas berusia 17 tahun. Program ini akan melibatkan pelajar-pelajar di Tingkatan 4 sahaja semasa kegiatan kokurikulum. Program pra PLKN ini berpandukan Program Pembinaan Karakter Generasi Madani (GenMADANI) yang dibangunkan dan disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada fasa kedua iaitu seterusnya, fasa asas. Remaja yang berusia 17 tahun akan dipilih untuk menjalani latihan asas di 13 buah kem askar wataniah di seluruh negara, 20 buah universiti awam dan beberapa buah politeknik. Fasa asas ini merangkumi pengisian latihan yang terdiri daripada modul asas kenegaraan sebanyak 30 peratus dan modul asas ketenteraan sebanyak 70 peratus.

Seterusnya, di peringkat fasa lanjutan. Semua anggota masyarakat yang menyertai angkatan simpanan dan sukarelawan akan juga dikehendaki mengikuti program-program PLKN yang modulnya akan disesuaikan mengikut keperluan setiap kementerian, jabatan dan juga agensi.

Berkenaan dengan rasional menetapkan latihan asas ketenteraan sehingga 70 peratus daripada modul keseluruhan PLKN, terdapat beberapa sebab yang menjadi pertimbangan. Antaranya, pertama, walaupun modul ketenteraan mencakupi 70 peratus daripada pengisian PLKN yang baharu ini, ia secara asasnya tidak merujuk kepada latihan ketenteraan yang bersifat intensif seperti yang diberikan kepada anggota tentera yang sebenar. Sebaliknya, modul ini menekankan aspek-aspek seperti disiplin diri yang merujuk kepada pengurusan masa, kebersihan, kepatuhan kepada peraturan, keupayaan untuk melakukan tugas dalam berkumpulan serta ketahanan dalam melakukan sesuatu tugas secara bertanggungjawab.

Kedua, penekanan sehingga 70 peratus modul ini adalah berasaskan kepada dapatan libat urus dengan pelbagai pihak yang memberi maklum balas tentang sikap dan perilaku golongan muda masa kini yang dilihat perlu untuk dibentuk dengan nilai-nilai keutuhan diri yang lebih meluas dan tegas.

Ketiga, kita berhasrat menjadikan PLKN yang baharu ini sebagai satu medium mendedahkan tentang realiti serta keistimewaan kerjaya pertahanan.

Dan keempat, kita melebihkan elemen ketenteraan ini kerana ia adalah satu elemen atau pendedahan yang tidak boleh diperoleh sepanjang masa. Sebaliknya, elemen-elemen seperti cinta akan negara, jati diri dan perpaduan sememangnya sudah sering menjadi fokus dan diberikan perhatian di pelbagai peringkat termasuklah di peringkat sekolah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pertahanan menyasarkan untuk melaksanakan fasa pra PLKN dan program perintis PLKN mulai bulan Jun 2025. Fasa latihan asas di 13 buah kem wataniah pula dijangka akan dimulakan seawal bulan April 2026 dan latihan asas di IPTA dan politeknik dijangka bermula semasa pengambilan pelajar sesi akademik 2026-2027. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** Soalan tambahan. Saya ingat- cari-cari, tidak nampak. Rupanya Menteri Pertahanan dekat belakang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Pertahanan yang peka tentang masa hadapan negara kita terhadap belia-belia kita dan anak-anak muda demi semangat menyedarkan generasi baharu untuk semangat ketahanan nasionalisme. Soalan saya, bagaimanakah pelaksanaan PLKN di peringkat fasa lanjutan? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Fasa lanjutan ini merujuk kepada fasa di mana ia terbuka kepada mereka di luar sana yang

menyertai badan-badan sukarela dan juga anggota simpanan berumur daripada 17 hingga 35 tahun.

Seperti kita sedia maklum, badan-badan sukarela dan anggota simpanan ini termasuklah daripada kumpulan Polis Bantuan, Bomba Bantuan, Anggota Pertahanan Awam, RELA, Rukun Tetangga dan sebagainya. Dan kalau kita sedia maklum, apabila mereka menyertai badan-badan seperti pasukan-pasukan ini, mereka hanya terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang terhad dan sebahagian besarnya tidak pun didedahkan dengan pelbagai latihan dan sebagainya.

Jadi, untuk fasa lanjutan ini, semua mereka ini akan kita pastikan akan menyertai modul-modul latihan PLKN sama ada daripada aspek kenegaraan ataupun daripada aspek ketenteraan supaya mereka ini terdiri daripada mereka yang mendapat manfaat daripada modul-modul PLKN yang telah kita bangunkan.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, nak ucapkan tahniah kepada pelantikan Dato' Yang di-Pertua.

#### ■1100

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian telah meneliti piawaian dalam menentukan proses pemilihan peserta PLKN yang ketiga itu. Adakah semua pelajar 17 tahun akan terlibat dan bagaimanakah program ini akan memberikan nilai tambah kepada belia dan negara? Dan sejauh manakah kementerian terlibat dalam sesi libat urus dengan agensi-agensis berkenaan menentukan hala tuju GenMADANI dalam memastikan ia kekal relevan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Sebahagiannya saya telah berikan jawapan bagaimana matlamat, tujuan kita wujudkan PLKN ini, apa yang kita harap dapat kita capai, tapi daripada segi pemilihan peserta seperti yang telah saya katakan, untuk pra-PLKN ianya melibatkan semua pelajar Tingkatan 4 di mana dalam masa mereka menjayakan aktiviti kokurikulum, maka, mereka akan diperkenalkan dengan Fasa Pra-PLKN ini. Dia bersamaan dengan pelaksanaan Modul GenMADANI yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Manakala bagi fasa asas, pemilihan peserta adalah secara rawak menggunakan pangkalan data yang mengumpulkan maklumat mereka dalam lingkungan umur 17 tahun. Ini tidak melibatkan keseluruhan mereka yang berumur 17 tahun, tetapi mereka yang terpilih.

Untuk makluman semua, PLKN 3.0 ini yang melibatkan fasa asas, ia akan melibatkan penyertaan 121,000 orang peserta. 26,000 orang peserta akan dilatih di Kem Wataniah manakala 96,000 peserta di 20 IPTA, Politeknik dan sebagainya.



Seperti yang telah saya katakan, pemilihan peserta ini dilakukan secara rawak. Mereka akan disaring mengikut kesesuaian. Kita memang akan lihat tahap kesihatannya. Kita akan lihat status persekolahannya- dia bersekolah atau tidak. Kita akan lihat sama ada dia ada rekod jenayah atau pun tidak dan kemudian kita akan lakukan pemilihan.

Manakala bagi golongan OKU, apa yang kita akan lakukan, mana yang terpilih mereka akan mengikuti latihan terus diuruskan oleh Jabatan Kebajikan. Jadi kita memang telah lakukan penilaian, penelitian yang mendalam dan *insya-Allah*, kita berharap mendapat sokongan semua rakyat Malaysia, tidak kira parti politik mana untuk memastikan kita dapat membina, menjayakan negara bangsa seperti yang kita idamkan. Terima kasih.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Dato' Yang di-Pertua, izin satu soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa sudah- dua atau tiga, tadi?

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Baharu satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada had. Dua sahaja.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Baharu satu yang lain... *[Ketawa]* Kalau diizinkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okeylah.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Terima kasih dan saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu. Saya mengambil sedikit *content* daripada ucapan Timbalan Menteri sebentar tadi berhubung dengan PLKN ini.

Menteri... *[Ketawa]* teringat kepada Menteri yang lama itu. Saya hendak sebut di sini daripada soalan yang pertama tadi menyebutkan tentang kita diancam. Kita kemungkinan berada di bawah ancaman pelbagai pihak dari timur dan barat, keselamatan negara, tapi oleh kerana PLKN ini memang sudah sedia pun ditubuhkan di bawah Kementerian Pertahanan Yang Berhormat Menteri, kenapa yang dikatakan- kita sebutkan bahawa kita tidak terlibat dengan latihan ketenteraan?

Apakah tidak mungkin supaya PLKN ini juga dimasukkan modul sekurang-kurangnya untuk asas ketenteraan bagi anak-anak muda ini supaya mereka juga nanti menjadi tim pelapis yang besar dalam mempertahankan negara, seandainya berlaku apa-apa bencana ketenteraan luar- gangguan? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin:** Memang Yang Berhormat. Terima kasih. Apabila kita laksanakan PLKN ini, yang berbeza dengan PLKN 1.0 dan 2.0 ialah kita memang menggalakkan semua yang telah menyertai dan kita mendorongnya untuk mengikuti dan menjadi antaranya angkatan simpanan dan juga angkatan sukarelawan. Itu yang pertama.

Kedua, seperti yang telah saya katakan tadi, kita memang ada 70 peratus modul ketenteraan yang mana melalui modul ketenteraan itu, kita mendedahkan realiti soal pertahanan dan keselamatan dalam negara kita, di mana antara penekanan kita ialah bahawa soal keselamatan dan pertahanan negara bukannya semata-mata diserahkan dan menjadi tanggungjawab Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Pertahanan.

Yang penting bagi masyarakat, sekurang-kurangnya mereka dapat mewujudkan lingkungan yang selamat dalam masyarakat supaya sekurang-kurangnya angkatan tentera boleh menghalakan tumpuannya kepada ancaman-ancaman luar negara, tetapi kalau kita dalam negara tidak mainkan peranan untuk mewujudkan lingkungan selamat, kita mengapi-apikan, rakyat hidup dalam keadaan tidak bersatu padu, tak ada keharmonian dan sebagainya, maka, sudah tentulah itu boleh menjejaskan keselamatan dalam negara.

Jadi melalui usaha kita, walaupun kita kata ada modul ketenteraan, mungkin tak seperti yang dibayangkan, maknanya kena berkawad sebagainya. Bukan itu sahaja, tetapi kita dedahkan mengenai kebertanggungjawaban, kesedaran mengenai aspek keselamatan dalam negara sekurang-kurangnya wujudkan lingkungan yang selamat di kalangan masyarakat supaya ancaman kita yang sebenarnya boleh dipertanggungjawabkan kepada angkatan tentera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** *Assalamualaikum warahmatullah.* Terima kasih dan ucapan tahniah kepada Yang di-Pertua atas pelantikan ke Dewan tertinggi perundangan di negara kita ini. Soalan saya, soalan nombor 4.

**4. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta Menteri Kewangan menyatakan, apa status dan penjelasan berhubung *National Fund-of-Funds* yang bakal diterbitkan oleh pihak Khazanah Nasional daripada sudut kemampuannya dan manfaat yang bakal diterima oleh pemain industri dalam kalangan bumiputera dan juga bukan bumiputera.

**Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tadi. Pertama, tahniah saya ucapkan kepada Dato' Yang di-Pertua atas pelantikan.

Dato' Yang di-Pertua, penubuhan *National Fund-of-Funds* bermula dengan inisiatif Belanjawan 2024 untuk memperkukuhkan ekosistem modal teroka Malaysia dengan memusatkan syarikat Malaysia Venture Capital Management Berhad dan Penjana Kapital Sdn. Bhd. di bawah Khazanah Nasional Berhad. Penubuhan NFOF kini berada pada peringkat akhir pelaksanaan dan dijangka selesai pada Oktober 2024.

Seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Sidang Kemuncak KL20, NFOF akan beroperasi dengan memperuntukkan awal atau aset di bawah pengurusan berjumlah RM1 bilion. Khazanah akan menyumbang majoriti daripada jumlah pendanaan RM1 bilion tersebut, manakala sebahagian lagi adalah daripada dana sedia ada dalam MAVCAP dan Penjana Kapital. Matlamat utama NFOF adalah untuk menyediakan modal kepada syarikat pemula yang inovatif dan berpotensi tinggi melalui pelaburan modal teroka- *venture capital* dan ekuiti persendirian.

NFOF akan melabur kepada pengurus-pengurus dana yang melabur dalam syarikat pemula yang inovatif dan berpotensi tinggi. Pelabur lain seperti syarikat pelaburan berkaitan kerajaan, syarikat swasta atau individu juga boleh melabur dalam pengurus dana yang sama dan syarikat pemula yang sama di bawah konsep *crowding-in* yang akan menarik lebih banyak pelabur ke dalam ekosistem sekali gus membina satu kitaran pendanaan yang mampan. Sebagai perbandingan, *PitchBook* melaporkan bahawa pada tahun 2023, Malaysia hanya mencatatkan 130 transaksi VC yang bernilai USD332 juta. Jumlah ini lebih rendah berbanding 205 transaksi di Indonesia dengan nilai mencecah USD1.2 bilion dan 846 di *Singapore* dengan nilai USD7.9 bilion.

Pelaburan NFOF yang memfokuskan kepada pengurus dana tempatan akan menarik pelaburan langsung domestik NFOF. NFOF juga akan menjadi rakan kongsi terhad kepada pengurus dana asing yang berminat untuk memulakan operasi di Malaysia dengan syarat mereka perlu menambah nilai kepada ekosistem tempatan dan memperuntukkan sebahagian dana untuk syarikat pemula tempatan.

#### ■1110

Penubuhan NFOF adalah selaras dengan aspirasi ekonomi Madani untuk memperkasakan syarikat pemula serta pengurus dana bumiputera dan bukan bumiputera. Penerima manfaat utama adalah rakyat Malaysia yang mempunyai teknologi atau idea perniagaan yang inovatif serta mempunyai aspirasi untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Secara tidak langsung NFOF akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pembangunan bakat tempatan yang bakal memacu inovasi dan kemajuan.

Selain itu, NFOF dijangka akan menyumbang kepada peningkatan kadar penerusan visi Malaysia dari USD332 juta pada tahun 2023 kepada USD1.4 bilion menjelang 2030. Seperti yang telah disarankan dalam Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia 2024 ke-2030, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan...

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap terima kasih pada Menteri atas penjelasan yang agak jelas. Cuma adakah *National Fund of Funds* ini satu inisiatif tambahan kepada inisiatif yang sedia ada seperti *The Future Malaysia Programme*, juga di bawah Khazanah dan kalau itu benar, apa situasi dana yang asal ini kemajuannya, penerimaannya? Terima kasih.

**Datuk Seri Amir Hamzah Azizan:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Dato' Yang di-Pertua, inisiatif NFOF adalah selaras dengan *Future Malaysia Programme* di bawah Dana Impak. Kedua-dua inisiatif ini akan menyokong pembangunan ekosistem syarikat pemula tempatan dan modal teroka yang akan memperkukuhkan para usahawan syarikat pemula. Visi dan *corporate venture*.

Inisiatif-inisiatif ini akan dijalankan melalui kolaborasi bersama rakan-rakan kongsi tempatan dan antarabangsa. Dana Impak telah mengenal pasti beberapa projek bernilai RM633 juta. Komitmen berjumlah RM240 juta telah diberi untuk program-program di bawah *Future Malaysia Programme*. Jumlah ini dilabur melalui tiga rakan kongsi iaitu *500 Global*, *Gobi Partners* dan *Plug and Play*. Dana Impak juga telah memeterai perjanjian perkongsian dengan *Plug and Play*, sebuah platform inovasi antarabangsa yang terkemuka untuk membina program *accelerator* dan *corporate innovation* tempatan.

Ini telah menghasilkan perkongsian dan kerjasama bersama syarikat-syarikat tempatan utama seperti CelcomDigi Berhad dan EDOTCO Group. Khazanah *Impact Innovation Challenge* ialah pertandingan yang diwujudkan oleh Khazanah untuk mencari dan menyokong modal perniagaan baharu untuk mencipta nilai yang strategik berdasarkan terma cabaran KIIC. Setakat ini *Initiative Future Malaysia Programme* telah melabur kepada 44 buah syarikat pemula Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Speaker soalan tambahan saya, apakah kriteria yang dibuat dalam kita membantu pemula ini, apakah di sana ada satu piawai seperti ESG untuk mereka ini berkembang kerana ini bersesuaian dengan dasar Madani yang menuju ke arah dasar perindustrian baharu yang menuju kepada *green* dan juga mesra alam, *environment*, *governance* dan juga sosial *impact*? Terima kasih Tuan Speaker.

**Datuk Seri Amir Hamzah Azizan:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada segi tatakelola program yang dibuat oleh Khazanah ini untuk memilih syarikat-syarikat yang boleh dilaburkan, institusi yang dipilih akan dilihat daripada segi kebolehan untuk menjana pada masa depan dan juga yang dah ada konsep yang inovatif dan berpotensi kerana kita memilih untuk bergabung dengan institusi-institusi antarabangsa mereka juga ada membawa kepakaran untuk menganalisis peluang-peluang yang ada.

Dengan proses yang mantap, kita berharap bahawa proses untuk memilih syarikat yang berpotensi akan lebih telus, lebih kuat lagi. Sudah pasti konsep-konsep baharu seperti ESG akan menjadi antara teras yang akan digunakan kerana kita nak syarikat yang berpotensi ini akan terus sukses pada masa depan kerana ESG ini merupakan satu konsep yang penting pada masa depan dan tidak boleh kita lari daripadanya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**5. Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apa pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Program Rakan Muda dan apakah usaha kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai belia menyertai program tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Belia dan Sukan [Puan Hannah Yeoh Tseow Suan]:** Tuan Yang di-Pertua, Rakan Muda telah menjadi program *flagship* kepada semua program-program belia dan sukan yang dilaksanakan dengan memperkenalkan dan menerapkan sepuluh gaya hidup Rakan Muda yang menepati cita rasa belia pada masa kini. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) inisiatif kerangka strategik Malaysia Madani, KBS dan *Outcome Based Budgeting*, kementerian menetapkan bahawa KPI inisiatif Rakan Muda memayungi pemerkasaan pembangunan belia dan sukan di Malaysia.

KPI ini diukur menerusi penglibatan anak muda berumur 13 hingga 30 tahun dalam semua program pembangunan belia dan sukan yang diselaraskan di bawah Rakan Muda merangkumi sepuluh gaya hidup rakan muda iaitu:

- (i) Rakan Aktif;
- (ii) Rakan Bumi;
- (iii) Rakan Demokrasi;
- (iv) Rakan Digital;
- (v) Rakan Ekspresi;
- (vi) Rakan Litar;
- (vii) Rakan Mahir;
- (viii) Rakan Muzik;
- (ix) Rakan Niaga; dan
- (x) Rakan Prihatin.

Dengan tujuan utamanya adalah pengisian masa lapang belia dengan aktiviti yang berfaedah juga selari dengan matlamat *Sustainable Development Goals* khususnya- SDG3 iaitu *good health and wellbeing*.

Selain itu, Program Rakan Muda juga memberikan fokus kepada golongan belia bandar dan luar bandar, pelajar sekolah dan IPT, belia antarabangsa, serta perkumpulan belia di samping turut mengambil kira nilai tambah daripada aspek kemahiran *softskill* dan penyerlahan bakat.

Pada tahun 2024 kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM20 juta bagi melaksanakan inisiatif dan Program Rakan Muda yang melibatkan golongan belia berumur 13 hingga 30 tahun. Melalui peruntukan tersebut, kementerian merancang untuk melaksanakan sebanyak 1,944 program termasuk pelaksanaan di peringkat daerah dan program secara kolaborasi bersama agensi luar melibatkan lebih 4,000 aktiviti. Kementerian juga menyasarkan sebanyak penyertaan dalam aktiviti yang ditawarkan program berbentuk fizikal ya, seramai 2 juta- golongan belia.

Sehingga Julai 2024, sebanyak 654 program, melibatkan 983 aktiviti telah dilaksanakan dengan jumlah penyertaan seramai 1.161 juta. Dengan adanya peruntukan

sebanyak ini kementerian dapat memperkukuhkan kerjasama strategik dengan *partner* lain, agensi dan rakan pelaksana yang lain. Usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi penyertaan belia, kementerian optimis sasaran ini dapat dicapai dengan kerjasama strategik semua pemegang taruh termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta bagi mengelakkan belia terlibat dengan gejala sosial yang tidak sihat dengan memanfaatkan masa lapang mereka dengan menyertai program rakan muda.

Dalam pada itu, kerjasama strategik dengan 51 rakan pelaksana melalui kerjasama agensi kerajaan dan badan sukarela diguna pakai untuk menggalakkan lebih ramai lagi penyertaan belia. Nanti saya jawab soalan tambahan bagi contoh-contoh lagi, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri, penjelasan yang telah diberikan. Saya ingin menyentuh kepada pengetahuan, kesedaran, penglibatan anak muda dalam sistem demokrasi negara kita. Dengan izin, *it can start work at the age of...*

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, ada peraturan. Semasa menjawab Menteri diminta untuk duduk kerana tidak boleh ada dua Senator yang berdiri semasa seorang bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih. Minta Menteri menjelaskan bagaimana kementerian melalui kerjasama merentasi kementerian dalam agensi mendekati pelajar sekolah anak muda yang 17 tahun itu dalam mempromosikan konsep Rakan Demokrasi, terima kasih.

■1120

**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya jelaskan tadi, kita sekarang menggunakan *whole of government approach*, dengan izin. Saya kena bagi latar belakang ini dulu. Tahun 2022, Rakan Muda dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara, satu agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan, menggunakan hanya RM3 juta, program-program.

Selepas kita *relaunch*, lancarkan semula, kita masukkan Rakan Demokrasi. Tahun lepas dan tahun ini, kita mempunyai program bersama agensi kerajaan untuk melaksanakan Rakan Demokrasi. Saya bagi contoh, dengan agensi KBS dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara serta sekarang kita beri kepada *Impact Integrated* juga di mana mereka akan buat video-video kesedaran mengenai penglibatan belia dan Undi18.

Kita juga dulu mempunyai satu agensi yang kita panggil i-LEAD. i-LEAD telah dipindah keluar dari Kementerian Belia dan Sukan, masuk Jabatan Perdana Menteri. Sekarang telah dinamakan sebagai Akademi Kenegaraan di mana mereka merupakan badan pelaksana

untuk program-program demokrasi sekarang di bawah bajet- di bawah Jabatan Perdana Menteri, bukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Okey.

KPM juga, Kementerian Pendidikan Malaysia dan KPT juga mempunyai program sendiri di mana mereka akan mendidik belia di bawah jagaan mereka mengenai topik demokrasi. Jadi, sekarang untuk demokrasi dan pemeraksanaan pendidikan mengenai demokrasi dilaksanakan oleh pelbagai agensi, tetapi semuanya kalau melibatkan belia 13 hingga 30 tahun, kita memang menggalakkan mereka menggunakan logo Rakan Muda. Jadi, tidak ada beza sama ada ini program KBS atau tidak.

Kita galakkan mereka- semua, kalau datang, hadir mereka ada *reward* sistem. Dalam Rakan Muda kita ada *partner* dengan *Food Panda*, *Grab*, *Shopee* dan *Lazada* di mana peserta Rakan Muda mereka dapat menikmati *voucher-voucher* bila mereka menggunakan *apps* tersebut. Saya difahamkan untuk *Grab* memang cukup popular dengan golongan belia, menggalakkan mereka menghadiri lebih banyak lagi program Rakan Muda. Jadi, kalau mereka menghadiri program Akademi Kenegaraan, Akademi Kenegaraan juga menggunakan logo Rakan Muda dan mereka boleh guna pakai *voucher* tersebut. Berbeza dengan zaman kita di mana kita menggalakkan pemberian sijil. Hari ini untuk golongan belia mereka pakai *voucher*, mereka kurang minat sijil. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada tambahan lain? Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah atas pelantikan Dato' Yang di-Pertua.

Soalan saya nombor 6.

**6. Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta Menteri Pendidikan menyatakan, laporan *Sinar Harian* bertarikh 27 Oktober 2023 yang menyatakan bahawa hanya 15.2 peratus pelajar di seluruh negara memilih Aliran Sains untuk Tingkatan 4 bagi sesi 2023/2024. Apa sasaran yang sepatutnya untuk Aliran Sains dan strategi untuk meningkatkan pelajar Aliran Sains.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya turut mengucapkan tahniah kepada Dato' atas pelantikan.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan murid bidang STEM termasuk Aliran Sains selaras dengan sasaran Dasar 60:40 Sains Teknikal berbanding dengan Sastera. Data KPM menunjukkan bahawa peratusan enrolmen murid STEM telah menunjuk satu peningkatan dari 40.95 peratus pada tahun 2021 kepada 50.83 peratus pada tahun 2024 iaitu sehingga bulan Jun 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif sebagai usaha meningkatkan minat dan peratusan penyertaan murid dalam bidang STEM. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 memberikan penekanan untuk:

- (i) meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran baharu dan pemantapan kurikulum;
- (ii) meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru bidang STEM;
- (iii) meningkatkan kesedaran terhadap STEM dalam kalangan murid, ibu bapa dan juga orang awam; dan
- (iv) menambah baik serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bidang STEM.

Terkini, langkah strategik KPM bagi meningkatkan minat murid dalam bidang STEM telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mac 2024. Antara langkah strategik tersebut adalah:

- (i) menggalakkan pembelajaran STEM yang bermakna;
- (ii) memperkasa peranan guru kaunseling dan bimbingan;
- (iii) membangunkan pentaksiran pembelajaran STEM yang autentik, inovatif serta holistik; dan juga
- (iv) mengukuhkan kerjasama bersama-sama dengan rakan strategik.

Selain itu KPM melaksanakan reformasi pendidikan dengan menubuhkan satu *taskforce* pendidikan STEM bagi memperkasa haluan pendidikan STEM negara.

STEM adalah bidang yang merentas sektor dan perlu juga dilaksanakan secara kolektif melalui sinergi semua pihak yang terlibat dalam ekosistem STEM Nasional. Dalam hal ini, sinergi antara kementerian seperti KPM, MOSTI dan juga KPT sentiasa diperkukuhkan untuk mengupayakan ekosistem pendidikan STEM.

Kerjasama dengan pihak industri dan rakan strategik seperti Yayasan Petronas, *Association of Science and Technology and Innovation* (ASTI) turut dipergiatkan untuk melaksanakan bagi melaksanakan program pendidikan STEM kepada murid dan juga guru. Komitmen KPM untuk meningkatkan minat murid dalam bidang STEM bagi menyediakan pakar STEM yang berkeelayakan dan mencukupi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi, sentiasa menjadi keutamaan selaras dengan keperluan Dasar Pendidikan Negara. Terima kasih.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Adakah ramai pelajar-pelajar tidak memilih Aliran Sains disebabkan oleh Program DLP yang dianggap kurang berkesan oleh ibu bapa? Juga, adakah DLP tidak diperkenalkan di semua



sekolah? Selain itu, adakah penurunan pelajar jurusan Sains turut berlaku di sekolah antarabangsa? Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih soalan dari Yang Berhormat Senator. Pertama sekali untuk program DLP.

Program DLP sekarang ada dilaksanakan dengan garis panduan yang sedia ada di Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang mana dalam program pelaksanaan DLP ini SJKC adalah tidak terlibat. Pihak Kementerian Pendidikan memang tidak nampak ada isu berkenaan dengan pengambilan mata pelajaran STEM di kalangan anak-anak kita.

Seperti yang saya maklumkan tadi berkenaan dengan sedikit sebanyak angka ataupun peratusan enrolmen murid STEM, pada tahun 2021 jumlah enrolmen adalah 40.95 peratus. Dia meningkat ke tahun 2023 sebanyak 45.73 peratus. Peningkatan sebanyak lima peratus dalam masa dua tahun. Dalam masa setahun ini iaitu pada tahun 2024 telah pun meningkat kepada 50.83 peratus. Ini merupakan hasil daripada usaha yang diambil oleh KPM dan juga rakan-rakan kita termasuk... *[Tidak jelas]* Ibu bapa dan juga warga didik yang mana untuk mempromosikan program-program kesedaran berkenaan dengan untuk memupuk minat di antara anak-anak kita bagi mengambil subjek-subjek STEM.

So, maka, setakat ini kita menampakkan satu trend untuk peningkatan. Walau bagaimanapun, segala komen, pandangan adalah dialu-alukan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Datuk Lim Pay Hen:** Soalan tambahan.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Soalan tambahan.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Soalan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Biar Datuk Lim. Datuk Lim, Datuk Lim.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *You* dah tanya tadi kan soalan?

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** ...Akan tetapi soalan saya tidak dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Dia dah jawab. Cuma *you* tidak suka jawapan dia... *[Ketawa]* Okey, Datuk Lim.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Lim, Datuk Lim. Biar Datuk Lim. Datuk Lim bangun dulu... *[Ketawa]*

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Timbalan Speaker. Selain daripada *artificial intelligence*, apakah bidang Sains yang dijangka akan menjadi *future driven industry* yang perlu diberikan penekanan dan lonjakkan oleh industri pendidikan sejak sekarang bagi memenuhi permintaan industri di masa akan datang? Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang ya. Sejak dulu lagi kita mempunyai satu dasar 60 peratus, 40 peratus dan dasar ini kekal sehingga sekarang. Ini juga merupakan salah satu usaha daripada KPM untuk memastikan bahawa anak-anak kita adalah terlatih dengan kemahiran ataupun skil-skil daripada segi saintifik, daripada segi sains dan juga teknologi.

■1130

Pada masa yang sama, apabila kita berbincang berkenaan dengan keperluan industri dan bagaimana kita nak pastikan bahawa kita menghala ke-satu hala tuju yang betul, maka di sini, pihak KPM seperti yang saya maklumkan tadi, kita ada kolaborasi bersama-sama dengan MOSTI dan juga KPT.

Cuma di sini juga saya nak maklumkan pada bulan Mei yang lepas juga, ketiga-tiga Menteri dari KPM, KPT dan juga MOSTI juga telah pun mengadakan satu perbincangan supaya bagaimana kita nak pastikan daripada segi latihan di peringkat KPM. *The demand*, dengan izin, permintaan di kalangan industri kita adalah selari dan selaras pada kesemua masa, pada sepanjang masa- material. Ketiga-tiga kementerian ini kami akan membentuk satu Jawatankuasa Bersama untuk mengendalikan isu berkenaan dengan pendidikan STEM dan juga permintaan dari industri berkenaan dengan pakar-pakar STEM kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

7. **Tuan Manolan bin Mohamad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh mana pihak kementerian memperkasa penguatkuasaan dan memberi kesedaran dalam kalangan masyarakat berkenaan pembuangan sampah yang tidak terkawal di merata tempat.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Allahumma salli`ala Sayyidina Muhammadin, wa`ala ali Sayyidina Muhammad.*

Tuan Yang di-Pertua, pembuangan sampah yang tidak terkawal sememangnya merupakan antara cabaran utama yang sedang dihadapi oleh KPKT dalam aspek pengurusan sisa pepejal. Walau bagaimanapun, kementerian ini akan sentiasa fokus dan komited dalam pengurusan sisa pepejal yang cekap dan berkesan bagi persekitaran yang bersih dan sihat,

agar kehidupan lebih berkualiti, terjamin untuk kesejahteraan rakyat. Ini adalah selaras dengan Tonggak Keenam Malaysia Madani yang sinonim dengan keseimbangan mutu hidup selari dengan matlamat pencapaian ekonomi kitaran.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ataupun SWCorp sejak tahun 2014 sehingga Mei 2024, sebanyak 9,640 buah lokasi sampah haram telah pun dibasmi di tujuh buah negeri, melibatkan 8,502 operasi penguatkuasaan sampah haram. Hasil daripada operasi ini, sebanyak 183 kes pendakwaan sampah haram telah pun disabitkan di mahkamah. Jumlah denda adalah sejumlah RM2,371,500.

Daripada perspektif tahap kesedaran dan amalan pengasingan sisa pepejal dan *reduce, reuse* dan *recycle* (3R) dalam kalangan masyarakat pula, perkara ini Tuan Yang di-Pertua, masih sentiasa diperkasakan. Berdasarkan kajian komposisi sisa yang dilaksanakan pada tahun 2023, rakyat Malaysia kini menjana sebanyak 39,054 tan sisa domestik setiap hari dan janaan sisa-sisa ini akan dilupuskan di tapak-tapak pelupusan sampah dan sekiranya keadaan ini berterusan, negara akan menghadapi masalah kekurangan tapak pelupusan sampah pada masa akan datang.

Justeru itu, KPKT melalui SWCorp telah pun melaksanakan beberapa inisiatif. Ada lima inisiatif- langkah penguatkuasaan dan juga tujuh langkah dalam meningkatkan kesedaran awam.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya di sudut penguatkuasaan, kita ada operasi serbuan dan intipan. Ini memakai seksyen 71, Akta Pengurusan Sisa Pepejal [Akta 672] yang mana kesalahan itu boleh dikenakan denda RM10,000 hingga RM100,000 dan juga pemenjaraan enam bulan hingga lima tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Keduanya, kita ada pemantauan oleh anggota penguat kuasa SWCorp.

Ketiga, kita ada pemantauan menggunakan kamera litar tertutup ataupun CCTV.

Keempat, kita ada cerapan lokasi sampah haram Tuan Yang di-Pertua, di mana SWCorp juga turut bekerjasama dengan pihak Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) untuk cerapan bagi di ketujuh-tujuh negeri yang memakai Akta 672.

Kita juga ada bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan ada beberapa program untuk meningkatkan kesedaran awam, pendidikan dan kesedaran awam Tuan Yang di-Pertua. Ada tujuh inisiatif. Salah satunya adalah pendidikan untuk pelbagai peringkat umur termasuk juga dengan kerjasama kita di peringkat sekolah.

Keduanya, adalah program *Trash to Cash* di mana kita ada 116,000 program yang telah pun berjalan sepanjang daripada bermula sejak tahun 2010 sehinggalah Mei 2024. Sebanyak 116,826 program telah dilaksanakan sama ada di peringkat sekolah, komuniti, prasekolah, IPT dan juga pejabat-pejabat kerajaan.

Ketiganya..., sikit lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Hajah Raj Murni binti Sabu:** Kita ada program pelaksanaan *World Cleanup* iaitu di mana 30,677 sukarelawan telah pun melibatkan diri dengan kita berjaya mengumpulkan sisa sebanyak 482,33.47 kilogram di 851 lokasi. Kita juga ada Sukarelawan Hero Kebersihan yang melibatkan kalangan rakyat kita berusia 7 hingga 90 tahun dan kini kita ada seramai 57,164 orang sukarelawan.

Selain daripada itu, kita ada banyak beberapa program lagi kempen-kempen contohnya Kempen Berani Tegur, bila kita melihat adanya berlaku pembuangan sampah secara terbuka dan Kempen Buanglah Sampah ke Dalam Tong Sampah. Ada satu program Tuan Yang di-Pertua iaitu pelaksanaan program Komuniti Sifar Sisa yang juga dilaksanakan di bawah dasar kebersihan dan ini terpakai dan telah pun dilaksanakan di 17 PPR yang ada di peringkat negara kita selain daripada hebahan-hebahan di media sosial. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan YB Manolan.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk membasmi pembuangan sampah-sampah haram ini? Terima kasih.

**Datuk Hajah Raj Murni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, sampah haram ini adalah merujuk kepada sisa pepejal melebihi dua tan yang dilupuskan di lokasi ataupun tapak yang tidak diwartakan. Ia boleh dialihkan menggunakan lori ataupun jentera.

Untuk melaksanakan pemantauan yang lebih cekap Tuan Yang di-Pertua, SWCorp telah pun memperoleh - selain daripada beberapa usaha yang kita sebutkan tadi, SWCorp juga telah memperoleh lapan unit dron bagi memantau kegiatan pembuangan sampah haram terutama di lokasi-lokasi *hotspot* dan tapak pelupusan haram melibatkan tujuh buah negeri yang mengguna pakai Akta 672.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia, pada tahun 2023, KPKT melalui SWCorp telah berjaya menutup sebanyak 2,093 buah tapak lokasi sampah haram dengan 15 kes pendakwaan dan denda yang terkumpul adalah RM168,000.

Pada Jun 2024 ini, kita mensasarkan- sebenarnya pada tahun 2024 ini, kita mensasarkan 2,000 buah tapak pelupusan sampah haram lagi untuk kita kesan dan kita tutup. Buat masa ini sehingga Jun 2024, kita telah pun menutup sejumlah 411 buah tapak haram dengan 13 kes pendakwaan dengan denda RM300,000. Ini kita melihat ada satu perkembangan yang baik Tuan Yang di-Pertua, di mana penyusutan itu menunjukkan bukannya kita tidak melakukan kerja, tetapi kita kurang menerima lagi tempat-tempat tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

Saya jemput Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Salam sejahtera Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

**8. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, hasil yang telah dicapai daripada program Agropreneur Muda dan bagaimanakah kementerian merancang untuk memperluaskan program ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]:** Selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Program Agropreneur Muda merupakan insentif yang disediakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) khusus bagi golongan muda untuk membantu dan menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Program Agropreneur Muda menawarkan bantuan geran dalam bentuk *in kind* ataupun barangan sehingga RM20,000 bagi setiap penerima. Pemberian geran ini dapat membantu golongan muda untuk mengurangkan kos permulaan projek-projek pertanian dan agromakanan. Skop projek di bawah program ini merangkumi projek tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Sehingga bulan Julai 2024, seramai 9,529 orang Agropreneur Muda telah mendapat kelulusan geran dengan nilai dalam bentuk barangan sebanyak RM174.16 juta. Pecahan penerima mengikut subsektor adalah seperti berikut:

- (i) tanaman sebanyak 39 peratus ataupun 3,680 orang;
- (ii) subsektor industri asas tani sebanyak 34 peratus atau seramai 3,258 orang;
- (iii) ternakan sebanyak 19 peratus atau seramai 1,813 orang; dan
- (iv) perikanan sebanyak 8 peratus ataupun seramai 778 orang.

#### ■1140

Kementerian juga sentiasa meneroka ruang dan peluang baharu untuk berkolaborasi dengan para pemegang taruh bagi meningkatkan penglibatan para belia yang berpotensi dalam bidang pertanian. Antara program dan kerjasama strategik yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertama, program jangkauan luar atau pun *outreach* yang dilaksanakan seperti Program Santai Agropreneur Muda di Perlis dari 12 hingga 14 Julai 2024 dan di Keningau, Sabah dari 29 hingga 30 Ogos 2024. Selain itu, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) turut melaksanakan jelajah promosi Program Agropreneur Muda ke setiap jajahan kawasan di bawahnya yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024.

Kedua, KPKM bersama Agrobank dan institusi pengajian tinggi tempatan bergabung tenaga melaksanakan Program Pembangunan Agropreneur Muda Siswazah ataupun dikenali sebagai PROBEST. Program kerjasama ini dapat memberi peluang kepada para belia khususnya dalam golongan siswazah yang masih menuntut untuk mendapat pengalaman secara langsung atau *hands on experience* dengan izin, daripada segi teknik dan juga teknologi pertanian dan juga pemasaran hasil pertanian.

Ketiga, kerjasama strategik dengan pihak-pihak yang mempunyai bank tanah dan tidak digunakan untuk membolehkan golongan muda mendapat akses kepada tanah berkenaan bagi tujuan pertanian. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang kita maklum, perutusan dibaca pada pagi tadi, kita ada 27 RUU yang perlu diluluskan dalam masa tempoh lapan hari. Hari ini sahaja empat yang kita kena luluskan. Jadi, saya hendak pendekkan masa sesi soal jawab, tetapi saya akan benarkan soalan-soalan berikut ini ditanya tanpa soalan tambahan. Boleh ya? Ini saya rasa saya nak beri saya hendak sampai soalan nombor 11, tetapi tanya soalan, Menteri jawab. Lepas itu tiada soalan tambahan. Boleh ya?

**Seorang Ahli:** Terima kasih Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya lupa saya yang buat *ruling*, tetapi saya minta jasa baik dan budi bicara daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, sekarang saya jemput Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim.

**Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim:** *Assalamualaikum*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 9.

**9. Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air menyatakan, berkenaan kenaikan tarif elektrik dan air di Malaysia sedangkan Kerajaan Singapura berupaya untuk menurunkan tarif elektrik di *Housing and Development Board* (HDB). Bukankah Singapura mendapat bekalan elektrik dari Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Singapura *Energy Market Authority* (EMA) adalah agensi yang memainkan peranan utama dalam mengawal selia pasaran elektrik di Singapura. Harga bekalan elektrik di Singapura adalah berdasarkan harga pasaran dan perubahan harga bahan api di pasaran global akan memberi kesan langsung kepada harga bekalan elektrik di Singapura.

Dalam hal ini, pelarasan harga bahan api di Singapura disemak setiap suku tahun atau tiga bulan sekali. Oleh itu, Kerajaan Singapura pada 28 Jun 2024 telah mengumumkan purata kenaikan tarif elektrik kepada pengguna domestik. Sebenarnya bukan turun ya dia naik bagi

tempoh Julai hingga September 2024 iaitu sebanyak 0.3 peratus atau bersamaan SGD0.09 sen per kilowatt hour berikutan peningkatan harga bahan api.

Ini bermakna kadar tarif elektrik baharu termasuk cukai bagi pengguna domestik di Singapura adalah sebanyak SGD0.33 sen atau pun per kilowatt jam ataupun bersamaan RM1.15 per kilowatt jam. Secara puratanya, pengguna domestik di perumahan *Housing dan Development Board* (HDB) dengan penggunaan elektrik sehingga 569 kilowatt jam bersamaan bil elektrik bulanan sehingga SGD169 atau RM589 akan mengalami kenaikan bil elektrik sekitar 45 sen hingga RM1.80 sebagai perbandingan untuk tempoh sebulan.

Manakala, bagi pengguna domestik bagi kediaman selain HDB iaitu apartmen, teres, *semi detached* dan banglo, penggunaan elektrik sebulan melebihi 573 kilowatt jam hingga 2,360 kilowatt jam atau bil elektrik sebulan SGD170.82 akan mengalami kenaikan di antara SGD0.51 hingga SGD2.12 iaitu bersamaan dengan RM1.80 sehingga RM7.38 sebulan. Sebaliknya, pelarasan tarif elektrik di Semenanjung disemak setiap enam bulan sekali dengan mengambil kira harga pasaran bahan api.

Dalam hal ini, kerajaan pada 28 Jun 2024 yang lalu telah bersetuju supaya tiada kenaikan tarif elektrik kepada semua pengguna di Semenanjung yang mana tarif elektrik sedia ada kepada pengguna domestik dikekalkan sehingga 31 Disember 2024 walaupun sepatutnya semua pengguna membayar tarif elektrik yang lebih tinggi setelah semakan harga bahan api dibuat melalui mekanisme ICPT atau pun, dengan izin, *Imbalance Cost Pass-Through*.

Terakhir sekali, perenggan terakhir. Dalam hal ini, pengguna domestik dengan penggunaan 600 kilowatt jam dan ke bawah atau bil elektrik bulanan bersamaan RM3 sehingga RM219 masih menerima rebat sebanyak 2 sen per kilowatt jam. Selain itu, pengguna dalam julat penggunaan melebihi 600 kilowatt jam hingga 1,500 kilowatt jam iaitu bil bulanan antara RM232 hingga RM778 tidak dikenakan sebarang surcaj ICPT manakala penggunaan lebih 1,500 kilowatt jam atau bil elektrik bulanan melebihi RM936 baharulah dikenakan surcaj ICPT sebanyak 10 sen per kilowatt jam.

Oleh itu, keputusan kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan subsidi elektrik secara bersasar kepada pengguna domestik sehingga 31 Disember 2024 adalah wajar dan sekali gus membuktikan bahawa kerajaan prihatin dan cakna terhadap isu kos sara hidup rakyat. Sekian, terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Soalan saya nombor 10, Tuan Speaker.

**10. Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta Perdana Menteri menyatakan, maklum balas hasil Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah kompetensi DUN menggubal undang-undang supaya tidak bercanggah dengan kuasa Persekutuan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam usaha memartabatkan undang-undang Islam menurut kerangka yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Jawatankuasa Khas ditubuhkan bagi membuat kajian yang mendalam dan kritikal tentang isu kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam serta bidang kuasa mahkamah syariah sebagai mana yang diperuntukkan di bawah Butiran 1 Senarai II- Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Kertas Makluman Gerak Kerja Jawatankuasa Khas ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-71 pada 15 Februari 2024 dan *pre-council* Majlis Raja-Raja pada 20 Februari 2024.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi memastikan kajian yang komprehensif dibuat, sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan dibuat dari semasa ke semasa. Setakat ini, antara sesi libat urus yang dibuat melibatkan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Mufti Negeri, Majlis Agama Islam Selangor, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Ketua Hakim Syarie negeri-negeri serta pakar perundangan dan perlembagaan.

Sesi libat urus bersama individu, institusi atau agensi lain juga akan dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dari semasa ke semasa.

Pendekatan sedemikian secara tidak langsung dapat membantu Jawatankuasa Khas untuk melihat semua aspek yang berkaitan secara holistik sama ada daripada aspek Perlembagaan Persekutuan, perundangan sivil dan syariah termasuklah hukum syarak bagi memastikan laporan kajian yang komprehensif dapat dihasilkan. Berdasarkan kajian, analisis, perbincangan dan sesi libat urus serta mengambil kira semua cadangan oleh pelbagai pihak, Jawatankuasa Khas merumuskan syor berdasarkan kerangka asas. Cadangan antara lainnya yang pertama menjelaskan kedudukan mahkamah syariah sebagai mahkamah yang mempunyai bidang kuasa eksklusif dan setara secara amnya dengan Mahkamah Sivil.

#### ■1150

Kedua, memperluas bidang kuasa mahkamah syariah agar mahkamah syariah dapat melaksanakan bidang kuasa yang diberikan dengan sepenuhnya tanpa ganggu-gugat.



Ketiga, memperkukuh kuasa mahkamah syariah supaya berwibawa mentadbir keadilan dan mengeluarkan perintah serta hukuman sebagai mahkamah yang berkompeten.

Setakat ini, mesyuarat jawatankuasa khas ini telah diadakan secara berkala dan setakat ini sebanyak 25 kali mesyuarat telah dilaksanakan. Jawatankuasa khas ini akan menyediakan laporan hasil kajian dan pandangan terhadap semua isu yang berbangkit dalam tempoh tidak melebihi satu tahun untuk dibentangkan kepada Mesyuarat MKI dan Majlis Raja-Raja untuk perkenan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Sekarang ini saya jemput soalan terakhir kita pada pagi ini Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

**11. Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan, status pemantauan berkala kementerian terhadap kenaikan harga barangan asas sejak pensasaran semula subsidi diesel dilaksanakan dan berapakah jumlah kompaun yang telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan pada kadar yang tidak munasabah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong atas soalan.

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan daripada YB-YB Senator berikut iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya bertarikh 23 Julai 2024; Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar bertarikh 23 Julai 2024; Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali bertarikh 23 Julai 2024; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa bertarikh 29 Julai 2024; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. 'Azman Azhar Musa' bertarikh 30 Julai 2024; Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris bertarikh 30 Julai 2024; dan Yang Berhormat Senator Puan Anna Bell bertarikh 1 Ogos 2024 kerana Datuk Yang di-Pertua, soalan ini semua berkaitan dengan pensasaran subsidi diesel dan juga kawalan harga barang ya, berkenaan dengan tindakan penguatkuasaan, implikasi di Sabah dan Sarawak dan sebagainya.

Sebagaimana yang semua sedia maklum Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 21 Mei 2023 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa Kabinet telah bersetuju untuk melaksanakan pensasaran subsidi diesel menggantikan pemberian diesel secara pukal di stesen minyak. Keputusan ini adalah terpakai di Semenanjung Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak memandangkan kebanyakan isi rumah di Sabah dan Sarawak menggunakan kenderaan yang menggunakan diesel. Keputusan ini juga adalah bagi mengurangkan

ketirisan dan penyeludupan diesel yang banyak merugikan negara, tetapi menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan bahawa harga barang tetap stabil dan kekal tanpa berlaku kenaikan yang tidak munasabah kepada pengguna akhir- *end-user*.

Datuk Yang di-Pertua, pada minggu pertama pensasaran subsidi dilakukan, KPDN mendapati bahawa ada penurunan 27 peratus jualan diesel secara runcit. Kenaikan 44 peratus jualan diesel komersial dan ada penurunan 24 peratus jualan diesel di sempadan. Manakala perbandingan 20 hari sebelum dan 20 hari selepas pensasaran subsidi dilakukan, kita dapati bahawa berlaku 78 peratus penurunan kes ketirisan dan juga penurunan 87 peratus ke atas rampasan diesel berbanding 20 hari sebelum dan 20 hari selepas.

Kadar penurunan kes ketirisan yang mendadak dilihat semakin bertambah jumlahnya daripada masa-ke-semasa. Tidak hanya sekadar itu, KPDN telah mengambil langkah-langkah khusus bagi membendung aktiviti mencatut atau mengambil kesempatan mengaut keuntungan yang tidak munasabah menggunakan pensasaran subsidi sebagai alasan. Pertama, kawalan dan penguatkuasaan melalui Ops Kesan 2.0. Pra Ops Kesan dimulakan pada 2 Mei sebelum pensasaran subsidi lagi untuk memantau harga-harga barang ya dan supaya kita ada *database* berkenaan dengan harga barang. Ops Kesan 2.0 dimulakan, dilancarkan pada 8 Julai, dua hari sebelum pensasaran subsidi.

Sehingga 21 Julai 2024, sebanyak 17,341 buah premis telah pun diperiksa melibatkan 20,975 jenis SKU telah diperiksa di seluruh negara, di seluruh Semenanjung Malaysia. Sebanyak 244 Notis Bertulis telah dikeluarkan dan lapan Kertas Siasatan telah dibuka dan sedang dalam proses siasatan. Sebanyak 18 buah syarikat pula telah dipanggil untuk memberi penjelasan dan KPDN mengingatkan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang mendapati cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang. Izinkan saya sedikit lagi sebab banyak jawapan tadi Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tahu, tapi jangan panjang sangat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Sikit saja lagi Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Sebab banyak, 10 jawapan, 10 soalan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Baik. Jawab sekali harung saja... *[Ketawa]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Pemantauan harga secara berterusan juga diteruskan. Saya ingin maklumkan pegawai pemantau harga serta penguat kuasa, pegawai pemantau harga seramai 900 orang dan penguat kuasa seramai 2,200 orang sentiasa memantau harga. 480 item barangan dipantau dan datanya dikutip secara harian melibatkan 1,500 buah premis. Pemantauan data harga selepas lima minggu pelaksanaan rasionalisasi diesel ataupun penyelarasan diesel, kita dapati bahawa tiada kenaikan ketara dan harga barangan adalah stabil. Turun naik adalah biasa dalam pasaran ekonomi terbuka.

Manakala soalan berkenaan dengan harga barang Sabah dan Sarawak serta Labuan yang dihantar dari wilayah, saya ingin memaklumkan bahawa ianya tidak melibatkan diesel pengangkutan-pengangkutan air itu tidak melibatkan diesel yang digunakan di pam ya. Ia menggunakan jenis diesel, jenis bahan api khusus iaitu *marine fuel oil* (MFO) dan juga *marine gas oil* ya Datuk Yang di-Pertua.

Akhir sekali, menangani impak penyasaran subsidi diesel. Kita- semua tahu berkenaan dengan BUDI MADANI (Individu), BUDI MADANI (Agri MADANI) serta juga BUDI MADANI (*fleet card*) yang melibatkan SKDS 2.0 yang melibatkan 23 jenis kenderaan yang telah disenaraikan di bawah SKDS 2.0. Setakat ini, inilah dia saya *nak* maklumkan berkenaan dengan bagaimana kita mengawal impak. Namun, Datuk Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa daripada 410 jenis kenderaan yang layak untuk mendaftar, lebih kurang hanya separuh sahaja yang telah mendaftar.

Jadi, saya harap tidaklah digunakan alasan untuk menaikkan harga barang sebab kadang-kadang kita pergi pasar malam, mereka kata, "*Naik harga barang, sebab naik harga diesel*". Ya, saya juga dimaklumkan bahawa BUDI MADANI (Individu) ini, 300,000 buah kenderaan yang layak. Tapi, hanya 125, 130 lebih kurang yang memohon. Jadi, ramai lagi yang tidak memohon tapi kita tahu bahawa mereka layak dan disarankan supaya mereka memohon. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan ini berakhirlah Sesi Soal Jawab Lisan. Setiausaha.

***[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SISTEM INSURANS PEKERJAAN (PINDAAN) 2024**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.58 pg.**

**Menteri Sumber Manusia [Tuan Sim Chee Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampak bergaya pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan Sim Chee Keong:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [*Akta 800*] yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merupakan suatu undang-undang yang menyediakan faedah-faedah kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan. Contoh faedah yang dikemukakan:

- (i) Elaun Mencari Pekerjaan;
- (ii) Elaun Bekerja Semula Awal;
- (iii) Elaun Pendapatan Berkurangan;
- (iv) Elaun Latihan;
- (v) Fi Latihan; dan
- (vi) Program Penempatan Pekerjaan Semula.

Akta ini terpakai kepada pekerja berstatus warganegara dan pemastautin tetap. Akta ini merupakan program jaringan keselamatan sosial yang terdiri daripada dua buah komponen utama iaitu insurans pekerjaan dan perkhidmatan pekerjaan.

#### ■1200

Insurans pekerjaan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan menyediakan faedah-faedah berbentuk bantuan tunai sementara. Manakala perkhidmatan pekerjaan pula menyediakan bantuan carian pekerjaan, penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya dan program latihan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan baharu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Akta 800 meliputi semua pekerja swasta tanpa mengira jumlah gaji bulanan dan tertakluk kepada pekerja yang mempunyai hubungan majikan dan pekerja. Walau bagaimanapun, siling caruman adalah tertakluk kepada siling gaji sehingga RM5,000 sebulan sahaja seperti ketetapan dalam Jadual 2 Akta 800. Bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 sebulan, pekerja tersebut akan mendapat perlindungan dan caruman di bawah Akta 800, tetapi amaun caruman dan faedah akan dikira pada takat RM5,000 sahaja.

Seperti mana cadangan pindaan Akta 4 yang saya akan bentangkan- kalau di Dewan Rakyat dulu, ada yang baca pindaan Akta 4 dahulu, tetapi Dewan Negara, dia baca Akta 800 dulu. Peningkatan siling gaji untuk caruman dari RM5,000 kepada RM6,000 di bawah Akta 800 ini adalah selaras dengan pengumuman Belanjawan 2024. Sehubungan itu, suatu pindaan ke atas Akta 800 perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan siling gaji bulanan kepada RM6,000 akan mewujudkan caruman yang baharu bagi lingkungan gaji bulanan dari RM5,000 sehingga RM6,000. Peningkatan ini sudah tentu menambah baik perlindungan keselamatan sosial

PERKESO dengan meningkatkan faedah-faedah seperti elaun mencari pekerjaan, elaun bekerja awal dan lain-lain yang berkaitan.

Bagi menjelaskan sedikit lagi tentang perkara ini, saya memberikan contoh. Pada masa ini, seorang pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 dan layak menerima elaun mencari pekerjaan selama enam bulan. Pengiraan elaun mencari pekerjaan bagi pekerja tersebut mengikut siling gaji sedia ada dan jumlah keseluruhan yang diterima untuk enam bulan adalah RM13,365. Ini untuk keadaan semasa. Dengan pindaan baharu siling gaji kepada RM6,000, pekerja yang sama tadi akan menerima RM16,065. Dalam hal ini, kita nampak ada peningkatan 20.2 peratus bagi siling gaji baharu berbanding dengan siling sedia ada iaitu daripada RM13,000 lebih kepada RM16,000.

Dalam proses menggubal pindaan ini, terdapat beberapa Sesi Libat Urus telah dijalankan bersama dengan Kementerian Kewangan dan pihak-pihak berkepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini melibatkan pindaan kepada subseksyen 16(2) Jadual Kedua dan Jadual Ketiga. Peruntukan-peruntukan sedia ada Akta 800 yang dipinda melibatkan fasal-fasal yang berikut:

- (a) subseksyen 16(2) iaitu had siling gaji di mana subseksyen ini dipinda bagi menaikkan had maksimum, dengan izin, *insurability* ataupun kebolehinsuranaan amaun gaji pekerja di bawah Akta 800 dari tadi RM5,000 kepada RM6,000;
- (b) Jadual Kedua perenggan 2 – kadar caruman. Jadual ini menyatakan kadar caruman bagi majikan dan pekerja yang dihitung berdasarkan gaji bulanan. Peningkatan siling gaji bulanan sehingga maksimum RM6,000 melibatkan pindaan kepada Jadual Kedua perenggan 2; dan
- (c) Jadual Ketiga iaitu kadar faedah. Jadual ini menyatakan gaji bulanan anggapan bersamaan dengan jumlah caruman majikan dan pekerja untuk maksud pembayaran elaun mencari pekerjaan, elaun bekerja semula awal dan elaun pendapatan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan baharu melibatkan 10 butiran baharu dalam Jadual Kedua perenggan 2. Peruntukan baharu ini menunjukkan caruman baharu bagi gaji bulanan melebihi RM5,100 sehingga gaji bulanan melebihi RM6,000.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sistem insurans pekerjaan merupakan satu elemen yang amat penting dalam memastikan pasaran buruh Malaysia kekal dinamik, cekap dan responsif kepada perubahan persekitaran. Bagi golongan pekerja, sistem insurans pekerjaan ini memberikan perlindungan dan jaminan pendapatan berterusan, bantuan berterusan untuk pencarian dan penempatan pekerjaan sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan mereka.

Bagi orang berinsurans yang telah hilang pekerjaan, sistem insurans pekerjaan ini dapat mengurangkan kesusahan dan kemiskinan, dengan izin, *ensure there is food on the table* untuk menyara diri dan keluarga sementara mencari dan mendapatkan pekerjaan baharu. Mereka juga akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan semula dan sesuai khususnya melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula yang merupakan antara faedah dalam skim ini.

Dengan jaminan pendapatan semasa mencari pekerjaan baharu, sistem insurans pekerjaan dapat mengurangkan tekanan dan masalah sosial serta mengelakkan masalah kewangan yang boleh menyebabkan konflik-konflik keluarga dan konflik sosial.

Kerajaan berharap supaya Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024 ini akan dapat memberi impak yang disasarkan iaitu menjamin keselamatan sosial penerima faedah dan manfaat sedia ada serta yang baharu.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 10 orang Ahli yang hendak berbahas. Memandangkan kesempitan masa, saya akan hanya membenarkan 5 minit satu orang.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

#### **12.06 tgh.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih, Yang di-Pertua. Datuk Yang di-Pertua, saya berpandangan bahawa bulan pemutihan yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia setakat 30 Jun lalu wajar dilanjutkan ke suatu tempoh yang memadai. Perlanjutan yang saya cadangkan tersebut adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada mana-mana syarikat khususnya pengusaha PMKS untuk menguruskan pendaftaran caruman insurans untuk pekerja-pekerja mereka.

Sejajar dengan cadangan tersebut, saya meletakkan harapan agar kementerian menerusi PERKESO di setiap negeri dapat menganjurkan sesi libat urus dengan majikan tanpa mengira sektor perniagaan. Penganjuran libat urus tersebut boleh meningkatkan literasi

serta kepekaan mereka terhadap perihal insurans pekerjaan khususnya yang menyentuh tentang perubahan kadar baharu caruman mengikut tangga gaji melebihi RM5,000 yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Seiring dengan pelaksanaan projek rintis Dasar Gaji Progresif (DGP) yang dikelola oleh Kementerian Sumber Manusia, PERKESO serta agensi-agensi berkaitan sewajarnya menyediakan pelbagai insentif dorongan baharu yang boleh memangkin produktiviti syarikat-syarikat berskala kecil dan sederhana secara progresif.

Secara hipotesisnya, peningkatan produktiviti perniagaan boleh merangsang penjanaan keuntungan bulanan yang seterusnya memberi kesan langsung kepada kenaikan gaji dan pematuhan caruman insurans pekerja. Dorongan tersebut berupaya menarik lebih ramai penyertaan sumber manusia yang berkemahiran dan berpengalaman untuk bekerja di syarikat atau perusahaan mereka. Menerusi sumbangan tenaga kerja dengan kelebihan sebegitu, satu-satu perniagaan dapat digunakan secara mampan. Kemapanan, ia itulah yang akan meningkatkan kestabilan kewangan perniagaan yang boleh dimanfaatkan dengan merealisasikan skim kenaikan gaji yang relevan dengan sumbangan produktiviti seperti yang difalsafahkan dalam Dasar Gaji Progresif.

Jika kita mengamati pindaan Akta 800 ini, kita akan menyedari bahawa kerajaan sedang melaksanakan suatu mekanisme perundangan yang mempunyai matlamat untuk memperluaskan jaringan perlindungan pekerja menerusi insurans. Kepentingan insurans pekerjaan mengikut konteks Akta 800 ini membolehkan seseorang individu pencarum dilindungi apabila berlakunya keadaan-keadaan tertentu seperti kehilangan pekerjaan.

Seperti yang kita sedia maklum, musibah COVID-19 yang melanda global empat tahun lalu telah melumpuhkan banyak perniagaan dan mengakibatkan kadar pengangguran nasional meningkat.

#### ■1210

Berdasarkan data perangkaan Sistem Insurans Pekerja PERKESO seramai 140,608 individu rakyat Malaysia kehilangan pekerjaan dari bulan Mac 2020 hingga Ogos 2021. Oleh sebab itu, golongan majikan tidak seharusnya sesekali mengetepikan kepentingan caruman insurans pekerjaan yang boleh menjadi talian hayat kepada seseorang pekerja yang berdepan dengan senario pemberhentian mengejut.

Syarikat baharu atau *startup* merupakan segmen majikan yang perlu mengutamakan caruman insurans pekerja sebagai langkah bertanggungjawab untuk mempersiapkan pekerja dengan kewangan sekiranya berlaku penutupan perniagaan.

Berbicara mengenai penutupan perniagaan saya tertarik untuk menyentuh tentang penutupan syarikat penerbangan *MYAirline* yang pernah mengejutkan kita. Walaupun begitu, yang paling penting adalah kira-kira seramai 277 orang kakitangan syarikat *MYAirline* telah menerima faedah daripada Sistem Insurans Pekerjaan. Realitinya menerusi manfaat caruman

di bawah Sistem Insurans Pekerjaan, seseorang individu yang kehilangan pekerjaan boleh mendapatkan pelbagai bentuk bantuan sokongan PERKESO, antaranya seperti Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB), dan Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA).

Justeru dengan adanya manfaat-manfaat yang disediakan tersebut caruman insurans yang dibuat oleh majikan dan pekerja secara tidak langsung dapat sekurang-kurangnya membantu seseorang individu yang baharu kehilangan kerja meneruskan kehidupan sepanjang tempoh mencari kerja baharu- *one more paragraph*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Tambahan pula, caruman insurans pekerja boleh menyelamatkan seseorang individu untuk menggunakan duit simpanan yang sewajarnya dimanfaatkan untuk tujuan-tujuan kecemasan yang lebih penting pada masa hadapan.

Datuk Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Dato' Kesavadas. Sekarang saya jemput Sentor Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

**12.12 tgh.**

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Datuk Yang di-Pertua, pertamanya juga merapatkan ucapan tahniah kepada Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Pertamanya, saya ingin menyatakan bahawa program SIP ini, ia telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Keenam, Dato' Sri Najib Abdul Razak waktu dia menjadi Perdana Menteri.

Datuk Yang di-Pertua, ketika COVID-19 ini berlaku banyak pekerja kita terkesan akibat dibuang ataupun diberhentikan secara tiba-tiba dan ada pula tidak diterima kerja semula selepas pasca-COVID-19. COVID-19 benar-benar memberi kesan mendalam kepada ekonomi negara terutamanya kepada pekerja-pekerja sektor swasta.

Untuk pengetahuan, SIP ini dicipta sebelum COVID-19, telah banyak membantu golongan-golongan yang terjejas dan terkesan. Rang undang-undang ini dipinda sepanjang dua kali dalam tempoh yang begitu dekat. Berkemungkinan juga akan berlaku perubahan-perubahan yang pada masa akan datang dan juga masa terdekat. Seharusnya, kerajaan perlu



mempertimbangkan bagi meningkatkan kadar siling kepada yang lebih tinggi dengan caruman yang sedikit tinggi terutamanya bagi golongan yang mempunyai pendapatan yang lebih dari siling yang ditetapkan.

Datuk Yang di-Pertua, hal ini kerana golongan T20 mahupun golongan yang berpendapatan tinggi melebihi siling juga boleh dikatakan terkesan dengan risiko dibuang kerja tanpa sebab. Golongan-golongan ini mempunyai banyak komitmen yang perlu difikirkan jika ia dibuang kerja tanpa sebab. Sepatutnya, kerajaan mengehendkan terus kepada siling RM10,000 mahupun lebih dengan caruman yang sedikit lebih tinggi. Golongan-golongan ini semestinya mampu untuk membuat caruman yang telah ditetapkan.

Seterusnya, berkaitan dengan tempoh enam bulan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Enam bulan adalah tempoh yang sangat singkat. Tidak ramai yang mendapat pekerjaan semula dengan cara yang mudah. Ada yang mengambil masa untuk mendapatkan semula pekerjaan selari dengan *skill* ataupun gaji pekerjaan yang sebelumnya. Hal ini dikhuatiri ramai di kalangan T20 akan jatuh miskin.

Seperti yang saya katakan tadi, mereka ini terdedah dengan risiko dibuang kerja tanpa sebab. Sebab semua pekerja terutama di sektor swasta mempunyai risiko ini. Seharusnya kerajaan perlu bersikap panjang jauh ke hadapan mungkin wabak COVID-19 akan muncul semula pada masa hadapan sedangkan kita tidak belajar dengan COVID-19 yang telah berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir adalah berkaitan dengan *reskilling*. Golongan-golongan tertentu sukar mendapatkan pekerjaan akibat *skill* yang tidak selari dengan pekerjaan sebelumnya. Walau bagaimanapun, usaha *reskilling* ini sangat membantu golongan tertentu bagi mendapatkan pekerjaan yang lain daripada bidang pekerjaan sebelumnya. Namun, ia sedikit membebankan golongan tersebut kerana terpaksa belajar perkara baharu demi *survivability*. Apakah sektor-sektor yang diketengahkan oleh kerajaan terutamanya dalam konteks *reskilling* ini?

Dan yang terakhir, hal ini tidak akan jadi masalah jika ekonomi negara baik dan ia tidak membebankan. Perkara ini adalah disebabkan oleh faktor COVID-19 yang mengganas suatu ketika dahulu. Pada masa kini, kos sara hidup sangat membimbangkan, bukan hanya memberi kesan kepada pekerja, tetapi turut memberi kesan kepada syarikat-syarikat yang terpaksa memotong kos dan memberhentikan pekerjaanya. Oleh itu, langkah memulihkan ekonomilah yang sepatutnya menjadi prioriti kerajaan bagi menjaga hak-hak pekerja. Mohon menyokong, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput YB Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

**12.18 tgh.**

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Timbalan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan ucapan saya pada hari ini. Saya dengan rasa rendah hati merafakkan sembah ucapan tahniah atas pelantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah.

Tidak lupa juga saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah atas pelantikannya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara pada pagi tadi.

Saya ingin berbahas Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024 iaitu Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [*Akta 800*]. Hari ini kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan yang antara lain memberi faedah pembayaran elaun mencari kerja kepada mereka yang kehilangan pekerjaan.

Pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri ini secara dasarnya adalah untuk meningkatkan siling gaji bulanan bagi maksud caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000. Dengan pindaan ini mereka yang bergaji tidak lebih RM6,000 dibenarkan untuk mencarum dalam skim perlindungan pekerjaan ini ataupun Sistem Insurans Pekerjaan. Maka akan berlakunya pertambahan kepada pendeposit untuk menjadi ahli yang mencarum kepada PERKESO. Dengan ini PERKESO akan mendapat nila tambah dan seterusnya meningkatkan pendapatan ataupun *revenue* kepada PERKESO.

**■1220**

Pada pendapat saya, perkara ini sebagai satu usaha murni kerajaan dan juga PERKESO, di samping majikan dikehendaki membayar sumbangan kepada PERKESO berdasarkan kadar yang ditetapkan untuk membiayai manfaat insurans pekerjaan kepada pekerja mereka.

Saya juga ingin bertanya mengenai kerjasama daripada majikan-majikan di Malaysia agar mereka mematuhi peruntukan dalam RUU ini setelah berkuat kuasa. Sejauh manakah denda dan hukuman yang ditentukan dan dikenakan agar memastikan majikan di negara kita mematuhi kepada akta ini apabila dikuatkuasakan? Apakah mekanisme pemantauan yang dijalankan oleh kementerian bagi kepatuhan kepada akta ini menjadi berkesan?

Seterusnya mengenai skop perlindungan kepada kategori pekerja yang lebih luas termasuk pekerja sementara, pekerja kontrak atau bekerja sendiri yang sebelum ini tidak dilindungi oleh undang-undang ini. Sejauh manakah penekanan diberikan terhadap aspek program peningkatan kemahiran *upskilling* dan *reskilling* khususnya untuk menjamin hak dan kebajikan pekerja *gig* khususnya serta pekerja sektor yang tidak formal?

Sesungguhnya, pekerja *gig* ini telah lama menunggu satu ekosistem lebih baik yang dapat menjamin hak dan kebajikan mereka terpelihara daripada segi gaji dan juga perlindungan keselamatan sosial mereka. Saya juga ingin ketahui jumlah permohonan faedah Sistem Insurans Pekerja (SIP) yang dikemukakan kepada PERKESO setakat ini serta jumlah individu yang berjaya dibantu dalam tempoh lima tahun semenjak ia diperkenalkan pada 2018.

Yang terakhir, apakah inisiatif kerajaan untuk menggalakkan pekerja ini mencarum dalam Dana Padanan yang diperkenalkan di bawah PERKESO? Caruman ini sangat penting bagi mereka mendapatkan faedah perubatan, perlindungan dan tuntutan pampasan sekiranya berlaku kemalangan semasa menjalankan pekerjaan mereka.

Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat kerana menjimatkan masa. Sekarang ini, saya jemput Yang Berhormat Noorita Sual.

## 12.22 tgh.

**Puan Noorita binti Sual:** Salam sayang, selamat tengah hari. Yang dihormati Datuk Speaker. Salam sejahtera kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Senator yang lain. Terlebih dahulu, izinkan saya untuk merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Dato' Speaker dan rakan-rakan Senator baharu. Selamat datang dan selamat bertugas saya ucapkan.

Datuk Speaker, saya turut menyokong Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan ini untuk menaikkan had siling atau maksimum kebolehinsurans amaun gaji pekerja daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan. Namun, saya ingin tahu berapakah jumlah terkini syarikat swasta yang telah berdaftar dengan skim ini?

Menurut penggulungan Menteri Sumber Manusia baru-baru ini, setakat Jun 2024 sebanyak 20,661 permohonan telah diluluskan bagi tuntutan kehilangan pekerjaan. Saya ingin tahu berapakah jumlah setakat ini caruman yang telah dikutip oleh PERKESO di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP)? Bolehkah saya tahu apakah pecahan permohonan 20,661 yang diluluskan ini mengikut negeri?

Saya percaya, lebih ramai lagi pekerja yang tidak menuntut hak mereka di bawah skim ini memandangkan skim ini baharu saja diperkenalkan. Saya juga percaya, ramai masih lagi belum tahu akan kewujudan SIP dan tidak tahu akan faedah-faedah yang boleh mereka terima di bawah skim ini, tidak kurang juga yang keliru dan beranggapan bahawa potongan bagi caruman ini adalah potongan bagi keselamatan sosial pekerja.

Datuk Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh tentang liputan dan jaringan sistem insurans ini yang hanya diberikan kepada pekerja swasta semata-mata. Bagaimana pula dengan sektor-sektor lain? Saya berpendapat sistem ini gagal melindungi pekerja kontrak,

pekerja sementara, pekerja tidak formal seperti mereka yang bekerja sendiri dan pekerja domestik serta juga pekerja *gig*. Padahal, sektor pekerjaan ini turut sama menyumbang kepada ekonomi negara.

Ini saya kira adalah bercanggah sedikit dengan objektif, fungsi dan konsep utama penubuhan PERKESO yang berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi *pooling of resources, sharing of risks and replacement of income*, dengan izin. Saya menyeru agar skim ini turut juga diperluaskan kepada sektor-sektor lain yang saya sebut tadi. Saranan saya agar semua pekerja-pekerja yang berdaftar di bawah Skim Keselamatan Sosial perlu juga dilindungi di bawah SIP ini.

Datuk Speaker, meneliti kepada kelayakan di bawah skim insurans ini, ada dua jenis kelayakan yang saya kira perlu kita pertimbangkan. Menurut laman PERKESO, mereka yang meletak jawatan secara sukarela dan mereka yang habis tempoh perkhidmatan atau penyiapan kerja atau penamatan kontrak perkhidmatan secara persetujuan bersama tanpa terma dan syarat tidak dikategorikan sebagai kehilangan pekerjaan. Oleh itu, mereka tidak layak menerima faedah di bawah skim insurans ini.

Saya boleh terima kalau skim ini tidak memberikan perlindungan kepada pekerja yang dibuang kerana salah laku, tetapi saya merasakan bahawa kita seperti menghukum atau menafikan hak pekerja yang letak jawatan secara sukarela dan tamat perkhidmatan secara persetujuan.

Saya pasti, banyak sebab-sebab yang munasabah mengapa seseorang bertindak untuk meletak jawatan secara sukarela. Contohnya, keinginan mencari pekerjaan yang lebih baik, masalah kesihatan mental, kes buli, berpindah ke tempat lain, bertukar jenis pekerjaan, masalah keluarga dan sebagainya. Bagaimana dengan mereka yang dipaksa secara halus untuk meletakkan jawatan?

Sukar untuk dibuktikan dan akan memakan masa dan kewangan untuk dibuktikan. *At the end of the day, they don't have job*, dengan izin, tetapi saya kira tidak boleh kita kecualikan mereka daripada menerima faedah-faedah di bawah skim ini kerana mereka telah pun mencarum. Ini banyak berlaku di kalangan anak-anak Sabah yang bekerja di luar Sabah. Contohnya, sekian lama mereka bekerja di luar Sabah, sampai satu masa mereka ingin dekat dengan keluarga dan kampung halaman. Jadi, mereka mencari pekerjaan yang lebih dekat dengan kampung halaman. Jadi, mereka meletak jawatan secara sukarela.

Saya yakin masalah ini bukan sahaja berlaku di Sabah, malahan di mana-mana sahaja. Ramai pekerja-pekerja berhijrah jauh meninggalkan keluarga dan kampung halaman untuk mencari pengalaman dan sumber pendapatan yang lebih baik demi kesejahteraan institusi keluarga mereka.

Begitu juga dengan trend semasa pengambilan pekerja yang bersifat kontrak, sementara atau terhad. Banyak syarikat swasta yang lebih cenderung mengambil pekerja

secara kontrak terhad. Kita tidak boleh menyalahkan syarikat-syarikat swasta sepenuhnya atas dasar ini, memandangkan mereka juga ingin melindungi kelangsungan perusahaan mereka.

Tanggungjawab untuk menjaga kebajikan pekerja perlu kita tangani bersama. Namun begitu, di bawah SIP ini caruman wajib dikenakan kepada semua pekerja swasta, tetapi caruman ini tidak dikecualikan kepada syarikat yang mengambil pekerja secara kontrak terhad pula. Saya faham, di bawah SIP perlindungan diberikan sekiranya berlaku sesuatu yang mengakibatkan seorang pekerja hilang pekerjaan sebelum tamat kontrak.

Namun begitu, bagaimana pula hak-hak mereka yang tidak hilang pekerjaan sehingga tamat kontrak terhad mereka? Ada kemungkinan mereka ini akan mengambil tindakan untuk menuntut pemberhentian secara yang disenaraikan layak untuk menerima SIP. Untuk menerima faedah SIP sebelum tamat kontrak terhad maka tidak hairan kalau nanti ada pekerja yang akan bersekongkol dengan majikan agar mereka mendapat faedah SIP melalui kaedah ini.

Oleh itu, sekiranya majikan telah pun mencarum dan pekerja juga telah mencarum, apa rasionalnya kita menafikan kebajikan mereka di bawah SIP ini? Jadi kesimpulannya, wajar kita perluaskan faedah ini kepada mereka yang meletak jawatan secara sukarela dan mereka yang tamat kontrak terhad.

Persoalan saya yang terakhir, saya ingin tahu sampai bilakah capaian portal sistem faedah SIP yang masih *under construction*, dengan izin atau di bawah penambahbaikan sejak 30 Januari 2024, akan mula beroperasi kembali? Dengan itu, saya akhiri perbincangan saya dengan menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail.

**12.28 tgh.**

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, sekali lagi ucapan tahniah saya kepada Yang di-Pertua, Dato' Yang di-Pertua yang baharu mengangkat sumpah sebentar tadi.

Datuk Yang di-Pertua dan Ahli Dewan, daripada muka akhir kertas rang undang-undang ini sudah disebutkan bahawa kerajaan tidak menanggung apa-apa pun beban kewangan daripada rang undang-undang ini, tetapi yang saya pasti, saya nak ucap tahniah. Bukan tahniah menyokong atas usaha untuk memperkasakan pekerja.

Cuma, jarang kita berfikir bagaimana nak bantu majikan. Hari-hari, gaji nak kena naik. Insurans nak kena tambah. *Business* makin runtuh. Kerja makin kurang. Kontrak makin tak

ada, tetapi kita tak banyak beri perhatian kepada mereka, untuk sikit perhatian Ahli Dewan. Kita bicara hari ini Akta 800, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya nak fokus pendek-pendek. Takut tak sempat nak pusing ceramah hari ini... [Ketawa] Isu-isu tentang pengangguran dan juga kehilangan pekerjaan akibat revolusi teknologi kecerdasan buatan ataupun *artificial intelligence* (AI). Ini sangat memberi kesan langsung kepada perkembangan baharu hari ini.

Pertama, aspek teknologi AI ini mungkin akan menyebabkan transisi atau peralihan daripada segi pekerjaan yang sangat meluas sedang berlaku sekarang ini. Majikan juga hilang pekerjaan. Bukan sahaja pekerja sendiri hilang gaji dan hilang pendapatan apabila majikan tutup.

Persoalan-persoalan yang mungkin timbul, bagaimana kerajaan menangani isu ini kerana pengangguran yang berlebihan bakal mendatangkan kerugian kepada negara dalam konteks pembinaan generasi modal insan yang berkemahiran. Adakah terdapat strategi dari sudut penyediaan program, inisiatif atau kursus bagi membantu masyarakat yang terkesan dengan kemajuan digitalisasi? Payahnya nak sebut. Sistem AI ini.

Kedua, satu saranan saya untuk PERKESO perlu untuk memastikan penerimaan faedah di bawah Akta 800 mencari pekerjaan baharu bagi memastikan tempoh pengangguran tidak berterusan. Tempoh pengangguran tidak berterusan. Di bawah Akta 800 ini mempunyai faedah elaun, program rundingan pekerjaan, rundingan kerjaya, bengkel menghasilkan resume, kaunseling kerjaya, profiling bersasar, penganjuran program-program karnival dan sesi temu duga sama ada secara *online* ataupun secara bersemuka di seluruh negara. Sejauh mana sambutan terhadap program-program yang dijalankan, yang disebutkan tadi?

Ketiga, pelaksanaan Program *Career Launchpad*, dengan izin, bagi meningkatkan persediaan peralihan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam kerjaya-kerjaya mereka. Namun, yang pertamanya saya ingin mengetahui data atau jumlah permohonan pelajar yang berdaftar bagi menjalani program ini sebagaimana persediaan mereka ke alam kerjaya.

Keempat, permohonan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Setakat Jun 2024, berapakah jumlah permohonan tuntutan kehilangan pekerjaan atau *loss of employment* dan berapa yang telah pun diluluskan? Kalau ada. Kedua, apakah sektor pekerjaan yang paling signifikan dan paling banyak yang memohon SIP ini?

Ketiga ini pun satu hal. *Kot* boleh kita fikir-fikirkan sama. Pekerja sendiri, tak ada majikan. Dia majikan, dia lah pekerja. Nak bagi insurans apa yang kita boleh beri kepada dia untuk membina masa depannya yang juga sekarang ini sangat tercabar. Semua barang naik. Traktor, harga kos traktor naik, benih padi naik, semua naik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi petani, pekebun kecil yang kurang mendapat pendedahan pekerjaan SIP, apakah usaha kerajaan bagi meningkatkan pendedahan terhadap SIP kepada golongan ini agar mereka tidak terpinggir daripada menjadi pencarum? Status kepatuhan SIP, kepatuhan syariah, apakah wang yang dicarumkan ini benar-benar menepati syariah atau patuh syariah dalam pelaksanaannya?

Akhirnya, dalam tempoh yang mengejut, tempoh lima minit ini, bagi pelajar yang menjalankan program latihan industri atau praktikal di syarikat-syarikat, apakah mereka juga turut mendapat perlindungan daripada insurans ini?

Terima kasih atas kesempatan masa yang diberikan. Saya menyokong dan saya harap juga mendapat perhatian tentang perkara-perkara yang saya bangkitkan untuk kepentingan pekerja mahupun orang yang bekerja dan juga sekali gus menjadi majikan. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Tak banyak orang fikir fasal majikan. YB dah suarakan. Sekarang ini saya jemput Senator Tuan Abun Sui Anyit untuk berbahas.

**12.34 tgh.**

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang di-Pertua yang baharu, rakan kita dari Sarawak iaitu Dato' Awang Beme bin Awang Ali Basah.

Kedua, saya juga ingin mengucapkan Daulat Tuanku kepada Yang di-Pertuan Agong yang ke-17 dan juga Raja Permaisuri Agong yang baharu sahaja ditabalkan pada 20 Julai yang lepas. Jadi, sempena hari ini juga adalah hari cuti di Sarawak iaitu Hari Sarawak yang ke-61, saya ingin mengucapkan Hari Sarawak kepada rakyat Sarawak yang meraikannya pada hari ini. Hari ini juga sebenarnya adalah menurut Warta adalah *Sarawak Independence Day*.

Seterusnya, saya ingin membahaskan tentang SIP ini ataupun Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Pindaan) 2024. Saya ada beberapa perkara yang ingin sentuh di mana perkara ini dipinda untuk menaikkan jumlah caruman yang perlu dibayar oleh majikan. Saya sangat bersetuju dengan pindaan ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah langkah-langkah ataupun apakah justifikasi, dengan izin kerajaan menaikkan caruman ini kerana apabila kita menghadapi COVID yang lepas, baharu sahaja ekonomi mahu dipulihkan, tiba-tiba kita naikkan ini akan menambahkan kos kepada majikan yang ada, yang mungkin sudah dalam keadaan bermasalah, masih lagi proses bangkit.

Saya melihat pindaan ini lebih kepada mereka yang bergaji besar, RM5,000 dan ke atas. Jadi, adakah langkah-langkah yang kerajaan buat kalau ada yang tidak mematuhi caruman ini, tidak mendaftar ataupun tidak membayar kepada mereka yang diambil bekerja

bersama dengan mereka? Adakah pindaan ini akan menjadi lebih baik untuk menjamin supaya pekerja itu tidak sewenang-wenangnya akan dibuang pekerjaan?

Bagaimanakah pula dengan mereka yang terpaksa juga berhenti bekerja atas sebab-sebab yang tertentu? Yang saya ingin sampaikan juga di sini adalah kerana ia melebihi RM5,000 dan ke atas, bagaimana pula mereka yang tidak sampai pun kepada RM5,000? Jadi, adakah undang-undang lain yang boleh mereka gunakan sebagai menjamin supaya kelangsungan mereka bekerja dengan sektor majikan yang ada di dalam negara kita?

Sepertimana dalam fasal yang ke-16, bagaimana kerajaan menangani apabila pekerja yang tidak stabil pencapaian gaji mereka, yang tidak sampai kepada RM5,000? Mungkin ada pihak majikan yang mungkin menahan kenaikan gaji sesetengah pekerja mereka sehingga tidak sampai kepada RM5,000 atau ke atas sehingga tidak lagi terpaksa untuk mendaftar pekerja ataupun mencarum untuk perkara yang begini.

Akhir sekali saya ingin bertanya supaya bagaimanakah kita menangani pekerja yang dibuang secara beramai-ramai sepertimana yang pernah berlaku sekarang ini di syarikat di Sarawak, di mana 126 orang pekerja Penan dibuang bekerja kerana mereka mengatakan bahawa mereka tidak diberitahu sebab yang sebenar, yang wajar untuk mereka dibuang bekerja sedangkan mereka adalah ketua-ketua keluarga di Sarawak.

Jadi, dengan ini saya menyokong pindaan ini untuk kali ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Memandangkan masa nak sampai pukul 1, jadi saya bagi YB sekarang enam minit lah. Tambah sikit.

**12.39 tgh.**

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Datuk Seri Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta maaflah kalau saya tak adil kepada yang sebelum ini, tetapi kerana jasa baik YB sebelum ini, kita jimat masa, tetapi saya nak bagi peluang kepada Menteri untuk menjawab pada jam 2.30 nanti. Jadi, kita habiskan pembahas sampai pukul 1.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Masa panjang, tapi saya sebenarnya akan berbahas pendek, tapi saya cuba... *[Ketawa]*

■1240

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini dah lain dah ini. Kita bagi masa panjang, dia minta masa pendek... *[Ketawa]*

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam RUU iaitu dinamakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024. Bagi saya, ini satu pindaan yang baik di mana pekerja ini memang kita kena ambil langkah-langkah yang baik supaya produktiviti mereka itu meningkat. Ini bagi



saya adalah satu rentetan daripada langkah kerajaan iaitu untuk meningkatkan gaji progresif yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Sistem insurans ini sebenarnya, dia memberi pindaan daripada gaji RM5,000 kepada RM6,000. Apakah sebenarnya pindaan ini akan memberi manfaat kepada pekerja-pekerja yang tidak ada potongan SOCSO? Ataupun apakah ini pertambahan-pertambahan potongan daripada gaji pekerja ataupun sumbangan majikan iaitu SOCSO dan juga sistem insurans pekerja ini? Maksudnya dua potongan. Jadi itu saya pun- kerana tak jelas. Jadi, harap Menteri boleh jelaskan.

Seterusnya, adakah pekerja-pekerja yang tidak mendapat potongan bulanan ini seperti yang mengambil upah kerja harian- ramai yang kerja dapat upah harian dan juga pekerja-pekerja yang mendapat upah melalui kontrak ataupun projek yang hendak dilaksanakan itu, bila projek itu sudah selesai, mereka dapat bayaran gaji, tetapi apabila projek itu dah selesai, mereka tidak ada bayaran gaji. Jadi adakah ini juga akan termaktub dalam ini?

Saya ada *special case* di sini sebenarnya. Ada satu majikan yang buat aduan kepada saya dan pekerja-pekerja ini, satu *department* ini telah ditutup. Maka, ramai yang telah diberhentikan, tetapi ada yang tidak mendapat pampasan daripada syarikat tersebut. Sedangkan beliau sudah bekerja lama di situ, sedangkan kawan dia yang baharu bekerja, mendapat pampasan. Jadi, adakah mereka ini juga boleh dapat insurans ataupun bayaran untuk mereka mendapatkan wang sementara mereka mendapat pekerjaan baharu? Jadi ini pun bagaimana sebenarnya pekerja-pekerja ini untuk nak menuntut, sedangkan mereka tidak tahu bagaimana mereka hendak tuntutan dan di mana dan berapakah jumlah tuntutan tersebut.

Sekiranya sekarang ini syarikat tersebut, majikan tersebut tidak melakukan caruman ataupun tidak melakukan pemotongan ke atas gaji mereka, adakah mereka layak dalam sistem insurans pekerjaan ini? Adakah mereka layak dapat, tetapi SOCSO dipotong dan EPF juga ada, tetapi sistem ini tidak ada. Jadi itu soalan saya kepada Menteri. Adakah mereka diberi?

Seterusnya berkenaan dengan...

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kata pendek, bolehkah saya celah sedikit?

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia hendak bantu Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Bagi panjang sikit. Bila Yang Berhormat sebut tadi tentang syarikat tutup, pekerja tidak dibayar pampasan, tutup kerana sudah rugi. Kalau pekerja ini memang dibuang, sepatutnya dibayar pampasan, tetapi kalau sudah tutup, macam mana hendak bayar pampasan, dia sendiri sudah mungkin bankrap. Jadi, apa komen Yang Berhormat sendiri?

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Menteri kena jawab... [Ketawa]

Sebab dia tutup, sebab sekarang ini banyak syarikat yang tutup. Kadang-kadang bukan disebabkan dia rugi, tetapi dia tidak ada projek tersebut, tetapi sebelum itu mereka ada projek dan mereka mungkin untung sudah berjuta, tetapi apabila projek itu habis, mereka tutup. Jadi pekerja-pekerja ini ada yang dibayar pampasan, ada yang tidak dibayar pampasan. Yang dibayar pampasan ini, yang bekerja tidak lama, tetapi yang bekerja lama- ada saya dapat aduan ini, mungkin lepas ini saya boleh beri kepada Menteri. Sudah bekerja 11 tahun, tetapi tidak dapat pampasan. Adakah disebabkan pampasan dia lebih tinggi, maka itu dia tidak dapat pampasan?

Jadi ini persoalannya dan *department* tersebut ditutup kerana mereka tidak ada projek atas *department* tersebut, tetapi *company* itu masih wujud. Itu soalan saya tadi. Adakah mereka layak sekiranya mereka tidak masuk dalam skim ini? Sebab sistem ini baharu iaitu 2017 dan *implement* pada 2018 dan kita ada pindaan di situ. Jadi, itu soalan saya. Harap Menteri dapat memberi penjelasan.

Maka dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Akta Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Dato' Sivaraj. Enam minit ya. Tinggal YB dengan YB Arman sahaja dua orang. So, saya bagi enam minit.

**12.45 tgh.**

**Dato' Sivaraj a/l Chandran:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan Salam Madani. Timbalan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang untuk membahas Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Sistem Insurans Pekerjaan ini membawa beberapa perubahan penting yang akan memberi manfaat besar kepada para pekerja di negara kita. Antaranya adalah peningkatan siling gaji dari RM5,000 ke RM6,000 yang akan membolehkan lebih ramai pekerja layak untuk mendapat manfaat insurans. Ini adalah langkah yang tepat memandangkan kos hidupan yang semakin meningkat. Peningkatan siling gaji ini akan memberi Elaun Mencari Pekerjaan yang lebih tinggi kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan, membantu mereka menampung kos hidup semasa tempoh pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga berpotensi memperluaskan perlindungan kepada pekerja-pekerja kontrak dan *freelance* yang sebelum ini mungkin tidak dilindungi oleh insurans pekerja. Ini adalah langkah yang sangat positif kerana ia akan memastikan lebih ramai pekerja dalam sektor formal mendapat perlindungan sosial yang sewajarnya.

Tambahan pula, usaha untuk memproses tuntutan dalam masa seminggu selepas kehilangan pekerjaan dengan dokumentasi lengkap, akan memberi bantuan segera kepada pekerja yang terjejas. Proses tuntutan yang lebih pantas ini akan mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh pekerja yang kehilangan pekerjaan secara tiba-tiba.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meningkatkan keselamatan dan kecekapan sistem PERKESO juga amat penting. Dengan adanya teknologi canggih dan mekanisme pemantauan yang kuat, kita dapat mengurangkan penipuan dan kecurian dan menjadikan pengurusan insurans lebih telus dan efektif. Ini akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem insurans pekerjaan kita.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, program *cross training and reskilling* yang dicadangkan akan membantu pekerja yang dihentikan kerja untuk mendapatkan kemahiran baharu dan mencari pekerjaan dalam bidang yang berbeza. Ini adalah langkah yang proaktif untuk memastikan tenaga kerja kita sentiasa relevan dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana pepatah Inggeris mengatakan, dengan izin, *“The best way to predict the future is to create it.”* Dengan pindaan ini, kita sedia mencipta masa hadapan yang lebih cerah dan terjamin untuk para pekerja di negara kita.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kebimbangan yang perlu kita ambil kira. Satu, peningkatan caruman mungkin memberi beban kewangan tambahan kepada majikan, terutamanya majikan-majikan kecil. Oleh itu, adalah sangat penting untuk kerajaan mempertimbangkan insentif atau bantuan kepada majikan-majikan kecil untuk membantu mereka menampung peningkatan caruman ini.

Selain itu, tempoh Elaun Mencari Pekerjaan selama enam bulan mungkin tidak mencukupi bagi semua pekerja untuk mendapatkan pekerjaan baharu terutamanya dalam sektor-sektor tertentu. Oleh itu, kita perlu mempertimbangkan untuk melanjutkan tempoh elaun ini sehingga sembilan bulan atau satu tahun. Itu cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan kepentingan menangani masalah ketidaksepadanan pekerja. Kita perlu memastikan bahawa terdapat program peningkatan kemahiran yang mencukupi untuk membantu pekerja mendapat kemahiran baharu yang relevan dengan pasaran pekerjaan semasa. Dengan ini, kita dapat memastikan pekerja dapat kembali bekerja dengan cepat dan mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.

#### ■1250

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024 ini kerana ini adalah langkah yang tepat, yang progresif, yang penting untuk memastikan kebajikan pekerja kita terjamin. Dengan pindaan ini, saya yakin kita dapat membina sistem insurans pekerjaan yang lebih inklusif, efisien dan berkesan untuk semua rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang kita pergi kepada pembahas terakhir. Sila habiskan sampai jam satu tengah hari.

Saya jemput sekarang Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah.

**12.50 tgh.**

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian. Saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana memberikan saya ruang untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja (Pindaan) 2024.

Tuan Yang di-Pertua, kita- semua sedia maklum bahawa keadaan peluang pasaran pekerjaan hari ini semakin sengit dengan lambakan graduan belia yang masih menganggur. Pekerja sedia ada yang kehilangan pekerjaan atas pelbagai sebab. Pekerja yang terpaksa beralih bidang dan melepaskan sedia ada kerana alasan tertentu dan sebagainya.

Justeru itu, pindaan dibuat pada Akta 800 bertepatan dengan senario di mana para pekerja harus dibantu agar mereka boleh meneruskan kelangsungan hidup mereka dalam masa yang sama terpaksa memikul tanggungjawab untuk menyara kehidupan keluarga mereka.

Pindaan ini saya anggap telah memberikan sedikit kelegaan kepada ketua keluarga yang terkesan selepas pandemik COVID-19. Peningkatan caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 adalah satu langkah yang cukup positif seiring dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat hari ini. Apabila meningkatkan caruman mereka, maka jugalah elaun yang dibayar kepada pekerja mencarum.

Walau bagaimanapun, kali terakhir pindaan yang sama dibuat adalah pada tahun 2022 selepas lebih kurang dua tahun dibuat, sekali lagi tahun ini tuntutan dan faktor-faktor yang mendesak, perkara ini kita bangkitkan semula dalam Dewan.

Saya berharap agar masa yang akan datang, kenaikan nilai caruman ini boleh diputuskan oleh kementerian kerana caruman insurans ini adalah nilai yang saya percaya mempunyai keperluan, potensi peningkatan daripada semasa ke semasa mengikut peredaran zaman. Namun, saya menyambut baik pindaan ini yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia hari ini agar rakyat semua faham dan sedar akan hak dan tanggungjawab mereka sebagai majikan dan juga pekerja.

Saya juga percaya, masih ramai lagi pekerja yang kurang sedar dengan faedah yang ditawarkan oleh PERKESO dalam sistem insurans pekerjaan ini. Saya berharap, para pekerja perlu sedar yang caruman mereka boleh disemak melalui aplikasi MyPrihatin agar memastikan majikan bertanggungjawab membayar caruman mereka.

Tidak lama dahulu, rata-rata rakyat sukar hendak menyemak caruman-caruman mereka kerana memerlukan masa ke pejabat PERKESO untuk menyemak yang mana perkara ini amat melecehkan dan juga mengambil masa untuk menyemak caruman mereka. Ramai juga yang kecewa bila dapat tahu caruman mereka tidak berbayar. Berlaku musibah, baharulah mereka tahu syarikat tidak bayar caruman mereka kepada PERKESO.

Berbalik kepada pindaan dibuat pada Akta 800, saya amat berharap agar pindaan ini dapat memanfaatkan para pekerja daripada pelbagai sektor yang terkesan terutama dengan kemajuan teknologi di pasaran global yang beralih ke teknologi kecerdasan buatan ataupun AI *technology*. Apakah statistik terkini daripada segi bilangan pekerja dan anggaran elaun yang boleh dikongsikan oleh pihak kementerian akan memberi impak dan memberikan kesan kepada pekerja yang berpotensi kehilangan pekerjaan ekoran peralihan teknologi AI pada masa terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, senario kehilangan pekerjaan ini ekoran peralihan teknologi ini akan berlaku dalam satu gelombang yang cukup besar. Justeru itu, apakah tindakan, langkah mitigasi yang akan diambil oleh KESUMA dan PERKESO untuk pekerja yang bakal terkesan dengan peralihan teknologi AI.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang duduk dalam Dewan ini mendengar rata-rata suara Ahli Dewan. Ini menunjukkan kementerian ini mempunyai satu menteri yang cukup prihatin dalam dasar dan rang undang-undang yang akan kita bawa ini... *[Tepuk]*

Jadi Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana berada dalam Dewan untuk mendengar suara daripada Ahli Dewan Negara. Pada surat lain pula, SIP ini adalah satu sistem insurans. Oleh itu, apakah tempoh masa tertentu pekerja yang mencarum mendapat balik pulangan hasil daripada caruman mereka? Adakah peraturan tertentu berkaitan perkara ini? Saya dengan rendah diri mengikut masa yang telah diberikan memohon jasa baik daripada kementerian untuk memberikan penjelasan dalam isu ini. Dengan itu saya menyambut baik pindaan ke atas Akta 800 ini untuk bertujuan seperti yang dibahaskan oleh pihak saya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih sebab ramai kawan kata tidak payah pukul satu, semua kata elok kita tamat awal, makan lama sikit lepas itu boleh bahas dengan lebih baik. Sekian, terima kasih. Sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Baik terima kasih Yang Berhormat Arman. Bagi masa lebih, tapi tak hendak. Memandangkan masa belum pukul 1 lagi tapi tidak apalah. Saya dengan ini tempohkan Dewan dan kita mula bersidang jam 2.30 di mana Menteri akan menjawab. Terima kasih Menteri.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 12.56 tengah hari]***

## ■1430

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis Mesyuarat semula untuk tengah hari ini. Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menggulung atau menjawab. Yang Berhormat Menteri.

**2.33 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Tuan Sim Chee Keong]:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih dan juga penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024.

KESUMA menghargai semua segala pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya akan jawab soalan-soalan yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan RUU ini. Seramai sembilan orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan RUU Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024.

Saya mulakan dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris yang telah mencadangkan agar siling caruman ditingkatkan. Untuk RUU ini kita meningkatkan siling gaji dari RM5,000 kepada RM6,000. Manakala Senator itu pula mencadangkan agar siling itu ditingkatkan lagi kepada tahap RM10,000 bagi memastikan golongan yang berpendapatan melebihi RM6,000 sehingga RM10,000 akan dilindungi dengan lebih baik.

Sudah tentu KESUMA dan agensi yang berkaitan iaitu PERKESO menyambut baik saranan tersebut. Kita lihat juga ada dengan izin dilema dalam perbahasan antara Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini di mana ada yang minta supaya dinaikkan lebih tinggi, ada yang telah menyatakan perlindungan yang lebih banyak kepada pekerja, tetapi ada juga yang menyuarakan kekhawatiran tentang bebanan terutamanya dalam aspek caruman kepada majikan sekiranya kenaikan siling ini dilaksanakan. Waima kenaikan siling adalah RM5,000 ke RM6,000, jangan kata kepada RM10,000.

Saya ingin menyatakan bahawa kerajaan ataupun KESUMA mengambil langkah berhemah dan cermat dalam aspek ini untuk memastikan bebanan caruman sama ada kepada majikan ataupun kepada pekerja tidak meningkatkan secara mendadak. Maka, kita telah membuat keputusan untuk masa ini menaikkan had siling tersebut dari RM5,000 kepada RM6,000 sahaja.

Jangan bimbang, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan kebimbangan tentang bebanan tambahan ke atas majikan. Saya ingin menyatakan bahawa

kalau kita lihat pengiraan daripada segi caruman. Untuk majikan, bagi kenaikan RM5,000 ke RM6,000 ini setiap majikan untuk sebulan kenaikan mereka hanyalah dalam jurang antara 20 sen sehingga RM2.00. Jadi, ini saya yakin bukan satu angka yang terlalu membebankan buat para majikan, tetapi pada masa yang sama, seperti yang saya sebut dalam ucapan saya tadi, kenaikan ini akan menambah lebih 20 peratus faedah kepada warga pekerja. Kenaikan tidak membebankan, tetapi faedah yang dapat dinikmati oleh para pekerja adalah lebih 20 peratus.

Keduanya, saya juga mengambil maklum cadangan daripada YB Senator saudara Dato' Kesavadas yang telah menyarankan agar tempoh pemutihan dilanjutkan lagi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya selalu tegaskan bahawa PERKESO, tujuan dan sasaran kita bukan untuk menghukum dan mendenda sesiapa ya. Ada yang tanya apakah hukuman kepada mereka yang ingkar yang tidak mencarum dan sebagainya. Saya akan bagi penjelasan nanti.

Untuk PERKESO, sasaran kita ialah memastikan majikan dan pekerja mencarum agar mereka dilindungi secara menyeluruh oleh Skim Keselamatan Sosial kita yang ada. Jadi untuk objektif ini, kita telah mengadakan Bulan Pemutihan tahun 2024. Walaupun dia dipanggil "bulan pemutihan" tetapi tempoh yang diberikan adalah melebihi sebulan iaitu dari 15 Mei 2024 sehingga 30 Jun 2024 iaitu lebih kurang sebulan setengah.

Jadi, saya lihat bahawa masa yang diberikan agak mencukupi iaitu dalam tempoh masa sebulan setengah. Di bawah bulan pemutihan tahun 2024 ini, sebanyak 15,540 majikan telah berdaftar, telah mengambil kesempatan bulan pemutihan di mana tiada kompaun bayar lewat dikenakan, tiada sebarang hukum dan denda dikenakan. Mereka mengambil kesempatan ini. Lebih 15,000 majikan telah mendaftar. Di bawah majikan-majikan ini, lebih 262,000 orang pekerja baharu telah didaftarkan.

Ini satu saya rasa hasil yang amat baik. Sebab kalau kita bandingkan dengan keputusan bulan pemutihan tahun lalu, kita nampak ada peningkatan sebanyak 30.5 peratus daripada segi jumlah majikan dan 32.6 peratus daripada segi jumlah pekerja. Dalam tempoh ini juga untuk makluman YB Senator, sebenarnya, hampir lebih kurang 96 peratus daripada majikan yang tampil untuk mendaftarkan diri dalam tempoh pemutihan ini.

Mereka membuat demikian melalui kaedah atas talian ataupun *online* dengan izin *there is no excuse or reason they couldn't do it in that time given*. Tidak ada alasan. Ada majikan yang mempunyai masalah sebab kita sudah bagi masa yang mencukupi, dengan kaedah yang begitu meluas. Bukan sahaja melalui *online*, tetapi juga melalui 54 buah Pejabat PERKESO di seluruh negara dan 293 buah pejabat satelit. Jadi saya rasa pencapaian yang agak luas.

Berhubung dengan isu penguatkuasaan tadi saya sebut yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang. KESUMA telah melakukan pelbagai inisiatif untuk memastikan lebih ramai lagi majikan membuat pendaftaran dan pencaruman.

## ■1440

Satunya, contoh, pemeriksaan secara berjadual ke premis majikan seluruh negara.

Keduanya, *smart detection* dengan melaksanakan aktiviti pengesanan ke atas majikan dengan kerjasama KWSP. So, dengan rakan kongsi kita Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah MOF, kita telah melakukan kaedah *smart detection*.

Ketiga, operasi bersepadu *one-visit policy* antara agensi dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Keempat, operasi mega bersepadu bersama dengan kementerian-kementerian lain, agensi-agensi lain. Contohnya, Jabatan Imigresen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KWSP, PDRM, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan sebagainya.

Sudah tentu kelima, melaksana program seranta dan program bersama pemimpin masyarakat di seluruh negara menekankan kepada kesedaran berhubung pentingnya pendaftaran di bawah skim-skim PERKESO melibatkan majikan dan pekerja.

Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit menanya tentang tindakan punitif. Tindakan punitif termasuk kita ada tindakan pengkompaunan dan pendakwaan terhadap majikan yang gagal mendaftar dan mencarum di bawah tindakan pengkompaunan, di mana di bawah seksyen 95A, Akta 4 bagi kesalahan-kesalahan yang ditetapkan dan kadar kompaun boleh dikenakan tidak melebihi 50 peratus daripada amaun denda maksimum bagi sesuatu kesalahan itu.

Manakala tindakan pendakwaan yang boleh diambil oleh PERKESO termasuklah, dan jika disabitkan kesalahan di bawah Akta 800 ini, hukum penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Saya hendak tekankan di sini bahawa, ya, di bawah undang-undang sama ada Akta 800 ini ataupun sebentar lagi saya akan membentangkan rang undang-undang Akta 4, memang diperuntukkan tindakan punitif, tindakan hukuman denda, pendakwaan, penjara dan sebagainya, tetapi sasaran ataupun modus operandi untuk PERKESO ialah menggunakan kaedah berhemah ataupun *soft approach*, dengan izin. Contohnya, program pemutihan yang telah saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan Mohamad bertanya tentang adakah pekerja dan saya selitkan juga soalan daripada Yang Berhormat Senator Noorita. Tentang pekerja kontrak, pekerja upahan, kerja harian, adakah mereka diberi perlindungan di bawah Akta 800 ini.

Skim Insurans Pekerjaan di bawah Akta 800 memberikan perlindungan kepada pekerja yang berstatus tetap dan kontrak dengan majikan berstatus kontrak perkhidmatan, dengan izin, *contract of service* termasuk yang bergaji harian. Ini adalah satu langkah



berterusan yang dibuat oleh kerajaan melalui PERKESO dari masa ke semasa bagi memastikan jaminan keselamatan sosial yang menyeluruh dan berterangkum ataupun inklusif. Jadi, tidak kira dia pekerja tetap ataupun pekerja kontrak, asalkan memenuhi kriteria tersebut tadi, memang mereka akan dilindungi di bawah sistem insurans pekerjaan.

Keduanya, soalan yang ditanya juga- sebenarnya dah dijawab tadi- apakah peningkatan faedah kepada pekerja berikutan peningkatan kadar caruman ini. Saya sudah sebut, kita akan ada lebih kurang 1.5 juta orang pekerja yang selepas ini, selepas Dewan meluluskan rang undang-undang ini, akan menikmati peningkatan lebih 20 peratus faedah di bawah Akta 8.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual. Berapa jumlah syarikat swasta mendaftar dan jumlah caruman yang telah dikutip? Sehingga Jun 2024, sebanyak 540,060 orang majikan aktif mendaftar di bawah Akta 800 dan jumlah caruman yang dikutip adalah sebanyak RM514 juta sehingga 14 Julai.

Portal SIP yang masih *under construction*- sebenarnya portal ini sedang diselenggarakan sehingga bulan Ogos. Walau bagaimanapun, permohonan secara manual masih lagi diteruskan, seperti yang saya sebut tadi, di mana-mana 54 Pejabat PERKESO di seluruh negara dan juga 293 buah pusat satelit di seluruh negara.

Tuan Haji Abdul Nasir Idris telah membangkitkan isu tentang latihan dan juga sektor-sektor yang memerlukan latihan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun ini tidak berkaitan secara langsung dengan PERKESO, tetapi di bawah KESUMA, pagi tadi saya telah bersama dengan Gabenor Bank Negara untuk satu program pelancaran *Future Skills Framework* (FSF) untuk sektor kewangan.

KESUMA telah mengarahkan agensi kita di bawah TalentCorp untuk menyediakan satu laporan impak tentang impak teknologi AI, impak digitalisasi dan impak ekonomi hijau ke atas pasaran kerja untuk 10 sektor ekonomi strategik negara. Laporan tersebut akan siap pada bulan September nanti yang akan mempunyai rujukan kepada impak teknologi-teknologi dan perkembangan terbaharu ke atas lebih kurang 4.6 juta pekerjaan dalam 10 sektor utama ini.

Laporan ini akan menjadi satu rujukan, bukan sahaja kepada kerajaan- sudah tentu kepada kerajaan, KESUMA dan juga kementerian-kementerian lain, tetapi juga kepada majikan, kepada pelabur, kepada pekerja, waima kepada pelajar untuk melihat kepada *forecasting*, dengan izin, ramalan apa yang akan berlaku kepada pekerjaan-pekerjaan mereka dalam tempoh masa tiga hingga lima tahun yang akan datang.

Laporan yang saya anggap amat penting dan bersejarah ini akan menjadi satu-kerangka untuk keputusan-keputusan berkaitan dengan pelaburan dan pasaran kerja di Malaysia dilaksanakan dengan lebih tepat dan jitu

Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati juga bertanya tentang peningkatan latihan *upskilling* dan *reskilling* untuk pekerja *gig* dan juga inisiatif majikan mencarum pekerja serta pekerja sendiri. Melalui Belanjawan 2024, PERKESO melaksanakan inisiatif Program Bina Kerjaya 2.0 yang bertujuan memastikan pekerja sektor tidak formal mempunyai akses, capaian kepada program pembangunan kerjaya dan latihan kemahiran *micro-credential*. Program yang dijalankan menerusi Bina Kerjaya 2.0 ini menyediakan bayaran latihan sehingga maksimum RM4,000 kepada setiap peserta mengikuti kategori latihan pensijilan dan elaun latihan juga dibayar.

Bukan sahaja kita bayar untuk kursus sehingga RM4,000 kursus latihan, tetapi setiap peserta juga layak ke atas elaun latihan harian yang jumlahnya RM30 sehingga 20 hari iaitu maksimum RM600. Kalau seseorang peserta itu menjalankan latihan ataupun menjalani latihan sebanyak 20 hari, maka beliau akan mendapat elaun latihan sebanyak RM600. Di bawah insentif Program Bina Kerjaya 2.0 di bawah Belanjawan 2024, PERKESO telah meluluskan, sehingga kini, sebanyak 5,389 orang peserta untuk menjalani latihan yang melibatkan bayaran sebanyak RM8 juta.

Program Daya Kerjaya yang mana Program Daya Kerjaya 2.0 yang merupakan satu insentif penggajian di bawah Belanjawan 2024 yang diberikan kepada majikan dan membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar dalam kalangan golongan mudah terjejas, contohnya, bekas banduan, orang kurang upaya, pesara, warga emas mendapat pekerjaan dan gaji yang lebih tinggi. Insentif ini adalah sebanyak RM1,500 sebulan selama enam bulan untuk majikan yang mengambil pekerja-pekerja daripada kumpulan sasar ini.

Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah dengan suara yang begitu kuat dan padu telah mengetengahkan beberapa isu berkaitan dengan pekerja. Contohnya, permohonan dan jumlah faedah dalam tempoh lima tahun berdasarkan rekod PERKESO, bilangan kes tuntutan kehilangan pekerjaan yang diterima oleh SIP dan sebagainya. Butiran adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan kes kehilangan pekerjaan (ribu)</b>
2019	40,084
2020	107,024
2021	61,360
2022	34,388
2023	49,982
2024 (setakat 20 Jun)	24,963
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>317,801</b>

## ■1450

Keseluruhannya dari tahun 2019 tadi sehingga Jun 2024, sebanyak 317,801 kes tuntutan kehilangan pekerjaan telah difailkan.

Senator Tuan Abun Sui Anyit telah menanya enam soalan. Agak panjang. Saya akan cuba jawab. Soalan satu, kenaikan siling gaji ini akan menambahkan faedah. Seperti yang saya sebut tadi, kepada lebih 1.5 juta orang pekerja yang mempunyai pendapatan melebihi RM5,000 dan faedah yang akan diterima akan meningkat 20 peratus berbanding dengan sebelum pindaan.

Soalan kedua, adakah pindaan ini akan memberi kesan yang lebih baik supaya pekerja tidak dibuang kerja. Pindaan ini sudah tentu Sistem Insurans Pekerjaan ini adalah untuk memastikan jika malang tidak berbau, jika berlaku isu-isu contohnya seperti dibuang kerja, kehilangan pekerjaan akibat penutupan syarikat dan sebagainya, maka, mereka ada satu *safety net*, jaringan keselamatan. Dan pindaan ini akan memastikan pindaan yang akan dipersetujui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia, akan memastikan pekerja kita di luar sana akan bukan saja menikmati satu jaringan keselamatan sosial, tetapi akan mendapat tambahan lebih 20 peratus faedah jika berlaku kehilangan pekerjaan.

Soalan ketiga, kalau gaji tidak sampai RM5,000, adakah mereka terlindung? Saya rasa mungkin ada sedikit silap faham. Kita kata kita naikkan siling dari RM5,000 ke RM6,000. Untuk pekerja tidak kira gaji dia berapa, mereka harus mencarum untuk Akta 800. Tak kiralah gaji minimum RM1,500 ataupun gaji RM10,000, RM100,000, dia kena carum. Yang bezanya ialah- jadi tidak ada masalah untuk yang bergaji di bawah RM5,000.

Yang bezanya kini ialah, sebab dulu kalau kita mencarum dan kalau berlaku kehilangan pekerjaan, apabila tuntutan dibuat, faedah tuntutan akan dikira setakat RM5,000 saja. Tak kiralah gaji RM5,001-kah, RM5,002-kah, RM6,000-kah, RM10,000, dia akan kira faedah, formulanya akan kira takat gaji orang itu RM5,000. Jadi dengan peningkatan siling gaji kepada RM6,000, maka kita nampak mereka yang bergaji RM5,000 ke atas akan mendapat faedah tambahan, tetapi mereka yang bergaji RM5,000 ke bawah, faedah dan perlindungan tetap seperti sedia kala.

Soalan keempat, undang-undang lain yang melindungi pekerja. Ada. Selain Akta 800, sudah tentu ada undang-undang yang melindungi pekerja terutamanya dalam aspek pemberhentian, pendapatan kerja seperti Akta Kerja yang memberikan perlindungan kepada pekerja dari aspek pampasan melalui *early termination* ataupun *lay-off benefits* Akta Perhubungan Perusahaan 1997 yang memberikan perlindungan bagi perintah kembali bekerja untuk pembuangan yang tidak salah ataupun salah dan dibayar tunggakan gaji ke belakang mengikut perintah Mahkamah Perusahaan dan sebagainya.

Soalan kelima, sebenarnya dia agak sama dengan soalan- apa yang telah saya jawab tadi iaitu tentang kalau yang bergaji RM5,000 ke bawah, ia sebenarnya tidak ada kesan buruk ke atas mereka. Mereka tetap akan dilindungi, faedah tetap akan dapat.

Soalan keenam, berkaitan dengan pembuangan pekerja secara beramai-ramai. Apakah KESUMA dan PERKESO menangani isu ini? KESUMA melalui PERKESO dan juga agensi-agensi dan jabatan yang lain, selalunya kalau ada berlaku tindakan pemberhentian ataupun penamatan pekerjaan secara beramai-ramai, contohnya jika ada syarikat yang tutup dan berpindah, maka kita akan mengadakan perbincangan dengan pihak sumber manusia majikan berkenaan untuk tindakan *preintervention*. Contohnya, mencari peluang pekerjaan yang sesuai kepada pekerja sebelum tarikh pemberhentian khususnya melalui portal *MYFutureJob*, perbincangan tentang latihan-latihan yang diperlukan. Contohnya *reskilling* dan *e skilling* dan sebagainya.

Juga pada tarikh akhir pemberhentian mereka, bayaran Elaun Mencari Pekerjaan dan Elaun Bekerja Semula Awal akan dibuat berdasarkan kepada kelayakan masing-masing. Ini bermakna pekerja yang dibuang tersebut telah mempunyai pekerjaan baharu pada tarikh pemberhentian mereka.

Senator Dato' Sivaraj bertanya dua soalan. Adakah peningkatan caruman ini memberikan bebanan dan keduanya langkah meningkatkan ketidakpadanan pekerjaan diselesaikan? Saya sebut tadi, kenaikan kepada majikan contohnya- dan sebenarnya untuk Akta 800 ini, dua-dua sama, majikan ataupun pekerja. Kenaikan bulanan adalah antara 20 sen sehingga RM2.00. Bergantung kepada gaji. Kalau gaji paling RM5,001, saya ingat ini gaji baharulah. Siling gaji baharu. Maka mungkin kenaikan hanya 20 sen. Sehingga kepada RM6,000 dan ke atas, kenaikan tambahan hanya RM2 sahaja.

Jadi kita melihat langkah ini lebih berhemah. Walaupun ada bukan saja dalam Dewan yang mulia, tetapi juga di Dewan Rakyat di luar sana ada juga yang menyeru agar kerajaan menaikkan lagi, jangan henti takat RM6,000. Ada yang kata supaya kita naikkan kepada RM10,000, contoh, tetapi kita melihat kepada satu kaedah yang lebih cermat, lebih berhemah supaya dalam masa kita meningkatkan faedah kepada pekerja, bebanan caruman itu sama ada untuk *share* majikan ataupun *share* pekerja tidak meningkat secara mendadak. Seperti yang saya katakan tadi, antara 20 sen sehingga RM2.00.

Untuk soalan kedua, KESUMA melalui PERKESO akan terus mengambil langkah proaktif yang memperkasakan lagi pasaran kerja agar dia dapat memenuhi keperluan industri. Contohnya, membangunkan sistem *Careers BRICS 2*. Sistem ini merupakan sistem berteraskan kaedah dalam talian yang membantu menghubungkan graduan dengan pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan mereka melalui platform *MYFutureJob*. Dan berdasarkan statistik, sebanyak 215 Sesi Libat Urus telah dilaksanakan antara PERKESO dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari tempoh Januari hingga Jun tahun ini.

Membangunkan sistem *Wage Guide* yang berperanan untuk membantu graduan TVET contohnya mengenal pasti dan mengukur potensi, sekali gus membuat keputusan tepat dalam pilihan kerjaya berdasarkan kadar gaji yang lebih sesuai. Berdasarkan statistik *MYFutureJob* PERKESO dari Januari hingga 7 Jun 2024, sebanyak 51 sesi daripada program kebolehpasaran termasuk karnival kerjaya dan temu duga mingguan harian dilaksanakan dan seramai 26,733 penempatan pekerjaan di kalangan graduan telah berjaya ditawarkan.

Ini hanya untuk tahun ini, dari Januari hingga awal bulan Jun dan juga meluaskan penggunaan portal pekerjaan negara iaitu portal *MYFutureJob* di kalangan pencari kerja dan majikan. Portal ini bertujuan bantu pencari kerja tempatan termasuk golongan yang menganggur mendapatkan peluang pekerjaan berdasarkan padanan pekerjaan ataupun, dengan izin, *job matching* menggunakan AI dan teknologi yang lain.

Bagi Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), enam bulan tidak cukup, disyorkan sehingga 12 bulan. Ini dilema kita. Dalam kita mengenakan caruman yang agak rendah supaya tidak membebankan, sama ada majikan ataupun pekerja yang juga memberikan kesan kepada faedah yang mampu diberikan. Kita ambil maklum cadangan yang telah dibangkitkan daripada Dewan ini iaitu syor untuk meningkatkan elaun tersebut daripada hanya enam bulan kepada sembilan ataupun 12 bulan. Saya mengambil maklum dan kita akan membuat tinjauan, kajian, *review* dari masa ke semasa untuk melihat kepada pembangunan sistem keselamatan sosial yang lebih baik.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, ditanya tentang strategi untuk isu pengangguran disebabkan AI. Saya dah jawab tadi sebenarnya. Kita dalam bulan September ini, kita akan menerbitkan, mengeluarkan satu laporan impak AI digitalisasi dan ekonomi hijau. Dia bukan saja AI yang akan memberikan impak, dasar-dasar ekonomi hijau ESG dan sebagainya juga berpotensi besar memberikan impak dan kesan ke atas syarikat-syarikat Malaysia, pasaran pelaburan di Malaysia. Maka secara langsungnya akan menyebabkan kesan ke atas pasaran kerja. Jadi laporan tersebut bukanlah yang pertama yang akan dikeluarkan, bukan saja untuk satu, dua sektor tetapi untuk 10 sektor strategik melibatkan lebih kurang 4.6 juta pekerjaan.

Jadi dengan adanya laporan yang berasaskan ataupun *data-driven*, dengan izin, *industry-driven*, dengan izin dipandu oleh data, dipandu oleh industri, maka kerajaan dan pembuat dasar di semua peringkat termasuk sektor swasta dan juga orang awam secara amnya akan mempunyai satu *visibility*, dengan izin, untuk melihat kepada apa yang akan berlaku sekiranya pembangunan kemajuan-kemajuan ataupun isu-isu teknologi dan isu-isu ekonomi abad ke-21 ini dibawa masuk ke dalam ekonomi Malaysia.

#### ■1500

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Mohon maaf Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

**Tuan Sim Chee Keong:** Ya, ya, silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Giving the-* minta maaf. Dia hendak mencelah, bagi laluan?

**Tuan Sim Chee Keong:** Ya, saya bagi laluan.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Menteri, yang senantiasa *ever-ready* untuk menjawab soalan-soalan ya, *alhamdulillah* syukur. Seorang Menteri yang *very* proaktif... [*Tepuk*]

Soalan saya, jika boleh, ini mungkin keluar sikit sebab bila Yang Berhormat menyentuh mengenai SDG ini, adakah kementerian Yang Berhormat boleh menyentuh kepada SDG5? *Empower women equality for women*, bagaimanakah kementerian ini boleh membantu meningkatkan SDG ini, menyampai cita-cita untuk wanita diberikan ruang yang saksama dan peluang yang lebih sedikit daripada kaum lelaki? Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah. Saya kalau nak panggil kakak tak begitu sesuai pula dalam konteks Dewan yang mulia ini tapi saya mengucapkan terima kasih kepada beliau atas memang keprihatinan terhadap isu ini. Saya tak kira dalam Kementerian Belia dan Sukan sampai Kementerian Kewangan, sampai lah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), beliau tetap mengetengahkan isu-isu berkaitan dengan wanita.

Saya nak iktirafkan juga di belakang saya, ada seorang tokoh wanita, pemimpin wanita dalam Kementerian Sumber Manusia, Dato' Hajah Norison yang merupakan TKSU Dasar kita. Jadi... [*Dicelah*] TKSU ya, saya *amin*-kan, mungkin sebagai doa supaya beliau dapat kenaikan pangkat tapi maksud saya ialah di kementerian kita termasuk- fokus kita kepada kesaksamaan, keadilan.

Saya harus menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dalam Akta Kerja 1955 pindaan terbaharu yang dikuatkuasakan tahun lepas 2023 sudah ada peruntukan anti-diskriminasi. So, daripada segi kerja tidak harus diskriminasi, contoh daripada segi wanita dengan lelaki di tempat pekerjaan. Daripada segi gaji mereka, daripada segi layanan diterima, daripada segi manfaat dan sebagainya. So, itu satu.

Saya rasa itu amat penting sebab ia sudah termaktub dalam undang-undang dan sudah tentu Dewan yang mulia ini juga terlibat dalam menjayakan pindaan untuk memasukkan peruntukan anti-diskriminasi ke dalam Akta Kerja kita. Syabas kepada Dewan Negara., [*Tepuk*]

Selain itu, kita juga ada berbagai-bagai program, contohnya Wanita MyWIRA, contohnya program Wanita Kembali Kerjaya, di mana kita akan memberikan pemotongan cukai ataupun pengecualian cukai kepada wanita yang pulang ke tempat, alam pekerjaan dan sebagainya. Banyak program-program ataupun dasar yang dilaksanakan untuk membantu para wanita kembali ke alam pekerjaan dan berjaya dalam kerjaya masing-masing. Namun kita sedar bahawa *much has been done, more to be done* dengan izin.

Memang banyak lagi yang perlu dilakukan, saya boleh bagi contoh, contohnya wanita telah berkahwin, berumah tangga, mereka mungkin memerlukan, kalau dia nak balik bekerja, dia memerlukan kemudahan penjagaan anak, kanak-kanak. Contoh, contoh ya. Sudah tentu para ayah, para bapa, saya juga seorang ayah, juga perlu mengambil peranan untuk berkongsi tanggungjawab menjaga anak. *It's not just the responsibility of the women alone*, ibu, tetapi juga bapa.

So, ini semua perkara yang memerlukan contohnya sumber yang besar, penyediaan pusat penjagaan kanak-kanak dan sebagainya. Itulah langkah-langkah yang dilaksanakan dan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan dalam isu ini.

Senator Tuan Manolan Mohamad turut bertanya, perkara-perkara contohnya apa – bagaimana boleh buat tuntutan, di manakah pekerja boleh buat tuntutan untuk Akta 800 ini? Tuntutan boleh dibuat, saya dah sebut di 54 Pejabat PERKESO di seluruh negara dan juga bukan sahaja terhad kepada 54 buah pejabat ini, tetapi juga 293 buah pusat satelit.

Soalan kedua sekiranya majikan tidak daftar dan mencarum, tetapi dalam slip gaji ada potongan. Adakah pekerja ini layak? Okey, pembiayaan faedah SIP akan dibuat kepada pekerja terbabit setelah potongan tersebut dibuat semakan dengan teliti oleh PERKESO. Majikan akan diminta untuk membuat pembayaran caruman tertunggak dikenakan Faedah Caruman Lewat Bayar dan saya minta, tadi ada Yang Berhormat, *I think* Yang Berhormat Tuan Manolan, yang membangkitkan isu-isu spesifik, kes-kes spesifik. Saya minta supaya dikemukakan kepada pejabat saya ataupun terus kepada PERKESO supaya kita boleh membuat tindakan susulan, berdasarkan perincian yang diberikan.

Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah, sekali lagi, saya kena naikkan suara saya sedikit untuk padankan dengan suara beliau yang kuat tadi ya. Tempoh masa tertentu pekerja mendapat tuntutan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini tempoh pemprosesan, kita faham bahawa sememangnya apabila seseorang pekerja itu membuat tuntutan memang sudah berlaku perkara yang tidak diinginkan iaitu kehilangan pekerjaan. Jadi kita tidak ingin memanjangkan kesusahan, kesengsaraan seseorang pekerja itu, jadi *we will do it very fast*.

Tempoh pemprosesan permohonan faedah di bawah Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO adalah hanya dalam lebih kurang tiga hingga tujuh hari dalam masa seminggu, tempoh pembayaran, tempoh pemprosesan daripada tarikh dokumen lengkap dan pembayaran akan dibuat secara terus ke dalam akaun pekerja yang kehilangan pekerjaan tersebut. Cadangan Yang Berhormat, berhubungan dengan kenaikan yang diputuskan oleh pihak kerajaan, KBS ambil maklum cadangan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini merupakan salah satu usaha kita ke arah memperkasakan jaringan perlindungan sosial institusi kekeluargaan, memacu reformasi pasaran buruh negara.

Peningkatan siling gaji ini bagi menambah baik faedah-faedah perlindungan keselamatan sosial PERKESO di bawah Akta 800 yang akan menjamin kesejahteraan sosial penerima faedah dengan manfaat sedia ada.

Justeru, saya ucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam memberikan pandangan, saranan waima teguran ke atas RUU yang begitu penting sekali. Dengan jasa baik Dewan yang mulia ini meluluskan RUU ini, saya dahulukan dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih, bagi pihak pekerja-pekerja Malaysia di luar sana. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata bersetuju.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

■1510

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan) dan diluluskan]*



**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA  
(PINDAAN) 2024****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.11 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Tuan Sim Chee Keong]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya. Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] yang ditadbir urus oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merupakan satu undang-undang yang memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan orang tanggungannya menerusi skim-skim perlindungan yang diperkenalkan iaitu Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan.

Akta ini terpakai kepada pekerja berstatus warganegara, pemastautin tetap atau sementara dan pekerja asing. Namun, pekerja asing sehingga sekarang hanya layak kepada Skim Bencana Kerja sahaja. Setakat Disember 2023, pekerja aktif di bawah akta ini adalah seramai 9.6 juta orang jika dibandingkan dengan jumlah pekerja di Malaysia seramai 12.3 juta yang juga termasuk penjawat awam yang tidak diliputi di bawah Akta 4 ini, maka kadar perlindungan adalah mencecah hampir 80 peratus.

Melalui akta ini, mana-mana pekerja yang mengalami hilang upaya akibat daripada kemalangan semasa menjalankan pekerjaannya, boleh menikmati manfaat-manfaat yang disediakan. PERKESO akan memberi rawatan perubatan percuma, kemudahan pemulihan jasmani ataupun vokasional serta faedah bayaran tunai kepada pekerja tersebut tertakluk kepada terma dan syarat. Sekiranya pekerja tersebut meninggal dunia, maka orang tanggungan mereka akan turut menikmati faedah tunai dengan menerima pencen bulanan bagi membantu kelangsungan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Akta 4 meliputi semua pekerja tanpa mengira jumlah gaji bulanan dan tertakluk kepada pekerja yang mempunyai hubungan, dengan izin, *employer and employee only*. Walau bagaimanapun, siling caruman adalah tertakluk kepada siling gaji RM5,000 sebulan seperti dalam ketetapan Jadual Ketiga.

Bagi pekerja yang bergaji lebih RM5,000 sebulan, pekerja tersebut akan tetap mendapat perlindungan dan mencarum di bawah Akta 4, tetapi amaun faedah dan caruman akan dikira pada takat RM5,000 sahaja.

Sejak mula dikuatkuasakan pada tahun 1971, siling gaji untuk caruman di bawah Akta 4 ini telah dinaikkan ataupun dipinda sebanyak lima kali dan kali terakhir adalah pada tahun 2022. Sebagaimana pengumuman Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023, kerajaan telah mencadangkan peningkatan siling gaji untuk caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000. Kenaikan siling gaji ini akan meningkatkan faedah tunai pada kadar 20.2 peratus yang akan memberi manfaat kepada hampir 1.5 juta- pekerja dan orang tanggungan mereka. Sehubungan itu, sesuatu pindaan ke atas Akta 4 perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan siling gaji bulanan RM6,000 ini akan mewujudkan caruman yang baharu bagi lingkungan gaji bulanan dari RM5,000 sehingga RM6,000. Peningkatan ini seterusnya dapat menambah baik Perlindungan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan meningkatkan faedah-faedah bagi akta ini seperti faedah hilang upaya sementara, faedah hilang upaya kekal, faedah pencen ilat, pencen penakat. Dalam proses menggubal pindaan ini, terdapat beberapa sesi libat urus yang telah dilaksanakan bersama dengan Kementerian Kewangan dan pihak-pihak berkepentingan.

Cadangan pindaan ini melibatkan pindaan kepada seksyen 5, Jadual Ketiga dan Jadual Keempat akta ini. Peruntukan sedia Akta 4 yang dipinda melibatkan fasal-fasal berikut.

Subseksyen 5(2) dipinda untuk menaikkan had maksimum, dengan izin, *insurability* ataupun kebolehhinsuranan amaun gaji pekerja di bawah Akta 4 daripada RM5,000 kepada RM6,000.

Jadual Ketiga menyatakan kadar caruman bagi jenis pertama dan kedua yang dihitung berdasarkan gaji bulanan untuk caruman. Caruman jenis pertama ialah untuk Skim Keilatan dan Skim Bencana Kerja yang dibayar oleh pihak majikan dan pekerja. Caruman jenis kedua adalah untuk Skim Bencana Kerja yang dibayar oleh majikan saja.

Peningkatan siling gaji bulanan untuk caruman RM6,000 melibatkan pindaan kepada Jadual Ketiga perenggan 2, Bahagian I (Caruman Jenis Pertama) dan perenggan 4 Bahagian III (Caruman Jenis Kedua).

Jadual Keempat pula menyatakan gaji bulanan anggapan bersamaan dengan caruman jenis pertama dan jenis kedua untuk maksud pembayaran faedah hilang upaya dan faedah orang tanggungan mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan baharu melibatkan 10 butiran baharu dalam Jadual Ketiga, perenggan dua dan peruntukan baharu ini merupakan caruman baharu bagi gaji bulanan melebihi RM5,100 sebulan sehingga gaji bulanan melebihi RM6,000.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berharap supaya Rang Undang-undang Keselamatan Sosial (Pindaan) 2024 ini dapat memberikan kesan yang disasarkan iaitu menjamin

kesejahteraan sosial penerima faedah dan manfaat sedia ada serta yang baharu. Selain itu, ia juga akan memastikan faedah dan manfaat di bawah skim ini terus dikekalkan kepada penerima tanpa menjejaskan pelaksanaannya.

Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih pada semua pihak yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan RUU Keselamatan Sosial (Pindaan) 2024.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di sini di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya ada seramai 13 orang Ahli yang hendak berbahas...

**Seorang Ahli:** ...Ramainya .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, 13. Dua menarik diri. Sbenarnya 15. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 5 minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

■1520

**3.20 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua, saya secara peribadi, menyambut baik pindaan seksyen 5 yang menggariskan tentang kadar baharu bagi gaji pekerja yang boleh diinsuranskan daripada RM5,000 kepada RM6,000. Pindaan tersebut merupakan anjakan penting yang boleh memperluaskan capaian golongan pekerja kepada jaminan perlindungan insurans menerusi tanggungjawab caruman oleh majikan pada setiap bulan.

Perubahan had maksimum gaji yang boleh diinsuranskan tersebut berupaya melindungi golongan pekerja berkemahiran tinggi yang terdedah dengan risiko kemalangan sewaktu bekerja. Ia sejajar dengan usaha Kerajaan Perpaduan dalam menggalakkan penyertaan sumber manusia dalam bidang kerja berkemahiran tinggi khususnya yang melibatkan pengendalian mesin berteknologi rumit atau pemasangan alatan teknikal.

Bercakap tentang hal tersebut, saya berasa terpenggil untuk menyingkap insiden kemalangan pekerjaan yang membabitkan krew kapal MTT Sapangar, Muhammad Veeramohan pada 8 Mei lalu. Veeramohan dilaporkan telah terjatuh ke dalam laut ketika memasang *pilot ladder* dan mayatnya telah berjaya dijumpai selepas dua hari insiden tersebut.

Sebagai pencarum aktif dan bekerja dengan syarikat yang bertanggungjawab terhadap perihal caruman PERKESO, waris mangsa iaitu ibu bapanya telah diperakui layak untuk menerima faedah orang tanggungan (FOT) sebanyak kira-kira RM1,400 sepanjang hayat. Faedah yang diwarisi tersebut menzahirkan betapa pentingnya caruman untuk pekerja oleh majikan dilaksanakan dengan teratur dan kekal. Insiden sebegini sewajarnya diteladani oleh golongan majikan yang selama ini culas atau tidak peka terhadap kepentingan caruman PERKESO untuk pekerja.

Sebagai pengamal undang-undang dan bekas pekerja industri dan aktif dalam *union*, saya selalu sensitif terhadap soal keselamatan pekerja. Saya berpendirian tegas agar kerajaan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana syarikat yang masih lagi gagal melaksanakan caruman untuk pekerja sejajar dengan pindaan Jadual Ketiga dan Keempat yang digariskan dalam rang undang-undang ini. Keculasan majikan dalam melaksanakan caruman PERKESO untuk pekerja merupakan satu bentuk penganiayaan sumber manusia yang perlu dikekang dan lebih serius.

Seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan, banyak kemalangan jiwa yang melibatkan pekerja yang tidak mempunyai rekod caruman PERKESO berlaku di negara ini. Pada tahun lalu, sejumlah pekerja Bangladesh yang terkorban dan tercedera dalam satu insiden runtunan tapak pembinaan gudang di Batu Maung, Pulau Pinang telah didapati tidak mempunyai sebarang rekod caruman PERKESO. Kemalangan tersebut memaparkan betapa malangnya nasib pekerja-pekerja asing yang digajikan oleh majikan mereka yang hanya semata-mata mementingkan untung rugi sehingga membelakangkan luas undang-undang yang digariskan dalam seksyen 6 Akta 4 ini. Majikan tidak seharusnya bersikap prejudis dalam melaksanakan pematuhan caruman PERKESO bagi pekerja asing.

Sektor pekerjaan 3D- *dangerous, dirty and difficult*, dengan izin, seperti bidang pembinaan sememangnya terdedah dengan pelbagai risiko kemalangan di tapak pembinaan. Oleh sebab itu, soal caruman PERKESO tidak boleh sewenang-wenangnya dipandang remeh oleh majikan yang seharusnya mempedulikan tentang insurans perlindungan pekerja walaupun pematuhan terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerja dipantau secara kerap.

Pengabaian terhadap caruman pekerja tersebut akan mengundang pelbagai mudarat luar jangka kepada majikan dan pekerja sendiri terutamanya apabila berlaku kemalangan fizikal yang memerlukan rawatan dengan kos perbelanjaan yang tinggi. Jika seseorang pekerja terlibat dengan kemalangan ketika bertugas, siapakah yang perlu bertanggungjawab untuk menyediakan akses kepada rawatan klinikal untuk pekerja tersebut melainkan majikan sendiri.

Begitu juga dengan sektor perladangan. Kementerian Sumber Manusia hendaklah memantau dengan serius tatacara pengambilan pekerja asing dan tempatan kini diletakkan

di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Komoditi. Lagi satu minit, dengan izin. Terima kasih.

Pematuhan tersebut adalah penting untuk memastikan kebajikan, keselamatan dan kesihatan setiap seorang pekerja yang diambil untuk bekerja di mana-mana ladang sawit kelolaan sesebuah syarikat benar-benar dititik berat khususnya dalam aspek... *[Tidak jelas]* Kadar penggajian dan caruman PERKESO.

Sejajar dengan pindaan Akta 4 ini, KESUMA sebagai kementerian yang bertanggungjawab penuh terhadap PERKESO sewajarnya membantu mana-mana perusahaan PMKS yang menghadapi masalah tertentu dalam melaksanakan caruman PERKESO kepada pekerja setiap bulan secara disiplin. Menerusi pendekatan tersebut, kementerian berupaya mewujudkan mekanisme pemudah cara yang boleh mempertahankan hak caruman insurans pekerja yang menerima kenaikan gaji di samping mewujudkan penyelesaian konstruktif kepada pengusaha PMKS bagi meleraikan sebarang permasalahan yang melibatkan caruman.

Dato' Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, sebab masa terhad dan mengikut peraturan, kalau kita berbahas tentang pindaan, hanya tentang pindaan. Kalau boleh akta prinsipal itu kita tidak boleh sentuh kecuali ia berkaitan. Ambil maklum ya sebab masa terhad.

YB Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

### 3.27 ptg.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan RUU Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024.

Terlebih dahulu di dalam Dewan yang mulia ini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal, Yang di-Pertua Dewan Negara yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, RUU ini adalah bertujuan meminda Akta 4 untuk menambah baik liputan keselamatan sosial yang akan meningkatkan faedah tertentu yang diterima oleh pekerja. Saya menyokong pindaan ini kerana ia memberi peluang kepada pekerja-pekerja

yang bergaji melebihi RM5,000 mendapat faedah yang lebih baik sekiranya mereka ditimpa bencana.

Saya merujuk kepada pindaan fasal 2 seksyen 5, siling gaji diinsuranskan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) daripada RM5,000 kepada RM6,000 tahun ini dan pindaan Jadual Keempat Akta 4 untuk memasukkan kadar caruman baharu dan gaji bulanan yang bersamaan bagi bulan itu apabila gaji seseorang pekerja melebihi RM5,000 dan RM6,000. Persoalan saya, apakah justifikasi kerajaan menaikkan RM1,000 selepas dua tahun iaitu pada kali terakhir pada tahun 2022? Adakah nilai kenaikan ini akan ditambah lagi dalam masa dua tahun ke hadapan? Kenapa tidak dinaikkan pada satu nilai yang lebih tinggi? Oleh itu kita tidak perlu meminda RUU ini terlalu kerap.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kenaikan had siling gaji pada 2022, sejauh manakah penilaian menyeluruh telah dijalankan dari sudut kewangan ke arah memastikan penggunaan dana yang lebih mampan ataupun *self sustainable* tanpa meningkatkan kebergantungan kepada peruntukan tambahan fiskal kerajaan?

Saya juga memohon penjelasan kepada beberapa persoalan berikut. Pertama, berapakah anggaran peruntukan perbelanjaan tambahan kerajaan dengan pindaan siling gaji baharu ini berserta faedah-faedah lain yang bakal diterima pekerja termasuk kadar kenaikan faedah tunai kepada pekerja dan tanggungan mereka jika ditimpa bencana kerja, keilangan, kematian ataupun kehilangan pekerjaan?

■1530

Apakah status peruntukan RM200 juta kepada PERKESO bagi menambah baik jaringan perlindungan sosial seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024? Sejauh mana rakyat menyambut inisiatif kerajaan untuk mencarum terutama sektor tidak formal, orang bekerja sendiri dan pekerja-pekerja sektor gig. Apakah program-program kesedaran ini dilaksanakan kepada sektor-sektor yang berkenaan? Apakah pula usaha kerajaan bagi memastikan keberkesanan program-program ini untuk golongan pekerja sendiri atau dalam sektor tidak formal dan juga sektor gig.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta 4 yang ditadbir urus oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merupakan satu undang-undang yang memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dari orang tanggungannya dan orang tanggungannya menerusi skim-skim perlindungan yang diperkenalkan iaitu Skim Bencana Kerja dan Skim Keilangan.

Persoalan saya, apakah kerajaan berhasrat untuk memperluaskan skop perlindungan sosial ini bukan sahaja terhad kepada bencana kerja sahaja. Saya juga mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai Skim Keilangan yang akan diperluaskan kepada pekerja asing dalam tempoh terdekat selepas peraturan ini diwartakan. Amalan akta semasa pekerja

asing hanya layak untuk Skim Bencana Kerja. Jadi, apakah kajian yang teliti sudah dibuat dan apakah kesannya kepada ekonomi negara kita apabila pekerja asing pulang ke negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya, saya ingin bertanya apakah usaha kerajaan untuk mengadakan sistem caruman PERKESO yang patuh syariah kepada pekerja-pekerja Islam? Oleh itu, saya dengan ini menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

### 3.32 ptg.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut berbahas dalam pindaan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Saya menyambut baik tindakan pihak kerajaan dalam menambah baik kebolehinshurans amaun gaji seorang pekerja yang dipinda dari RM5,000 kepada RM6,000. Ini merupakan salah satu daripada sembilan inisiatif Kerajaan Madani di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang terkandung dalam Belanjawan 2024 melalui penyaluran RM200 juta kepada PERKESO.

Dato' Yang di-Pertua, satu lagi *unsung hero* yang langsung tidak disebut dalam Dewan sebelum ini iaitu pegawai-pegawai peribadi Ahli Parlimen seperti Pegawai Penyelidik yang tidak mencarum untuk Skim Keselamatan Sosial. Saya sebagai Ahli Dewan Negara, menegaskan di sini supaya semua pegawai Ahli Parlimen yang bekerja 24 jam *round the clock*, tiada hari cuti, dan sentiasa *stand by* dan bekerja seperti atas panggilan diwajibkan majikan mereka untuk mencarum insurans Skim Keselamatan Sosial. Ini seperti pekerja *gig* juga yang tergolong dalam golongan pekerja sektor yang tidak formal. Adakah Menteri KESUMA setuju dengan cadangan yang mesra rakyat ini?

Satu lagi isu mengenai kebajikan pekerja yang ini saya bawa adalah mengenai pembelaan kepada pekerja-pekerja kita di Mahkamah Perindustrian. Pekerja-pekerja kita yang ingin memberikan keterangan dalam bahasa selain Bahasa Melayu atau *English* seperti bahasa Tamil atau bahasa Cina di Mahkamah Perusahaan diminta untuk menanggung kos jurubahasa tersebut sendiri. Ini menyekat hak akses kelas pekerja kepada keadilan Mahkamah Perusahaan. Saya difahamkan bahawa mahkamah memang ada melantik jurubahasa bagi tujuan ini tapi kenapa isu ini masih boleh berlaku. Apakah tindakan Kementerian Sumber Manusia untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang satu-satu isu yang sangat mustahak dan memerlukan tindakan segera daripada Menteri KESUMA adalah isu tentang tuntutan palsu kes-kes perubatan yang berlaku berleluasa di hospital-hospital

kerajaan. Saya ingin memetik keratan akhbar *The Star* pada 4 April 2023, *SOCISO hit with 683 false claims* dari tahun 2018 hingga ke-2022 dengan kerugian RM43 juta. *It's just a tip of the iceberg*, dengan izin. Kalau kita menyiasat dengan lebih mendalam, maka saya pasti ketirisan ini akan mencecah beratus-ratus juta ringgit. Ini semua duit rakyat.

Satu lagi isu yang berkenaan tuntutan palsu melibatkan Hospital Seberang Jaya di Pulau Pinang. Daripada laporan akhbar *The New Straits Times* yang bertarikh 27 Januari 2012, SOCISO mengesan 16 kes tuntutan palsu yang dilakukan oleh seorang pegawai perubatan. Saya ingin bertanya kepada Menteri KESUMA apakah kesudahan kes ini? Saya difahamkan bahawa pegawai perubatan wanita berkenaan telah ditamatkan daripada perkhidmatan. Terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia atas tindakan tegas.

Namun, sebagai seorang bekas Pegawai Perubatan Ortopedik, saya yakin ini bukan angkara seorang pegawai perubatan sahaja dan saya pasti ia merupakan satu isu *systemic* yang membelenggu sistem perubatan dan sistem tuntutan PERKESO sekian lama. Kita harus bertindak tegas dan menunjukkan bahawa Kerajaan Madani tidak akan berkompromi dalam perkara yang melibatkan tatakelola khususnya melibatkan jentera kerajaan. *No more* ketirisan.

Saya boleh menceritakan di sini bukan senang kita hendak meyakinkan pihak PERKESO untuk bayaran pampasan. Ini turut melibatkan pakar-pakar perubatan, Jabatan Rekod Perubatan dan juga pemalsuan dokumen laporan neurologi. Kenapa saya begitu yakin isu ini masih belum selesai.

Kalau Ahli-ahli Parlimen tidak percaya, sila semak kepada isu Jemaah Doktor PERKESO Hospital Seberang Jaya yang saya telah difahamkan bahawa telah digantung dan dipindah ke hospital lain untuk satu tempoh yang tidak diketahui kerana syak daripada pihak PERKESO bahawa ada isu tuntutan palsu masih berlanjutan. Saya juga difahamkan usaha melobi sedang dilakukan oleh kartel pemalsuan laporan perubatan untuk mengembalikan Jemaah Doktor ke hospital tersebut. Satu minit, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengingatkan kembali kepada Menteri KESUMA agar siasatan perlu dilakukan ke akar umbi bahawa semua yang terlibat ke muka pengadilan. Jadilah ini sebagai contoh agar tuntutan palsu tidak akan berlaku. Saya yakin RUU ini akan membawa kebaikan kepada golongan pekerja negara ini. Kita mengangkat golongan yang sebenarnya menggerakkan ekonomi kita dengan tenaga-tenaga mereka. Hak pekerja terjaga, negara maju dan berjaya. Saya dengan ini menyokong pindaan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1962. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator, kalau boleh mengikut peraturan kita tidak boleh merujuk kepada *hear say*, dengar cakap macam *newspaper* dan sebagainya. *Unless you have evidence to that effect. I believe you have evidence* lah, dengan izin.



**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Yes. Saya ada Tuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, kalau tidak, sekarang *you* boleh rujuk kepada macam-macam barang yang dengar cakap sahaja *without any truth to it, so, be cautious about it. Alright.* Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis Abd Aziz.

### 3.39 ptg.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan usul Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024.

Saya terus menyentuh kepada pindaan utama iaitu pindaan fasal 2 untuk meminda seksyen 5 akta ini bagi menaikkan had maksimum kebolehinansurans amaun gaji seseorang pekerja di bawah akta ini daripada RM5,000 sebulan kepada RM6,000 sebulan. Pindaan ini sekali gus turut menambah baik Pelindungan Keselamatan Sosial PERKESO. Dengan meningkatkan faedah-faedah di bawah akta ini, seperti faedah hilang upaya sementara, faedah hilang upaya kekal, pencen ilat dan pencen penakat.

Secara keseluruhannya, saya menyambut baik pindaan rang undang-undang ini yang saya kira adalah sebuah usaha yang amat wajar dan bersesuaian dengan keadaan semasa.

#### ■1540

Kali terakhir kenaikan ini dibuat adalah pada tahun 2022 iaitu menaikkan daripada RM4,000 kepada RM5,000. Melihat kepada kenaikan kos sara hidup, komitmen dan keperluan semasa, kenaikan siling gaji ini adalah amat rasional. Seperti yang Menteri sebut setakat ini, terdapat lebih kurang 1.5 juta orang pencarum yang bergaji lebih daripada RM5,000. Namun mereka hanya dilindungi pada paras gaji sebanyak RM4,000.

Sekiranya berlaku kemalangan atau pencen bencana kerja yang tidak disangka-sangka, mereka hanya layak menerima pampasan seperti individu yang bergaji RM5,000 sahaja. Justeru, peningkatan siling gaji bulanan ini akan mewujudkan caruman baharu bagi lingkungan gaji bulanan daripada RM5,000 hingga RM6,000. Saya percaya adalah sebuah berita gembira kepada 1.5 juta pencarum ini kerana kenaikan kadar siling gaji ini akan turut menaikkan kadar faedah dan manfaat yang layak diterima yakni bersesuaian dengan gaji mereka.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada fasa 3 bertujuan untuk meminda Jadual Ketiga akta ini, untuk memasukkan kadar caruman baharu bagi Bahagian I dan Bahagian III bagi caruman jenis pertama bagi keilatan dan bencana kerja dan caruman jenis kedua bagi bencana kerja apabila gaji seseorang pekerja melebihi RM5,000 hingga RM6,000 apa yang saya khawatirkan adakah mengenai kepatuhan majikan untuk membayar caruman ini kerana kadar caruman majikan akan turut dinaikkan.

Terdapat banyak kes majikan gagal mematuhi caruman PERKESO untuk pekerja. Minta Menteri kongsi data berapakah kadar kepatuhan majikan membayar caruman PERKESO bagi pekerja. Ini kerana apabila berlaku kemalangan atau bencana kerja, pemohon faedah pekerja ditolak kerana isu caruman majikan yang tidak dibuat dan sekali gus merumitkan dan melewatkan proses tuntutan faedah pekerja. Oleh itu, apakah perancangan kementerian dalam menguatkuasakan undang-undang keselamatan sosial ini. Bagi memastikan kepatuhan majikan, sejauh mana penguatkuasaan sedia ada sudah mencukupi untuk memastikan majikan dan membuat caruman terhadap pekerja dan memastikan keselamatan sosial pekerja terbela.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai proses tuntutan, berlaku juga isu proses tuntutan yang terlalu rumit dan memakan masa yang panjang sebelum mendapat bayaran pampasan. Malah ada yang gagal dalam permohonan faedah caruman mereka. Jika kita lihat proses tuntutan ini memerlukan pemohon untuk menghadiri temu duga dengan jemaah doktor. Ada yang bertongkat, berkerusi roda, malah ada juga yang ditolak dengan katil hospital untuk menghadiri proses temu duga ini. Oleh itu, saya berharap kementerian dapat memikirkan satu mekanisme baharu untuk memudahkan proses tuntutan tanpa kerenah birokrasi yang terlalu melampau bagi golongan pemohon yang kritikal seperti ini supaya dapat meringankan bebanan mereka.

Satu lagi saya ingin bertanya pihak kementerian, apakah solusi bagi memastikan kesemua majikan mencarum secara konsisten bagi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memastikan setiap pekerja mereka dilindungi memandangkan terdapat kes-kes majikan langsung tidak mengambil perhatian kepada kebajikan pekerja dan tidak mencarum bagi pencarum mereka. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, merujuk fasal 3, bertujuan untuk meminda jadual- oh, *sorry*.

Yang terakhir saya juga berharap pihak kementerian dan PERKESO akan lebih giat dalam usaha memberi kesedaran dan kefahaman kepada pencarum mengenai faedah-faedah dan manfaat yang layak dinikmati oleh mereka. Masih ramai yang tidak tahu mereka layak mendapat pampasan apabila ditimpa kemalangan dan bencana kerja. Malah lebih ramai lagi waris yang tidak tahu mereka layak mendapat perlindungan melalui faedah pencen penakat apabila ketua keluarga meninggal dunia menyebabkan mereka hilang punca pendapatan. Saya berharap pindaan undang-undang ini akan menjadikan akta ini sebagai satu dasar yang komprehensif bagi melindungi keselamatan sosial, bukan setakat 9.6 juta orang pekerja aktif di bawah akta ini, tetapi terhadap kesemua 12.3 juta orang pekerja di Malaysia. Dengan ini saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

**3.46 ptg.**

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah saya ingin mengucapkan atas pelantikan Yang Berhormat Speaker Senator Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah. Salam takziah juga saya kepada keluarga mendiang Datuk Mutang Tagal.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan penggulungan Rang undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan (Pindaan) 2024 atau Akta 4.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang menggerakkan pindaan ke atas Akta Sosial Pekerja [*Akta 4*] dan Akta Sistem Insurans Pekerja [*Akta 800*] sekali gus meminda kebolehsurans amaun gaji pekerja daripada RM5,000 kepada RM6,000. Pindaan ini dijangka menambahbaikkan lagi faedah perlindungan kepada para pekerja di seluruh negara kita.

Di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja meningkatkan faedah di bawah Skim Keilatan dan Skim Bencana Kerja dijangka boleh dimanfaatkan- sudah empat kali sebut ya, yang saya ini kelima- 1.5 juta, sudah hafal nombor ini, orang bekerja dan tanggungan mereka. Manakala Akta Sistem Insurans Pekerja yang diwujudkan sejak 2017 menjadi contohnya cakna Kerajaan Malaysia untuk menyediakan payung sebelum hujan, memainkan peranan besar sewaktu tenaga kerja melalui kesan kemuncak wabak COVID-19.

Secara amnya saya menyokong kedua-dua RUU ini memandangkan persoalan dan pemerhatian perbahasan saya untuk kedua RUU ini adalah sama, saya ingin memfokuskan kebangkitan perkara ini dalam perbahasan RUU Keselamatan Sosial Pekerjaan (Pindaan 2024) sahaja. Impak ketara pindaan kedua-dua RUU ini adalah peningkatan kadar caruman ke atas majikan dan pekerja dalam kedua-dua skim ini.

Sungguhpun kenaikan mungkin tidak dilihat besar, mungkin daripada RM1.70 ke bawah RM18 tetapi ini masih boleh membawa bebanan yang besar kepada usahawan-usahawan tempatan Yang Berhormat. Sungguhpun ini akan memaksakan majikan dan pekerja memiliki minda *less money in hand*, dengan izin, maka adakah wajar dan sesuai untuk meningkatkan kadar caruman PERKESO dalam ekonomi sekarang ini.

Saya sering mendengar keluhan daripada usahawan-usahawan tempatan terutamanya di kalangan perusahaan PKS berkaitan kesukaran untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup syarikat akibat *cost compliance*, dengan izin, yang semakin meningkat. Ini termasuklah peningkatan gaji minimum, peningkatan siling gaji bagi akta yang sama, penguatkuasaan sistem invois elektronik- *e-invoicing*, pemansuhan subsidi diesel yang mungkin bakal diikuti dengan pemansuhan subsidi petrol pula, pelaksanaan peraturan, urus

tadbir, alam sekitar, sosial tadbir (ESG) melalui garis panduan bursa suruhanjaya sekuriti dan juga Bank Negara.

Sebagai Senator yang mewakili sektor korporat ini dan perniagaan, rasanya wajar untuk saya menyoal rasional pihak kerajaan di sebalik kadar peningkatan ini dan pemilihan *timing*-nya, dengan izin. Apakah dan adakah sebarang kajian holistik impak dilakukan oleh pihak kerajaan ke atas usahawan tempatan terutamanya daripada kalangan PKS akibat semua penambahan *cost compliance* ini dengan perundangan baharu dan pemansuhan subsidi mengambil kira pengajian hampir 50 peratus pekerja di Malaysia ini adalah pekerja SME (PKS)? Beban yang mereka alami harus dikaji dengan teliti. *Don't kill the goose with the golden egg*, dengan izin.

■1550

Seterusnya, beralih kepada pengkhususan berkaitan RUU ini. Pertama, berapakah jumlah wang yang terkumpul dalam skim keilatan, skim bencana kerja dan skim sistem insurans pekerja (SIP) terkini? Berapa ramai orang yang dilindungi dalam skim-skim tersebut?

Saya ini nak kena laju sebab saya tengok masa dah habis ya. Nak dekat habis. Saya juga ingin bertanya, berapakah jumlah wang yang dilaburkan PERKESO serta kadar pulangan kembali kepada kedua-dua skim tersebut ini dalam tempoh tiga tahun terkini? Daripada jumlah itu, berapakah peratusan daripada jumlah ini dipergunakan untuk membiayai kos operasi PERKESO?

Seterusnya, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan program ganjaran pematuhan atau suntikan insentif terutamanya kepada majikan yang memiliki rekod pematuhan yang baik sekali gus untuk dipercontohkan kepada majikan-majikan yang baharu dan belum berdaftar?

Saya minta satu minit lagi, Dato'. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Lontaran pendapat saya ini, bolehkah dikira bertepatan dan wajar dipertimbangkan lebih-lebih lagi kedua-dua skim PERKESO ini adalah berbentuk insurans yang tidak dapat dikembalikan kepada pencarum kecuali atas situasi spesifik seperti kecederaan maut atau pemberhentian kerja? Ini jelas berbeza daripada caruman KWSP yang bersifat simpanan dan akhirnya kesemua sumbangan itu menjadi milik pekerja.

Pada kala Malaysia ingin menyemarakkan pasaran kerja yang masih dalam fasa pemulihan, sambil mengimbang kesan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan ataupun AI, perlu saya tegaskan pengenalan dasar-dasar baharu yang menekan para peniaga dan majikan boleh menyebabkan mereka mengambil tindakan yang bertentangan dengan aspirasi kerajaan. *Every action has a reaction*, dengan izin.

Saya khuatir. Saya khuatir, demi mengimbangkan kelangsungan dan keuntungan syarikat, pengusaha-pengusaha tempatan akan terpaksa menurunkan atau mengekalkan harga kenaikan gaji yang rendah, pemansuhan fungsi kerja sepenuhnya, *outsourcing*

termasuk dari luar Malaysia, mengurangkan atau membekukan peluang pekerjaan yang sedia ada dan juga mengambil sikap tunggu dan lihat sebelum mendaftar syarikat dan pekerja dalam sistem insurans pekerjaan.

Dato' Yang di-Pertua, perbincangan saya sudah di hujung. Harapan saya menerusi penguatkuasaan RUU tersebut dan mengambil kira kebajikan pekerja dan juga majikan, visi Ekonomi Madani akan tercapai dan Malaysia akan menjadi antara 30 buah negara ekonomi yang terbesar dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Sekian, saya menyokong penggubalan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan (Pindaan) 2024. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual.

**3.53 ptg.**

**Puan Noorita binti Sual:** *Kansayan.* Selamat petang dan salam sejahtera Dato' Speaker dan rakan-rakan Yang Berhormat Senator sekalian. Terima kasih atas ruang perbincangan yang diberikan kepada saya dan tahniah atas lantikan Dato' Speaker.

Dato' Speaker, ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh tentang rang undang-undang ini. Perkara utama yang mendorong saya menyokong pindaan ini ialah kerana, seperti apa yang kita- semua sedia maklum, kos sara hidup semasa yang didepani oleh rakyat kita telah pun meningkat. Kini walaupun dengan pendapatan RM6,000 sebulan tidak lagi bererti atau menjamin suatu keselesaan terutamanya kepada mereka yang mempunyai banyak tanggungan, menyukarkan lagi untuk kita membeli skim insurans diri daripada syarikat-syarikat insurans yang ada dan ditambah lagi dengan cabaran-cabaran yang semakin kompleks di tempat kerja.

Saya berpendapat memang wajar liputan keselamatan sosial pekerja kita diperluaskan sekali gus melebarkan faedah-faedah tertentu yang diterima oleh pekerja. Namun, bagaimanakah dengan pekerja-pekerja sektor ekonomi *gig e-hailing* atau *p-hailing* terutamanya? Apakah usaha-usaha atau jaringan perlindungan sosial terhadap mereka setakat hari ini?

Dato' Speaker, menyedari akan pentingnya peranan dan usaha untuk memperluaskan liputan keselamatan sosial pekerja ini, saya melihat langkah ini merupakan satu langkah progresif usaha kerajaan untuk memperkukuhkan lagi jaringan dan mengangkat kebajikan institusi sumber tenaga kerja kita ke arah sebuah negara yang mampan selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan seterusnya memacu kepada kemakmuran negara. Saya bersetuju dengan kenaikan siling gaji bulanan caruman had gaji pekerja daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan.

Selanjutnya, saya ingin membangkitkan satu isu yang saya kira amat penting dan berhubung kait dengan rang undang-undang ini iaitu mengenai tahap kesedaran dalam

kalangan pekerja dan waris berkenaan dengan faedah-faedah PERKESO yang masih rendah menyebabkan pencarum atau waris tidak membuat tuntutan semasa berlaku kemalangan atau kematian.

Terdapat ramai anak-anak Sabah yang bekerja di Semenanjung. Malangnya, sangat ramai yang tiada kesedaran tentang faedah-faedah di bawah PERKESO ini terutamanya pekerja-pekerja Sabah yang berasal dari luar bandar. Waris-waris juga tidak mempunyai kesedaran akan faedah-faedah ini. Oleh sebab itu, saya sendiri sering menerima permohonan bantuan kebajikan daripada anak-anak Sabah di kawasan pedalaman yang mendapat kemalangan semasa bekerja di Semenanjung Malaysia termasuk waris-waris mereka.

Saya ingin tahu, apakah langkah-langkah atau program-program terkini yang diambil oleh pihak PERKESO untuk meningkatkan kesedaran tentang hak-hak pekerja yang layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan ini? Saya ingin tahu, berapakah jumlah caruman terkini yang tidak dituntut di bawah caruman satu dan caruman kedua mengikut negeri? Sekiranya caruman ini tidak dituntut, adakah dan apakah tindakan susulan pihak PERKESO?

Dato' Speaker, saya mengharapkan agar pihak kementerian mengambil langkah yang lebih agresif untuk mewajibkan pihak majikan untuk meningkatkan lagi usaha memberikan kesedaran tentang faedah-faedah kepada pekerja di bawah akta ini dan agar pihak kementerian juga turut menggiatkan lagi usaha-usaha yang sama di Sabah terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Saya ingin mengambil contoh mengenai skim caruman PERKESO bagi individu yang bekerja sendiri dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah. Saya percaya masih ramai yang masih belum menyedari kewujudan skim perlindungan yang baharu sahaja diperkenalkan ini khasnya penduduk luar bandar seperti para petani, nelayan, penternak dan suri rumah.

Akhir sekali, Tuan Speaker, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar sebahagian caruman, mungkin dalam 20, 30 peratus, dikembalikan semula sebagai insentif kepada pekerja sekiranya tidak berlaku sebarang kemalangan sepanjang pekerja membayar caruman dalam tempoh 10 atau 15 tahun, contohnya. Walaupun jumlah bayaran insentif ini sedikit, tapi saya fikir serba sedikit dapat membantu meringankan beban kewangan pekerja.

Harapan saya, sekiranya pindaan ini diluluskan kelak, saya ingin menyeru agar PERKESO yang diamanahkan untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan memperbaiki jangka masa proses tuntutan.

Sekian dan terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

**3.57 ptg**

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sekali lagi saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Tuan Yang di-Pertua atas lantikan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu. *Alhamdulillah.*

Tuan Yang di-Pertua, RUU ini adalah suatu RUU yang dilihat memperhalusi lagi kebajikan dan hak-hak rakyat khususnya dalam warga pekerja. Saya cuma menambah cadangan untuk diperluaskan lagi Skim Perlindungan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk semua pekerja meliputi juga bencana di luar pekerjaan yang kadang-kadangnya tidak diberi perhatian, ataupun kemalangan yang bukan bencana kerja yang disebut sebagai skim keselamatan bukan bencana kerja.

Faedah-faedah yang ini harus juga dipanjangkan kepada kecederaan dan juga kemalangan di luar waktu kerja mereka. Hari ini banyak hal yang kadang-kadang kita terlepas pandang kerana kadang-kadang dalam urusan-urusan kerja itu hanya difokuskan dalam medan, dalam waktu pekerjaan mereka sahaja.

Kemudiannya juga, anggaran kos itu juga untuk pekerja-pekerja yang terbabit dengan bencana bukan kerja ini boleh mungkin kementerian mempertimbangkan berapa yang munasabah supaya kebajikan mereka di luar daripada waktu bekerja ini tidak dialpakan sehingga akhirnya mereka juga menjadi mangsa hanya semata-mata kerana bantuan-bantuan yang diperoleh hanya dalam bidang waktu kerja mereka masing-masing.

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Keduanya, cadangan untuk memanjangkan skim keilatan melebihi 60 tahun terhadap para pekerja yang masih bekerja seperti yang terkandung dalam Akta 4 iaitu Skim Bencana Kerja (SBK).

Seterusnya, program pemutihan. Sejauh manakah keberkesanan untuk menyedarkan para majikan bagi mendaftar dan mencarum untuk pekerja-pekerja mereka di bawah pelaksanaan program pemutihan sepanjang 15 Mei 2024 hingga 30 Jun 2024 yang lalu?

**■1600**

Berapakah angka dan statistik pendaftaran terkini setelah didaftarkan oleh majikan sepanjang tempoh yang berkenaan? Saya juga ingin *nak* membangkitkan isu tuntutan palsu. Saya mendapati data- kalau *tak* betul, tolong betulkan. Menunjukkan bahawa jumlah kes siasatan yang telah direkodkan tahun 2017 sehingga kini adalah 654 kes dengan jumlah tuntutan sebanyak RM59.6 juta. Yang Berhormat Menteri kalau saya *tak* tepat, sila perbetulkan.

Jumlah yang digantung ataupun yang ditolak adalah RM43.36 juta pada tempoh yang sama. Terdapat 40 Laporan Polis yang telah dibuat. Maka, penjimatan berikut daripada

tindakan ini membabitkan satu jumlah yang sangat besar. Ratusan juta. Persoalannya, adakah mekanisme-mekanisme dan langkah mitigasi yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan PERKESO untuk menangani isu pemalsuan tuntutan faedah ini?

Berkenaan dengan keselamatan sosial pekerjaan sendiri. Tadi juga saya sentuh dan saya *tak* pasti apakah terkait dalam isu ini, tetapi saya ingin dan tetap juga mencadangkan supaya sebahagian kerja-kerja yang terkait dengan soal pekerjaan sendiri yang saya sebut tadi ini. Mungkin petani, mungkin nelayan, mungkin yang lain-lain. Mereka mempunyai sumbangan besar kepada negara, tetapi mereka tidak ada sebarang bentuk perlindungan. Juga, termasuk dalam sektor pekerjaan sendiri daripada kalangan *gig* seperti *e-hailing* dan juga *p-hailing*.

Setakat ini, apakah program libat urus yang telah dijalankan oleh pihak KESUMA dan PERKESO bagi merencanakan lagi penglibatan pekerja sektor yang tidak formal ini. Maksudnya yang tidak bermajikan ini untuk mencarum dalam skim perkhidmatan atau Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri yang saya maksudkan.

Akhirnya, saya ingin bertanya tentang isu patuh syariah. Tadi, juga saya soalkan tapi Menteri mungkin belum menjawab. Saya harap dapat disentuh di sini tentang Skim Caruman PERKESO. Apakah, ia juga memenuhi, mematuhi kepatuhan syariah? Sebab ini juga memberi kesan kepada sebahagian orang yang tidak berhasrat atau tidak masuk dalam skim ini kerana faktor kesahihan- kehalalannya dan juga kepatuhan syariahnya.

Akhir sekali- minta maaf Dato' Yang di-Pertua. Izin saya satu soalan berkaitan dengan Terengganu.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Boleh, boleh.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Pusat Rehabilitasi PERKESO. Merawat Orang Berinsurans (OB) agar mereka dapat kembali bekerja. Menurut Menteri, di Pantai Timur, pusat rehabilitasi yang sedang dalam perancangan adalah di Terengganu. Kerja pekerjaan dijangkakan bermula tahun 2024. Bolehkah saya tahu pusat rehabilitasi ini akan dibina di mana di Terengganu? Apakah ia juga setanding dengan pusat-pusat rehabilitasi yang lain seperti di Melaka dan seumpamanya kerana Terengganu juga ada membabitkan pekerjaan yang berisiko tinggi seperti dalam industri *oil and gas* dan lain-lain?

Terima kasih. Saya ingin menyokong usul ini dan juga mengharapkan jawapan terhadap apa-apa yang saya timbulkan. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.



#### 4.04 ptg.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Akta Keselamatan Sosial Pekerja. Dato' Yang di-Pertua, kini rakyat sedang menghadapi peningkatan kos sara hidup yang menyebabkan kesukaran kemampuan mendapat perlindungan insurans yang sempurna. Sedangkan pertumbuhan gaji tetap terbantut dan inflasi perubatan semakin meningkat.

Kenaikan had maksimum kebolehinurans amaun gaji pekerja daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan adalah tepat pada masanya dan harus kita raikan. Namun begitu, saya berpendapat bahawa pindaan kali ini sebenarnya boleh menangani lebih banyak isu-isu dasar berkaitan keselamatan pekerja. Jaring keselamatan sosial pekerja kita meliputi kecederaan fizikal seperti kemalangan di tempat kerja. Namun, ia kurang dalam liputan. Kita mengatakan penyakit *less visible and long-term* seperti penyakit tidak berjangkit ataupun *non-communicable diseases*.

Gaya hidup pekerja kini, telah menyebabkan peningkatan kes NCD terkini seperti kanser, diabetes, penyakit mental dan kardiovaskular berbanding beberapa dekad yang lalu. Budaya kerja yang lebih dibandingkan sekarang daripada segi masa bekerja serta gaya hidup *sedentary* iaitu duduk lama terutamanya antara golongan pekerja 'kolar putih', ini telah membentuk *a thickening time bomb*.

Baru-baru ini Malaysia telah menggelar sebagai negara yang kedua buruk- terburuk dalam keseimbangan kehidupan kerja antara 60 buah negara KDNK teratas. Demi sesuap nasi, pekerja Malaysia terpaksa mencatat lebih 40 jam secara purata setiap minggu yang tidak lestari dan akan secara tidak langsung memburukkan epidemik NCD yang kini berwabak di negara kita.

Selari dengan usaha kerajaan dalam memupuk keseimbangan kehidupan kerja dan keadaan kerja yang lebih baik, kerajaan juga harus mempertimbangkan untuk meluaskan liputan jaringan keselamatan sosial pekerja kepada penyakit-penyakit NCD yang saya sebut tadi. Tidak semestinya kerajaan kena melancarkan pelan liputan ini dengan 100 peratus lengkap dengan jangka masa yang pendek. Saya *nak* cadangkan, kita boleh *start from small*, dengan izin. Memperluaskan liputan kepada penyakit mental dan kardiovaskular kerana liputan tersebut akan memberikan impak yang terbesar sekali kepada rakyat. Jika keadaan fizikal izin, baharulah kita memperluaskan kepada penyakit NCD yang lain seperti kanser, diabetes dan sebagainya.

Dato' Yang di-Pertua, kenaikan had maksimum kebolehinurans ini walaupun langkah yang positif, ia memerlukan caruman yang lebih daripada pemilik peniaga dan majikan kepada pekerja. Dalam keadaan ekonomi Malaysia di landasan pemulihan daripada COVID-19, saya percaya bahawa majikan terutamanya dari Kluster Mikro SME itu, memerlukan bantuan yang

peralihan kepada kadar caruman baharu ini. Objektif kerajaan dalam konteks ini adalah jelas. Kita tidak ingin mendorong pemilik peniaga mikro SME yang *cash-strapped* pada masa kini, melanggar undang-undang yang mengubah tenaga kerja daripada golongan pendatang asing tanpa izin.

Penggubahan golongan tersebut akan membuka ruang kepada peluang pelanggaran Undang-undang Buruh disebabkan itu PATI iaitu pendatang asing tanpa izin itu, tidak dilindungi oleh undang-undang pekerja Malaysia. Dalam masa, jangka masa pendek, mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan bantuan mikro SME seperti kredit cukai ataupun membiayai latihan pekerja terutamanya kepada pekerja separuh mahir. Selain daripada bantuan peralihan kepada mikro SME mengenai kenaikan caruman, saya juga menyerukan kerajaan agar meneliti jurang perlindungan sosial antara golongan pekerja tidak formal terutamanya dalam kalangan pekerja *gig*.

Kini, KESUMA mengorak langkah ke hadapan dengan pemberian subsidi RM100 juta serta menjalankan pendekatan pekerja awam swasta dengan platform kerja *gig* dalam pelaksanaan tersebut, tapi saya berpendapat bahawa langkah ini boleh diperkasakan dengan memperluaskan perlindungan sosial bukan sahaja kepada pekerja-pekerja sektor *e-hailing*, atau *p-hailing*, tetapi juga pekerja *gig* seperti *freelancer* pekerja sementara dan juga pekerja rencam.

Dato' Yang di-Pertua, pekerja *gig* terutamanya pekerja sektor e-panggilan dan p-panggilan kini berada dalam keadaan *limbo* mengenai hak bekerja mereka.

#### ■1610

Keputusan kes Loh Guet Ching dengan Menteri Sumber Manusia telah menunjukkan bahawa badan kehakiman berpendapat bahawa pemandu e-panggilan bukan pekerja dan tidak sesuai dan takrif kan pekerja di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 kerana kekurangan kontrak perkhidmatan. Tanpa status pekerja, keselamatan sosial pekerja sektor *gig* adalah akan tidak dijamin atau tidak diperindungi. Mereka tergantung pada dasar tampalan seperti caruman sukarela pekerja *gig* serta subsidi caruman kepada platform kerja *gig* sebab...

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Tolong gulung kan ya.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Satu minit lagi.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ya. *Short and neat.*

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** *Oh, short, very short.*

Oleh itu, sebagai langkah memperkasakan hak pekerja *gig*, saya cadangkan agar mempertimbangkan idea kategori pekerja *gig as a stand alone class*, dengan izin, seperti di Australia yang menetapkan status pekerja *gig* sebagai "*employee-like worker*," Jika pekerja *gig* kita mendapat kelas kategori seperti yang di Australia, kerajaan boleh menggubal dasar...

*[Tidak jelas] Made* kepada pekerja *gig* di Malaysia tanpa pertindihan dengan peruntukan-peruntukan pekerja sektor formal yang sedia ada.

Akhir sekali saya hendak katakan bahawa demi merealisasikan sebuah Akta Keselamatan Sosial Pekerja yang lebih komprehensif, saya harap kerajaan akan mengambil kira cadangan saya dan memberi tumpuan yang terperinci kepada golongan pekerja *gig* serta kumpulan 'penjaga'. Golongan tersebut memainkan peranan yang penting dalam ekonomi kita. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Okey. Terima kasih oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau. Sekarang saya menjemput Senator Tuan Abun Sui Anyit.

#### 4.12 ptg.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang D.R. 11/2024 berkaitan dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Pindaan) 2024 ini.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan supaya lebih giat lagi untuk memberi pendedahan kepada rakyat terutamanya di kawasan pedalaman yang masih tidak peka atau pun tidak kenal antara kebaikan-kebaikan atau pun program-program yang kerajaan buat sehingga pada hari ini.

Saya dapati pindaan yang dibuat pada hari ini adalah bersesuaian dengan insurans yang telah kita bahaskan pagi tadi, ada kaitannya kerana- justeru itu, saya berharap supaya perkara ini dapat diperkenalkan dengan lebih meluas terutamanya kepada pekerja-pekerja sebab apabila pekerja di dalam apa-apa bidang pun, dengan syarikat. Apabila mereka tidak mengetahui hak mereka dan syarikat selalunya tidak akan ambil inisiatif untuk memberi, buat pembayaran-pembayaran yang sepatutnya mengikut undang-undang.

Jadi, justeru itu saya berharap supaya pihak kerajaan melalui PERKESO yang saya dapati sekarang lebih giat untuk memperkenalkan kebaikan ataupun program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Jadi, dengan adanya program seperti ini kerana dia melibatkan gaji ataupun bayaran bulanan yang melebihi RM6,000 dan bagaimana pula gaji mereka yang sangat rendah? Jadi, saya bagi pihak mereka yang bergaji rendah rasa tergiur juga melihat pindaan ini yang membawa kebaikan kepada rakyat. Kalau lah rakyat yang di bawah jumlah gaji yang dinyatakan di dalam pindaan ini maka bagaimanakah kerajaan akan memberi satu program ataupun kebaikan bagi mereka untuk menjaga hak mereka?

Begitu juga saya lihat perkara ini, bagaimanakah kerajaan untuk memberi satu bantuan kepada syarikat-syarikat yang mungkin sudah terkesan akibat COVID yang lepas, masih mereka lagi berusaha untuk memperbaiki syarikat mereka? Adakah ini akan menyebabkan mereka juga akan terkesan dengan pindaan yang kita buat ini? Justeru itu, saya ingin tahu, apakah justifikasi kepada penambahan jumlah yang kita bincangkan, yang

kita bahaskan pada hari ini? Adakah ini adalah tekanan daripada kerajaan ataupun adakah ini tekanan daripada majikan ataupun adakah ini juga permintaan ataupun tekanan daripada kesatuan sekerja ataupun pekerja-pekerja?

Jadi justeru itu, saya berharap supaya pindaan-pindaan ini yang membawa kebaikan ini haruslah disampaikan maklumat ini kepada rakyat di luar sana supaya mereka tahu hak mereka. Ini kerana ada beberapa kes insiden apabila terjadinya kemalangan, rupa-rupanya mereka tidak dibayar bulanan seperti yang termaktub dalam undang-undang oleh syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab. Justeru itu, kita berharap supaya kerajaan akan terus memantau supaya setiap orang yang memiliki pekerjaan di dalam negara ini perlulah ada pembayaran-pembayaran atau pendaftaran.

Jadi, saya ingin tahu daripada pihak kerajaan. Berapakah ya, kalau kerajaan ada maklumat pekerja-pekerja yang ada di negara ini terutamanya yang swasta, berapa *percent*? Adakah 100 peratus kah mereka dibayar dengan pembayaran seperti ini ataupun berapa? Jadi justeru itu, dengan adanya pindaan ini, saya berharap supaya ia nya diberi pendaftaran kepada semua pekerja di dalam syarikat-syarikat yang ada di dalam negara ini. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit. Sekarang saya menjemput Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

**4.17 ptg.**

**Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk saya ikut berbahas dalam pindaan akta yang berkaitan dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Pada dasarnya, saya memberikan dukungan kuat dan sepenuhnya pada pindaan ini khususnya dalam konteks memberikan keadilan sosial dan kebajikan kepada rakyat khasnya berkaitan dengan golongan pekerja. Ini pada hemat saya, merupakan satu langkah untuk menimbulkan kesedaran besar pada para majikan dalam konteks memberikan kebajikan dan hak kepada para pekerja.

Suatu tuntutan keadilan sosial yang patut diberi perhatian besar khususnya dalam konteks iklim sosioekonomi yang kian kritikal sekarang. Tampaknya memang sangat diperlukan soal peningkatan jaminan para pekerja dalam menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang dikaitkan dengan soal keilatan dan soal bencana kerja itu. Namun, dalam beberapa hal saya ingin juga menimbulkan pertanyaan dan sedikit saranan yang sebenarnya telah pun ditimbulkan oleh beberapa orang Yang Berhormat sebelum ini dalam perbahasan masing-masing.

Pertama, dalam konteks kuantum ataupun, dengan izin, jumlah pencaruman itu. Saya kira masih dapat ditimbangkan keperluan untuk menyesuaikan jumlah atau kuantum itu dengan keadaan semasa, dengan keadaan ekonomi yang dihadapi oleh para pekerja khususnya yang berada dalam kumpulan bawahan. Jika soal ataupun isu yang ditimbulkan oleh satu, dua orang Yang Berhormat tadi tentang soal keadaan ekonomi yang masih belum pulih, tetapi barangkali dalam soal ini, kerajaan mungkin boleh memperuntukkan satu insentif untuk galakkan kepada majikan bagi meningkatkan caruman dengan pelepasan cukai dan sebagainya. Namun, yang penting pada hemat saya ialah kebajikan para pekerja itu sangat mustahak diberi perhatian dan keutamaan.

Kedua, tentang liputan yang turut merangkum pada pekerja asing. Suatu langkah yang saya kira cukup positif kerana dalam soal nilai kemanusiaan, kita tidak harus membezakan kebajikan kepada manusia, warganegara yang mana pun, tetapi dalam konteks ini, berdasarkan hasil tinjauan ringkas semalam, pada hari Ahad iaitu Jawatankuasa Hal Ehwal Sosial Masyarakat telah ikut serta dalam operasi yang dilakukan oleh beberapa buah agensi kerajaan untuk menghindari ataupun membanteras soal pekerja asing yang tidak mendapat atau tidak mematuhi peraturan tertentu. Satu pendapatan yang kita peroleh ialah bagaimana pekerja asing ini telah dimanipulasi oleh majikan.

#### ■1620

Maka, dalam soal ini, satu kebimbangan yang harus diberi perhatian, bagaimanakah satu mekanisme harus direncanakan oleh kementerian agar para pekerja asing ini tidak dimanipulasi oleh majikan termasuk dalam soal keculasan dalam pencaruman dan soal keculasan ini, saya kira juga meliputi keculasan majikan kepada pekerja setempat atau pekerja warganegara kita sendiri.

Jadi pertanyaan saya, supaya tidak seperti ingatan Dato' Yang di-Pertua tadi, tidak berdasarkan dengan cakap, saya ingin mendapat maklumat tentang perangkaan daripada pihak kementerian, berapa banyakkah majikan yang akur ataupun patuh kepada tanggungjawab menunaikan pencaruman ini dan berapa banyak kah majikan yang culas dalam soal memberikan hak kepada pekerja? Ini penting dalam soal kita hendak mengisi erti dan falsafah ekonomi Madani.

Keempat ialah isu yang berkaitan dengan soal keperluan untuk kementerian melakukan satu kajian yang lebih menyeluruh seperti yang telah disebut oleh beberapa orang Yang Berhormat itu tadi agar pencaruman ini memberikan kesan positif kepada semua golongan pekerja yang masing-masing ada sumbangan besar pada soal ekonomi negara juga kepada kesejahteraan negara keseluruhannya.

Sebagai contoh, sebagai orang yang pernah terlibat dalam dunia akademik, ada pembantu penyelidik, RA yang dilantik oleh universiti, tapi ada RA yang dilantik oleh penyelidik tertentu yang tidak mendapat faedah termasuk soal pencaruman. Jadi, ini harus dikaji semula

dan sebagai Senator yang mewakili bidang kebudayaan, saya juga mendapat kesan daripada kajian ringkas Kementerian Komunikasi pada waktu berlakunya COVID-19 yang lalu iaitu sekian banyak pekerja khususnya dalam bidang produksi termasuk di stesen penyiaran kerajaan sendiri yang merupakan pekerja sambilan, pekerja sementara yang tidak tercakup kebajikan mereka termasuk dalam soal pencaruman.

Jadi, pada hemat saya, perkara ini harus dikaji dengan mendalam oleh kementerian supaya kebajikan pekerja benar-benar diperoleh dan meliputi semua golongan pekerja yang memberikan sumbangan kepada ekonomi dan kepada kebajikan kesejahteraan negara keseluruhannya.

Jadi, saya kira itu antara perkara yang ingin saya timbulkan Dato' Yang di-Pertua. Mudah-mudahan pindaan ini akan memberikan satu dukungan kepada soal peningkatan keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat khususnya golongan pekerja dan saya mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

#### **4.24 ptg.**

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan RUU Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024 di Dewan yang mulia ini. RUU ini bertujuan menambah baik liputan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara berikut. Pertama mengenai pindaan seksyen 5, Akta 4 untuk menaikkan had siling kebolehinsurans amaun gaji pekerja daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan yang dijangka memanfaatkan lebih kurang 1.5 juta orang pekerja dan tanggungan mereka dengan kenaikan kadar faedah sebanyak 20.2 peratus.

Peningkatan caruman majikan adalah antara RM1.70 hingga RM17.50 sebulan bagi setiap pekerja. Dalam keadaan kos perniagaan yang masih menekan, saya bimbang tambahan kos caruman akan membebankan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pihak peniaga mengalami kenaikan kos operasi berikutan daripada nasionalisasi subsidi diesel bersasar dan berkemungkinan akan menanggung beban kos daripada semakan semula gaji minima dan juga pelaksanaan levi pekerja asing pelbagai peringkat pada masa depan. Dengan itu, KESUMA mestilah memastikan bebanan tambahan kos caruman sama ada untuk pekerja atau majikan tidak meningkatkan secara mendadak pada masa depan.

Kedua, adakah SOCSO bercadang untuk melanjutkan perlindungan dan faedah melebihi umur persaraan 60 tahun? Ramai pekerja yang mempunyai perlindungan insurans

keselamatan berpendapat bahawa caruman mereka akan luput kerana mereka tidak menggunakannya disebabkan oleh tidak mengalami kecederaan atau kos perubatan telah ditanggung oleh pihak majikan. Dengan itu, saya menyeru pihak SOCSO memikirkan inisiatif ke arah untuk melindungi pekerja-pekerja yang telah mencarum semasa terbaik dalam hidup mereka. Ini akan menjamin aspek keberhasilan dan kelangsungan hidup pekerja selepas bersara.

Ketiga, saya difahamkan bahawa ada majikan yang tidak membuat caruman untuk pekerja mereka. Dengan itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada satu kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan ramai majikan gagal membuat caruman? Saya minta pihak kementerian memberi jumlah majikan yang tidak membuat caruman dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menangani masalah tersebut? Adakah undang-undang dan penguatkuasaan yang sedia ada mencukupi untuk melindungi masalah ini?

Keempat dan akhir sekali Dato' Yang di-Pertua, saya menyambut baik pelan jangka masa panjang pihak kementerian untuk meluaskan perlindungan keselamatan sosial pekerja untuk 24 jam termasuk di luar waktu dan skop kerja. Saya ingin minta pihak kementerian menyatakan garis masa pelaksanaan dan apakah implikasi kos? Persoalannya, cabaran yang timbul dalam pelaksanaan perlindungan keselamatan sosial 24 jam, siapakah yang akan membayar caruman tambahan tersebut setiap bulan?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Sekian terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah.

#### 4.29 ptg.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara yang dihormati sekalian. Saya teruskan laluan perbahasan pada hari ini mengenai Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, pindaan ke atas Akta 4 ini melibatkan tiga perkara utama iaitu yang pertama peningkatan had siling gaji yang diinsuranskan daripada RM5,000 kepada RM6,000.

#### ■1630

Kedua, pindaan kadar caruman bagi skim keilangan dan skim bencana pekerja. Ketiga, faedah hilang upaya dan faedah orang tanggungan.

Saya menyambut baik pindaan ke atas Akta 4 ini bagi memastikan kebajikan pekerja terpelihara. Pindaan ini amat bermakna. Ia adalah satu tindakan yang amat positif dalam

menjaga kepentingan dan kebajikan para pekerja. Pindaan Akta 4 ini juga merupakan satu kesedaran bersama oleh Kerajaan Madani terhadap para pekerja. Secara tidak langsung, langkah ini adalah pengingatan kepada para majikan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan jujur, agar hubungan majikan dan pekerja berada dalam keadaan yang begitu harmoni.

Saya tertarik untuk berkongsi situasi yang dikhabarkan berkenaan dengan seorang pekerja yang berusia 64 tahun. Beliau berkecimpung dalam sektor pekerjaan penunggang kuda. Beliau memerlukan pergerakan fizikal yang aktif iaitu menunggang kuda. Impak beliau setelah lebih 40 tahun menunggang kuda hampir setiap hari, mengakibatkan beliau *diagnose*-kan dengan *slipped disc*.

Justeru itu, pergerakan beliau kini terbatas dan tidak boleh bekerja dengan pergerakan yang begitu banyak selepas itu. Beliau telah membuat pemeriksaan di hospital kerajaan, membuat tuntutan kepada PERKESO mengikut prosedur yang telah digariskan kerana kehilangan pekerjaan. Beliau kehilangan pekerjaan akibat impak tersebut selepas 40 tahun melakukan kerja beliau sebagai penunggang kuda. Namun begitu, tuntutan beliau ditolak atas alasan yang diberikan oleh PERKESO beliau kerana telah lebih 60 tahun dan boleh memohon cari pekerjaan lain yang lebih sesuai dengan kudrat ketika itu.

Dato' Yang di-Pertua, individu ini telah dedikasikan hayatnya, risiko nyawanya terhadap pekerjaan beliau. Pada umur sudah senja 64 tahun dan menanggung sakit akibat pekerjaan yang dilaksanakan, tuntutan beliau ditolak begitu sahaja oleh pihak PERKESO. Bagaimanakah beliau ingin bekerja dengan keadaan menanggung sakit tulang belakang dan keterbatasan pergerakan pada usia 64 tahun? Rayuan telah diusulkan, namun beliau punya rayuan tetap ditolak dengan alasan yang sama. Kami merasakan amat kecewa dengan dasar dan keputusan tuntutan terhadap individu tersebut. Walau bagaimanapun, pihak majikan dan pekerja tidak pernah menculus caruman PERKESO setiap bulan kepada beliau.

Saya harap pihak PERKESO, KESUMA boleh memperhalusi dan meneliti kembali polisi-polisi atau dasar yang diguna pakai agar memberikan sedikit pertimbangan mengikut situasi pemohon. Tidak semua dasar dan polisi boleh diguna pakai secara pukol rata tanpa menilai latar belakang situasi yang harus diharungi oleh setiap pemohon selepas musibah yang menimpa mereka. Sekurang-kurangnya, berikanlah sedikit empati, budi bicara yang berhemah kepada mereka.

Oleh itu, saya amat berharap, atas Akta 4 ini mampu diperluaskan lagi dalam jaringan faedah perlingkungannya kepada pencarum dan tanggungan mereka. Bukan terhenti setakat pindaan menilai nilai caruman sahaja.

Dengan pindaan ini adalah diharapkan, lebih ramai pencarum dapat menikmati faedah yang disediakan, seiring dengan objektif PERKESO untuk memelihara kebajikan pencarum. Saya yakin, kementerian di bawah Menteri yang bertanggungjawab ini amat prihatin tentang



dasar-dasar yang akan dilaksanakan. Saya yakin kementerian ini akan mencari dan melihat segenap ruang lingkup untuk memastikan kebajikan para pekerja akan terbela di bawah Kerajaan Madani.

Dato' Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya dalam rang undang-undang pindaan Akta 4. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah. Sebenarnya, / panggil tadi Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad, tapi dia tak ada di sini, tapi Arman Azha yang ada.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Tak apa. Saya tak akan saman di mahkamah...  
*[Dewan ketawa]*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Okey, inilah sudah 13 Yang Berhormat telah berbahas. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 4.34 ptg.

**Menteri Sumber Manusia [Tuan Sim Chee Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah terlibat. Ada lebih kurang 13 kalau tidak silap saya- 13 orang pembahas yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024 ataupun pindaan kepada Akta 4 ini.

Kementerian menghargai semua pandangan, idea, saranan, cadangan dan juga kritikan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita akan menjadikannya sebagai pedoman. Kalau tidak sempat untuk dijadikan dasar untuk masa sekarang, kita akan jadikan pedoman sebagai rujukan untuk penambahbaikan pada masa yang akan datang.

Saya mulakan dengan rakan saya Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff yang menanya tentang justifikasi kerajaan menaikkan sebanyak RM1,000 dalam dua kali dalam masa dua tahun. Macam kerap. Tahun yang sebelum ini 2022 dan sekarang kita naikkan lagi. Apakah kerajaan berhasrat meluaskan faedah ini kepada bukan bencana kerja? Berapa anggaran kos tambahan kerajaan berikutan peningkatan kadar caruman ini? Soalan keempat, status RM200 juta yang diberikan untuk dalam Bajet 2024 kepada PERKESO.

Untuk makluman, bagi soalan pertama, peningkatan siling gaji. Sebenarnya prinsipnya serupa dengan Akta 800 sebelum ini bahawa kita ingin melihat kepada keadaan semasa, melihat kepada isu-isu peningkatan kos sara hidup dan sebagainya untuk meningkatkan faedah kepada pekerja-pekerja terutamanya mereka yang bergaji RM5,000 dan ke atas. Sebab faedah yang mereka terima pada masa ini adalah terhad kepada pengiraan pada setakat RM5,000 sahaja. Jadi untuk memberikan peningkatan ini, maka kita terpaksa menaikkan caruman.

Ada suara-suara, pandangan daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tentang bebanan yang mungkin akan dirasai oleh sama ada majikan ataupun pekerja dalam aspek meningkatkan caruman ini. Jadi kita ingin melakukannya secara berhemah supaya tidak- satu, kita mampu memberikan faedah yang lebih baik kepada 1.5 juta orang pekerja dengan peningkatan faedah 20 peratus, tetapi pada masa yang sama, tidak ada dikenakan peningkatan caruman bulanan secara tiba-tiba dengan mendadak.

Pada masa kini, dengan langkah-langkah peningkatan kepada RM6,000 ini, contohnya di pihak majikan, tambahan kepada caruman majikan sebulan- juga menjawab soalan YB-YB lain ialah (RM1.70 kupang) kepada RM17.50 kupang- bahasa orang *Penang*. RM1.70 sehingga RM17.50. Saya rasa ini walaupun ya, memang ada kenaikan, tetapi ini munasabah dan mampu dibiayai dan pada masa yang sama, mendatangkan faedah yang besar iaitu lebih kurang 20 peratus peningkatan faedah kepada pekerja. Jadi ini adalah langkah cermat dan berhemah untuk memastikan keadaan menang-menang ataupun *win-win*.

Soalan kedua tentang pelaksanaan skim keselamatan bukan bencana kerja. Saya ucapkan terima kasih kepada YB-YB yang telah membangkitkan soal ini sebab ini adalah penting. Saya berasa amat gembira, bangga khususnya kerana mendapat dukungan. Skim ini mendapat dukungan bukan sahaja di Dewan Rakyat ketika dua RUU ini dibahaskan, malahan di Dewan Negara yang mulia ini.

Sebab untuk makluman, skim keselamatan bukan bencana kerja, dia dapat penerimaan yang baik daripada pelbagai kementerian dan agensi, persatuan, majikan dan juga kesatuan sekerja. Berdasarkan sesi libat urus kita, terdapat keperluan mewujudkan skim yang dapat melindungi pekerja yang ditimpa musibah kemalangan di luar waktu kerja dan tidak ada kaitan dengan penggajian yang pada masa ini tidak tersedia di bawah Akta 4 ini. KESUMA telah membentangkan cadangan, mewujudkan satu skim keselamatan bukan bencana kerja pada bulan April yang lalu dan kita sedang menjalankan sesi libat urus untuk melihat kepada pelaksanaan skim ini.

#### ■1640

Sudah tentu, sekali lagi apabila kita melaksanakan skim yang baharu, memberikan perlindungan yang baharu, dia akan melibatkan kos, dia akan melibatkan kos caruman. Jadi, saya harap kita melihat kepada asas prinsip PERKESO ini, jaminan keselamatan sosial dengan caruman yang mampu milik, mampu dibiayai. dia akan memberikan perlindungan dan kesan yang amat positif, amat besar bukan sahaja kepada pekerja itu sendiri, tetapi orang tanggungannya.

Jadi, apabila- kalau akta ini ataupun skim ini dibawa ke Dewan yang mulia ini, saya mohon ya, bukan sekarang, sudah tentu, tetapi saya mohon sokongan seperti yang telah ditunjukkan tadi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Soalan ketiga, kos tambahan kepada kerajaan berikutan peningkatan kadar caruman ya, kepada kakitangan bersetaraf kontrak dan sementara adalah berjumlah lebih kurang RM6.3 juta untuk kenaikan ini. Soalan keempat, PERKESO sejumlah RM75 juta telah diperuntukkan di bawah program perlindungan PERKESO dan daripada jumlah ini, RM31.1 juta merupakan jumlah layak kepada 2,666 majikan- melibatkan 4,614 orang penerima program Daya Kerjaya iaitu skim sokongan pekerjaan. Saya dah sebut tadi dalam perbahasan sebelum ini.

Seramai 6,592 orang pekerja sektor tidak formal telah diluluskan di bawah program Bina Kerjaya 2.0 untuk sektor tidak formal. Bina Kerjaya itu, tadi dah disebut sekali lagi, tuntutan sehingga RM4,000 untuk mereka menyertai kursus-kursus latihan kemahiran dan juga elaun latihan harian yang boleh dituntut sehingga RM600 dalam masa 20 hari.

Di samping itu, di bawah integrasi kumpulan sasaran dalam sektor awam MySTEP seramai 16,979 pencari kerja termasuk graduan telah pun ditempatkan di sektor awam dan GLC. Bagi inisiatif sektor tidak formal, sekali lagi tentang peruntukan RM200 juta itu tadi RM75 juta, sekarang RM100 juta telah dibelanjakan dalam- kepada dua kumpulan.

Satu ialah Skim Pekerjaan Sendiri Madani 2.0 di mana terdapat 84,310 orang berinsurans mendapat manfaat belanja peruntukan kerajaan sebanyak lebih RM20 juta dan juga Skim Pekerjaan Sendiri Padanan Caruman 2.0, seramai 335,580 orang berinsurans mendapat manfaat daripada padanan caruman ini melalui geran kerajaan sebanyak RM70.3 juta. Untuk Skim Keselamatan Sosial Surirumah pula, peruntukan kerajaan dalam Belanjawan 2024, sebanyak RM30 juta telah disalurkan.

Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam telah bertanya tentang pembelaan kebajikan pekerja kontrak di mahkamah dan apakah tindakan KESUMA. Kita menyambut baik hasrat dan giat melaksanakan libat urus dengan CUEPACS, contohnya dan pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk melihat kepada skim-skim yang sesuai kepada penjawat awam sebab mereka mempunyai skim tersendiri. Cadangan akan diteliti dan diperhalusi dari semasa ke semasa untuk menambah baik perlindungan yang dinikmati oleh bukan sahaja di peringkat swasta yang dilindungi di bawah PERKESO, tetapi juga oleh penjawat awam yang mempunyai skim mereka yang tersendiri.

Kerjasama strategik dengan Kementerian Pengangkutan seperti contohnya, pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah mewajibkan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini sebagai salah satu syarat untuk memperbaharui lesen vokasional bagi individu yang tertakluk kepada definisi orang bekerja sendiri di bawah Akta 789.

Saya juga sarankan, tadi ada disebut tentang pegawai-pegawai Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Dewan Negara yang mungkin tidak diberi caruman, tetapi saya ingin menegaskan mana-mana pekerja yang bekerja, yang saya dah sebut, harus mempunyai

ataupun diberikan caruman. So, saya minta kerjasama daripada Ahli-ahli Parlimen supaya melihat kepada isu ini. Kalau ada sebarang kemusykilan tentang perkara ini, boleh dirujuk kepada PERKESO ataupun kepada KESUMA.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa bertanya tentang beberapa soalan juga. Soalan pertama tentang cadangan menaikkan siling caruman daripada- adakah cadangan ini telah dikaji? Kajian telah dilaksanakan melibatkan PKS dan telah diteliti secara relatif, mempunyai pekerja yang akan terlibat ataupun terkesan dengan kenaikan ini. Kajian ini telah dilakukan dalam Belanjawan 2024. Okey. Melalui sesi libat urus kita seperti yang saya sebut tadi, dia merupakan satu pendekatan yang berhemah, RM1.70 sehingga RM17.50. Jadi, satu amaun yang mampu dibiayai, tetapi memberikan pulangan yang besar kepada pekerja.

Soalan kedua, berapakah jumlah wang dalam Kumpulan Wang PERKESO di bawah Akta 4 dan Akta 800 serta berapa ramai orang berinsurans yang dilindungi oleh akta ini. Untuk makluman, dana terkumpul bagi Kumpulan Wang Keselamatan Sosial di bawah Akta 4 adalah sebanyak RM31.9 bilion dan bagi Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan di bawah Akta 800 pula adalah sebanyak RM2.94 bilion.

Jumlah pekerja yang dilindungi ialah seramai 7.161 juta orang pekerja tempatan dan pekerja asing seramai 1.971 juta di bawah Akta 4. Bagi perlindungan di bawah Akta 800, hanya pekerja tempatan sahaja sebab akta ini hanya melibatkan pekerja tempatan adalah seramai 6.258 juta orang.

Jadi, soalan ketiga tentang kadar pelaburan daripada caruman. Jumlah pelaburan adalah bergantung kepada kebenaran yang ditetapkan melalui seksyen 75, Akta 4 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Bagi tahun 2022, 2023 dan setakat Jun 2024, jumlah pelaburan adalah sebanyak RM1.28 bilion, RM1.63 bilion dan RM934.6, dia tulis *million*- maknanya juta masing-masing. Kos operasi di bawah Akta 4 pada tahun 2023 adalah sebanyak RM771.2 juta dan setakat Jun 2024, sebanyak- itu untuk tahun 2023. Untuk tahun ini, setakat Jun 2024 adalah sebanyak RM403.3 juta.

Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit membangkitkan sekali lagi hak pekerja di bawah- yang bergaji di bawah RM5,000. Sebenarnya, saya ada jawab tadi ketika membahaskan Akta 800 tadi. Serupa sebenarnya, hak mereka tetap sama. Mereka masih dilindungi di bawah Akta 4 dan apabila ditimpa bencana kerja dan keilatan berdasarkan gaji yang telah dicarumkan. Contohnya, faedah perubatan, faedah pengurusan mayat, faedah pemulihan, elaun layanan sentiasa akan dibahagikan sama rata kepada semua pekerja tanpa mengira siling gaji mereka.

Manakala, faedah berbentuk tunai yang lain seperti faedah hilang upaya sementara, hilang upaya kekal, faedah orang tanggungan, pencen ilat dan pencen penakat adalah bergantung kepada kadar gaji yang dicarumkan. Jadi, ia dikira ikut kadar gaji mereka untuk tak kiralah di tahap apa.

Soalan kedua, langkah-langkah memastikan pekerja di luar bandar sedar-mempunyai kesedaran yang lebih tinggi tentang PERKESO. Kita melakukan inisiatif seperti penguatkuasaan kepada majikan, bulan pemutihan. Saya dah sebut tadi Ops Kesan, program kesedaran kepada pekerja dan majikan dan kita galakan aduan daripada pekerja kepada KESUMA melalui PERKESO menggunakan media massa. Contohnya, media sosial seperti *TikTok*, *Facebook*, *X* dan sebagainya untuk menyebarkan keperluan caruman PERKESO selain media-media tradisional seperti surat khabar, TV, radio.

#### ■1650

Saya juga menggalakkan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk menjadi duta PERKESO. Membantu PERKESO menyebarkan bukan sahaja maklumat tentang Akta 4, Akta 800 tapi juga tentang skim-skim yang lain seperti Skim Pekerjaan Sendiri, Skim Suri Rumah yang amat penting kepada kaum wanita. Saya minta. Saya bagi jaminan PERKESO akan memberikan kerjasama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menjadi duta, menguar-uarkan program-program di tempat ataupun negeri masing-masing kepada kumpulan sasaran masing-masing ataupun kepada kumpulan NGO yang diwakili.

Yang Berhormat Puan Noorita Sual bertanya tentang pengembalian semula caruman. Ini adalah *no-claim bonus* lah- *the so-called no-claim bonus*, dengan izin jika tiada tuntutan dilakukan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini- ini amat popular. Soalan ini amat popular ya, sering dibangkitkan kepada saya. Kalau tidak ada sebarang tuntutan dilaksanakan, seumur hidupnya adakah boleh memberikan dia mungkin sedikit imbuhan ataupun mengembalikan. Untuk makluman caruman PERKESO dia bukan macam KWSP seperti yang kita lebih fasih di mana ia merupakan wang simpanan- *provident fund*.

Caruman PERKESO adalah berdasarkan prinsip *pulling of resources and sharing of risk* di mana dana yang dikumpulkan akan digunakan untuk membiayai faedah kepada orang berinsurans yang ditimpa musibah dan orang tanggungan.

Caruman tersebut justeru itu tidak boleh dikembalikan kepada pencarum yang tidak pernah membuat sebarang tuntutan kerana dana sedia ada ini akan digunakan untuk membayar tuntutan kepada pencarum yang ditimpa kemalangan termasuk waris tanggungan sekiranya pencarum tersebut meninggal dunia. Jadi, untuk memastikan kemapanan dana sedia ada, konsep *pulling of resources and sharing of risk* ini kita tidak- buat masa ini masih lagi tidak mampu untuk mengadakan ataupun membayar *the so-called no claim bonus* ataupun bonus kepada imbuhan kepada mereka yang tidak pernah membuat tuntutan.

Seterusnya YB Senator Dato' Kesavadas. Apakah tindakan kepada majikan yang culas dan gagal membayar caruman di bawah Akta 4 dan juga status pekerja asing Bangladesh di Batu Maung, Pulau Pinang. Untuk makluman Dewan yang mula ini, bagi soalan yang pertama, majikan yang gagal mendaftar di bawah Akta 4 boleh dikenakan kompaun sehingga RM5,000 mengikut kesalahan dan tindakan pendakwaan yang disabit kesalahan mengikut Akta 4 ini boleh dijatuhkan hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali. Setakat 18 Jun 2024, sebanyak 1,476 majikan telah dikenakan tindakan kompaun dan sebanyak 1,228 majikan telah didakwa.

Bagi soalan yang kedua tentang isu pekerja asing di Batu Maung, Akta 4 terpakai kepada pekerja asing yang mempunyai pas dan permit penggajian yang sah mulai 1 Januari 2019 di bawah Skim Bencana Kerja. Sekiranya majikan gagal mencarum, kegagalan tersebut tidak menjejaskan perlindungan yang akan diberikan kepada pekerja di bawah Akta 4.

Ini kerana tunggakan caruman akan dituntut oleh PERKESO ke atas majikan tersebut melalui proses perundangan untuk memastikan pekerja asing tersebut layak dilindungi. Ini secara amnya. Bagi kemalangan melibatkan pekerja warga Bangladesh di Batu Maung, siasatan yang telah dilaksanakan oleh PERKESO dan didapati bahawa pekerja asing tersebut sebenarnya tidak layak diliputi di bawah Akta 4.

Yang Berhormat Senator Datuk Juhanis Abdul Aziz bertanya dua soalan juga. Kadar peratus pematuhan majikan dan perancangan kerajaan untuk menguatkuasakan dengan peningkatan kadar carumannya kepada majikan. Soalan pertama Ops Kesan kali kelima belas telah dilancarkan pada 10 Julai 2024 berikutan tamatnya tempoh bulan pemutihan pada 30 Jun di mana di semua 54 buah Pejabat PERKESO di seluruh Malaysia dengan kekuatan anggota hampir 1,000 orang pegawai.

Setakat 10 Julai 2024, PERKESO telah menjalankan 4,408 lawatan pemeriksaan dengan mengeluarkan notis kompaun Akta 4 sebanyak 558 notis dan Akta 800 sebanyak 233 notis. Keseluruhan jumlah kompaun bagi kedua-dua akta ini adalah sebanyak 791 notis dengan jumlah kompaun sebanyak RM654,500. Ini menunjukkan 18 peratus majikan yang dilawati tidak mematuhi undang-undang di bawah Akta 4 dan Akta 800.

Soalan kedua majikan yang gagal boleh dikenakan kompaun. Saya dah jawab tadi sehingga RM5,000 kalau didakwa, disabit kesalahan hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali.

YB Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam juga membangkitkan tentang isu tuntutan palsu di hospital kerajaan. Seperti mana yang YB Senator sedia maklum, tuntutan-tuntutan faedah PERKESO melibatkan faedah-faedah gantian pendapatan dan juga pencen. Dalam aspek ini terdapat tuntutan-tuntutan palsu yang cuba dibuat melibatkan pelbagai cara dan modus operandi (MO). Pihak KESUMA dan PERKESO sedia maklum berkenaan cabaran ini.

Sebagai langkah pencegahan pihak PERKESO mengambil langkah-langkah proaktif seperti berikut. Kerjasama dengan pihak berkuasa termasuk SPRM dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM bagi siasatan kes-kes yang dikesan yang mana telah pun menghasilkan pendakwaan kepada sindiket-sindiket dan penjenayah yang terlibat. Sejak tahun 2018 sebanyak 48 Laporan Polis telah dibuat bagi kes-kes penipuan, pemalsuan yang dikesan oleh PERKESO. Lapan tangkapan telah dibuat dan empat lagi dalam proses pendakwaan.

Tapisan proaktif dijalankan oleh PERKESO bagi mengesan sebarang trend ataupun pengesanan kes secara aktif melalui sistem yang telah dibangunkan oleh PERKESO termasuk mana-mana tuntutan yang melibatkan doktor. Ketiga mengarahkan pemeriksaan semula oleh Jemaah Doktor bagi kes-kes yang meragukan dan disyaki fraud bagi membolehkan keputusan yang tepat dan mengatasi cubaan tuntutan pemalsuan.

Yang Berhormat Senator Datuk Juhanis Abdul Aziz memohon kerajaan memudahkan proses tuntutan PERKESO. KESUMA mengambil maklum atas cadangan memudahkan proses tuntutan faedah PERKESO ini. Untuk makluman menurut seksyen 30, 32, 33, 34 dan 35 Akta 4 sidang Jemaah Doktor untuk skim keilatan membuat keputusan berdasarkan garis panduan dalam aspek ini, dengan izin *guidelines of impairment and disability assessment* dan juga laporan perubahan serta pemeriksaan fizikal orang berinsurans.

RUU kenaikan siling ini juga akan menyumbang kepada pengiraan pencen ilat PERKESO sekiranya orang berinsurans masih diputuskan tidak menghidap keilatan oleh kedua-dua Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan orang berinsurans masih boleh mengemukakan tuntutan ilat yang baharu selagi belum mencapai umur 60 tahun. Orang berinsurans juga layak untuk mendapat kemudahan pemulihan dan khidmat program *Return to Work*.

Isu pekerja asing. YB Dato' Kesavadas menyatakan tentang keperluan KESUMA menerajui tatacara pengambilan pekerja asing yang sedia yang sekarang ini diselia oleh Kementerian Perladangan dan Komoditi walaupun dia bukan tentang akta ini, tapi sebab dah jadi Yang di-Pertua maka saya jawab lah. Walaupun dia bukan tentang akta ini tapi sebab dah jadi Yang di-Pertua, maka saya jawablah.

#### ■1700

Soalan ini, saya ingin maklumkan, KESUMA dengan Kementerian Dalam Negeri adalah agensi utama yang menerajui isu pengurusan pekerja asing khususnya dalam aspek penggubalan dasar dan perundangan. Manakala Kementerian Perladangan dan Komoditi pula adalah agensi kawal selia yang dipertanggungjawabkan untuk sektor perladangan bagi tujuan penetapan kuota dan kriteria perladangan. Jadi, dia ada pembahagian kuasa dan juga bidang kuasa yang amat jelas di antara ketiga-tiga Kementerian yang saya sebutkan tadi.

Soalan Dr. Wan Martina Wan Yusoff tentang status skim keilangan yang tidak dinikmati oleh pekerja asing. Ada juga pertanyaan kenapa kita memberikan skim ini kepada pekerja asing. Sebenarnya, skim ini akan dikuatkuasakan mulai 1 Julai tahun ini iaitu pada bulan ini kepada semua pekerja asing. Skim keilangan di bawah Akta 4.

Kenapakah kita melanjutkan liputan skim keilangan dalam Akta 4 ini kepada pekerja asing pada masa kini? Ada beberapa alasan utama. Satu, sudah tentu berkonsep keadilan. Di mana, badan-badan antarabangsa termasuklah *International Labour Organization* meletakkan tanggungjawab kepada sesebuah negara itu untuk memberikan layanan yang adil kepada semua pekerja di dalam sesebuah negara tersebut. Ini merupakan sesuatu konsep keadilan kepada pekerja. Waima mereka pekerja asing, mereka juga menyumbang kepada pembangunan negara.

Keduanya, dengan memberikan skim keilangan tersebut, sebenarnya kita mampu menjimatkan kos kepada PERKESO. Lebih kurang RM25 juta setahun, kenapa..? Sebab, sebelum ini, kalau berlaku isu-isu di mana- kalau untuk pekerja tempatan, mereka dilindungi di bawah skim ilat, pekerja asing tidak dilindungi. Maka, sama ada majikan sendiri ataupun PERKESO secara CSR, ataupun mungkin kerajaan, wang pembayar cukai dan sebagainya, NGO, perlu mengeluarkan kos-kos tambahan untuk sebagai bantuan ihsan kepada seseorang pekerja asing tersebut, tetapi dengan adanya skim keilangan diberikan kepada pekerja asing, maka mereka akan, dengan izin, *pay for their own social protection*. Mereka akan menyumbang ke arah kos-kos faedah yang akan diterima jikalau berlaku keilangan kelak.

Faktor yang ketiga ialah menyeragamkan kos yang akan ditanggung oleh majikan. Kalau pada masa sebelum ini, majikan perlu membayar caruman bagi skim keilangan kepada pekerja tempatan dan tidak perlu membayar caruman skim keilangan jikalau seseorang pekerja itu pekerja asing. Maka, nampaknya lebih murah ataupun kosnya akan lebih rendah untuk seseorang majikan itu mengambil pekerja asing yang sudah tentu mendatangkan satu keadaan yang tidak memihak kepada pekerja Malaysia.

Dengan pengenalan ataupun peluasan skim keilangan Akta 4 ini kepada pekerja asing, maka sekarang kos kepada majikan sama ada untuk pekerja tempatan ataupun pekerja asing diseragamkan. Jadi, tidak ada kelebihan untuk menggaji seorang pekerja asing. Kalau dulunya ada kelebihan sebab dia tidak perlu membayar caruman keilangan. Selepas 1 Julai, kelebihan itu sudah tidak ada. Maka, ia lebih adil kepada pekerja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada beberapa isu lagi, contohnya seperti isu pekerjaan sendiri dan sebagainya yang mungkin sebenarnya ia tidak melibatkan Akta 4 secara langsung. Saya minta- sebab masa pun sudah lanjut. Saya minta untuk memberikannya secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menanya soalan-soalan itu yang di luar RUU pada hari ini. Kalau diizinkan oleh...

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Boleh.



**Tuan Sim Chee Keong:** Jadi, dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini atas segala pandangan, cadangan, saranan dan teguran yang diberikan. Kita akan memberikan perhatian kepada semua input-input yang telah dibangkitkan untuk terus majukan sistem perlindungan keselamatan sosial buat pekerja di negara kita. Atas keprihatinan Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Sekian.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan) dan diluluskan]*

**5.09 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan D.R. 24/2024, Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024 atau sehingga jam 7 malam, mana yang terdahulu, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 23 Julai 2024.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN  
(PINDAAN) 2024****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.10 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali kedua sekarang.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk meminda Kanun Keseksaan [*Akta 574*]. Antara lainnya untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang berhubungan dengan instrumen pembayaran atau akaun di institusi kewangan sebagai langkah untuk menangani peningkatan fraud kewangan dalam talian yang membimbangkan dalam negara.

Hanya dalam tempoh kurang daripada tiga tahun, jumlah kerugian bagi jenayah penipuan dalam talian telah pun mencapai RM2,651,321,398.34. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak berkuasa termasuk Polis Diraja Malaysia dalam mengekang sindiket penipuan dalam talian seperti ini termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan dalam talian.

Kebanyakan aktiviti penipuan dalam talian, dengan izin, *online scams* digerakkan dengan menggunakan akaun keldai, dengan izin, *mule accounts* di mana, dengan izin, *scammers* menggunakan akaun-akaun milik orang lain sebagai lubuk atau tempat persinggahan untuk menyimpan wang milik mangsa sebelum ianya berpindah kepada akaun-akaun yang lain.

Apabila siasatan dijalankan terhadap pemilik akaun-akaun ini, didapati akaun mereka ini telah disewakan ataupun diberi akses kepada orang lain secara sukarela atau sebaliknya. Tambahan pula, perkara yang menyukarkan proses siasatan adalah pemilik-pemilik akaun ini kebiasaannya tidak mengenali pihak ketiga yang telah menyalahgunakan akaun bank mereka sebagai medium transit wang mangsa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan data daripada Polis Diraja Malaysia bagi tahun 2020 hingga Jun 2024, terdapat 266,230 kes penipuan dalam talian yang telah dilaporkan oleh mangsa yang mana kes-kes ini didapati melibatkan akaun keldai. Untuk

maklumat Ahli Yang Berhormat, buat masa ini perundangan yang sedia ada tidak memperuntukkan apa-apa kesalahan bagi tindakan pemilik-pemilik akaun yang membenarkan akaun milikan mereka digunakan oleh orang lain.

Disebabkan kelompangan perundangan ini dan juga keperluan mendesak untuk melindungi semua lapisan rakyat Malaysia daripada mangsa kepada jenayah penipuan dalam talian, kerajaan mengemukakan cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan [Akta 574] bagi membanteras penipuan dalam talian yang berkaitan dengan akaun keldai secara komprehensif dan berkesan.

Tan Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan [Akta 574] meliputi dua skop utama iaitu pertama, peruntukan baharu bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan akaun keldai. Kedua, tafsiran *financial instrument* dan *payment instrument*. Cadangan rang undang-undang ini mengandungi dua fasal yang melibatkan pewujudan empat seksyen baharu.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan peruntukan kesalahan-kesalahan baharu berkaitan dengan akaun keldai secara khususnya dengan memasukkan seksyen baharu 424A, 424B, 424C ke dalam Akta 574. Seksyen baharu 424A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi pemilikan atau kawalan terhadap mana-mana instrumen pembayaran orang lain atau mana-mana akaun orang lain di institusi kewangan tanpa kuasa yang sah atau maksud yang sah.

Seksyen baharu 424B yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi pemberian pemilikan atau kawalan terhadap instrumen pembayaran atau akaun di institusi kewangan kepada mana-mana orang lain tanpa kuasa yang sah atau maksud yang sah.

Subseksyen baharu 424C.(1) yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi seseorang yang terlibat dalam mana-mana transaksi menggunakan instrumen pembayarannya atau akaunnya di institusi kewangan tanpa maksud yang sah.

Subseksyen baharu 424C.(2) yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi seseorang yang terlibat dalam mana-mana transaksi, menggunakan mana-mana instrumen pembayaran orang lain atau mana-mana akaun orang lain di institusi kewangan tanpa kuasa yang sah ataupun maksud yang sah.

Fasal 2 ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 424D yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi takrif, dengan izin, "*financial institution*" dan "*payment instrument*" dalam konteks seksyen-seksyen baharu 424A, 424B, 424C yang dicadangkan.

Takrifan “*financial institution*” dimasukkan untuk merangkumi apa-apa bank dan bank islamik yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islamik 2013 [Akta 759] serta institusi-institusi yang telah ditetapkan ataupun, dengan izin, *prescribed* di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618].

Takrifan “*payment instrument*” dimasukkan untuk merangkumi apa-apa instrumen pembayaran yang telah ditetapkan ataupun, dengan izin, *prescribed* di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]. Pemasukan takrifan-takrifan ini bertujuan untuk memastikan pemakaian seksyen ini merangkumi akaun-akaun yang telah didaftarkan di institusi kewangan serta instrumen pembayaran seperti kad debit dan termasuk juga *e-wallet*.

Cadangan pindaan kepada Akta 574 pastinya akan memberikan impak positif kepada masyarakat umum dan dapat mengekang jenayah dalam talian yang menggunakan kaedah akaun keldai sebagai modus operandi mereka. Kerajaan Madani berharap bahawa usaha ini dapat sokongan *bipartisan* memastikan keselamatan dan kesejahteraan hidup rakyat negara kita adalah lebih terjamin. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 10 orang ahli yang hendak berbahas termasuk saya. Maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 5 minit seorang.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato’ Seri R. Arunasalam.

### 5.18 ptg.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato’ Seri R. Arunasalam:** Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada saya bangkit berbahas satu pindaan kepada Rang Undang-undang Kanun Keseksaan yang menyentuh kepada keperluan meneliti klausa-klausa pemilikan suatu akaun perbankan yang diguna pakai oleh pihak ketiga tanpa dan dengan kesedaran pemilik asal akaun tersebut dan keperluan peruntukan perundangan menyekat serta menyita akaun tersebut.

Secara mikronya, saya menyokong pendekatan ini yang tepat pada masanya. Pendekatan ini juga menegaskan kepada semua bahawa sistem perundangan di bawah Kerajaan Madani tidak akan bertolak ansur dalam sebarang jenayah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan daripada pihak berkuasa termasuk Bank Negara Malaysia menunjukkan peningkatan dalam kes akaun keldai dan jumlah wang yang ditipu. Sebenarnya perkara ini amat merisaukan. Persoalan pertama saya, bagaimana pindaan yang dimaksudkan ini akan memberi tekanan pembaharuan kepada sistem perbankan komersial yang sedia ada? Kita fokuskan sekarang adalah pemilik dan orang yang menggunakan akaun tersebut. Bagaimana pula dengan tanggungjawab bank?

Saya difahamkan bahawa semasa hujung minggu atau cuti peristiwa yang panjang, pihak bertanggungjawab Polis Diraja Malaysia mengalami kekangan untuk menyekat akaun keldai tersebut.

#### ■1720

Maka, duit yang ditipu berjaya untuk dipindah ke akaun lain. Saya mohon Menteri memberi keterangan bagaimana pihak bank dapat mengatasi isu ini. Difahamkan Bank Negara Malaysia telah memberi panduan kepada setiap institusi kewangan dengan menggariskan indikator berkaitan jenayah keldai ini. *Typology* terbaharu jenayah penipuan, trend dan cara pelaksanaannya. Malangnya, pendekatan yang tersebut tidak mencukupi.

Pada 17 Mei 2024, *BERNAMA* melaporkan Pengarah Jabatan Penyiasatan Jenayah Komersial Dato' Sri Ramli Mohamed Yoosuf. Akaun syarikat juga digunakan sebagai akaun keldai untuk penipuan pelaburan. Semasa pendaftaran, aktiviti syarikat didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia ada lain, tetapi syarikat tersebut membuat aktiviti pelaburan. Pihak bank perlu lebih berwaspada.

Semasa pembukaan akaun bank bagi syarikat baharu dan mereka juga perlu memantau transaksi-transaksi syarikat tersebut. Pihak bank tidak boleh hanya memikirkan keuntungan, tetapi perlu mempunyai tanggungjawab bagi setiap penipuan yang berlaku dan menyumbang secara tidak langsung kepada penipuan ini. *Bank also need to play a vital role in combating scam. Don't just blame the victim*, dengan izin.

Selain itu, saya juga memohon kerajaan melihat kepada dalang utama sindiket penipuan yang melibatkan akaun keldai ini. Kalau setakat hendak hukum pemilik dan pengguna akaun manakala penjenayah utama terlepas, kesinambungannya tidak ada. Saya secara am- saya percaya setelah perbahasan di Dewan Rakyat dan kini di Dewan Negara, kerajaan faham tentang pentingnya menangkap sindiket utama penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, selain undang-undang ini kita ada Akta Pencegahan Penggubalan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti-aktiviti Haram 2001 (AMLA), tetapi pencegahan masih tidak memuaskan terutamanya yang melibatkan orang awam. Jangan seperti 'tangkap ikan bilis, tetapi terlepas ikan jerung'.

Saya faham akan ada pendekatan terhadap solusi komprehensif yang memerlukan kerjasama merentasi kementerian dan agensi. Mohon kerajaan memberi penekanan yang berterusan dan bukannya *one-off* dalam mana-mana keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pindaan yang dimaksudkan ini untuk bertujuan memperkasakan usaha siasatan penguatkuasaan dalam kes-kes penipuan dalam talian serta akaun keldai. Namun, saya kena ingatkan kementerian bahawa perluasan skop penguatkuasaan perlu diiringi dengan mekanisme kawalan yang diperkasa untuk mengelakkan potensi penyalahgunaan kuasa ataupun kecuaiian keadilan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

### 5.23 ptg.

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024.

Saya difahamkan bahawa RUU ini bertujuan untuk menangani peningkatan penipuan kewangan dalam talian yang membimbangkan rakyat dalam negara kita. Memang agak membimbangkan apabila Menteri menyatakan hanya dalam tempoh kurang dari tiga tahun jumlah kerugian bagi jenayah penipuan dalam talian telah pun mencapai lebih RM2 bilion.

Saban hari kita sentiasa mendengar di dada akhbar, media sosial dan berita mengenai rintihan-rintihan rakyat yang kehilangan duit sama ada duit persaraan, duit tabungan bank dan duit simpanan peribadi. Saya yakin dan pasti semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini juga ada menerima panggilan dan mesej dari *scammers*. Yang pelik apabila pihak penjenayah ini boleh mengetahui semua butiran peribadi kita daripada nombor Kad Pengenalan hingga kepada butiran bank-bank simpanan kita.

Kebimbangan kita semua bertambah lagi dengan perkembangan pesat teknologi AI yang boleh memanipulasi kewangan sehingga wujud istilah penjenayah kewangan di negara kita ini. Maka, apabila Menteri membawa RUU ini ke Parlimen pada Mesyuarat Kedua ini, sekurang-kurangnya memberi sinar kepada mangsa *scammer* dan juga memberi perlindungan kepada rakyat lain agar tidak terjerat dengan tipu daya penjenayah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berbahas panjang. Cuma, beberapa perkara sahaja yang saya ingin sentuh. Antaranya mengenai jumlah wang yang telah dicuri oleh penjenayah ini. Adakah ada peruntukan dalam undang-undang sedia ada agar ia dapat

dikembalikan semula jika ia dikenal pasti? Sekiranya ada, berapa tempoh yang diambil untuk ia kembali semula ke tangan tuan punya? Sila terangkan juga mekanisme untuk mengembalikan wang tersebut jika ada.

Seterusnya mengenai seksyen 424B yang menumpukan kepada keldai iaitu mereka yang merelakan akaun mereka digunakan untuk tujuan yang salah. Saya melihat seksyen ini adalah wajar bagi mencegah orang ramai bersubahat untuk pembukaan akaun keldai mereka oleh penjenayah. Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa terdapat juga pemilik akaun yang menjadi keldai tanpa pengetahuan dan kerelaan mereka.

Ini terjadi disebabkan beberapa faktor. Antaranya kecurian barangan peribadi akibat diragut atau penjenayah tersebut berpeluang meneliti maklumat peribadi dari pelbagai sumber. Soalan saya, apakah ada pembelaan kepada mangsa yang dicuri identitinya? Bolehkah pihak berkuasa tidak mengendalikan mangsa ini sehingga dia betul-betul bersalah atau hanya menjadi mangsa keadaan?

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perkara yang saya ingin bahaskan. Saya yakin dengan pindaan yang dibawa dalam RUU ini bakal memberi landskap baharu dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah komersial. Saya berharap ada lagi pindaan pada masa hadapan. Ini kerana kecanggihan dan teknologi sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Maka dengan itu saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

### 5.27 ptg.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya juga turut diberi peluang berbahas Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024.

Tahun ini sahaja berlaku peningkatan kes yang amat ketara iaitu dengan 14,490 kes dilaporkan dalam enam bulan pertama 2024. Mengakibatkan kerugian lebih setengah bilion iaitu RM581 juta. Ini satu angka yang amat besar dan kerugian yang bukan calang-calang. Mangsa yang berhadapan dengan kerugian kewangan pastinya mendapat tekanan emosi serta menjejaskan keadaan kewangan mereka.

Faktor utama yang menyokong kepada kes penipuan atas talian ini adalah apabila ada individu yang tidak bertanggungjawab sanggup menyewakan akaun bank mereka untuk digunakan bagi pihak ketiga yang terang-terangan untuk melakukan penipuan kewangan atas talian. Berdasarkan statistik PDRM bagi tahun 2020-2024 Jun, terdapat 266,230 penipuan dalam talian telah dilaporkan.

Yang mana kes-kes ini didapati melibatkan akaun keldai. Pemilik akaun ini sanggup berkomplot dengan *scammer* yang menyalahgunakan akaun bank mereka sebagai medium transit wang hasil penipuan ini semata-mata bagi mengaut keuntungan yang lumayan daripada hasil sewaan akaun bank mereka.

Oleh itu, saya amat menyokong usaha kerajaan atas cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan bagi membanteras penjenayah penipuan dalam talian yang berkaitan dengan akaun keldai secara komprehensif dan berkesan.

Menyentuh kepada pindaan fasal 2, iaitu untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 424A ke dalam akta ini, "*Bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi pemilik atau kawalan terhadap mana-mana instrumen pembayaran orang lain atau mana-mana akaun orang lain di institusi kewangan tanpa kuasa yang sah atau maksud yang sah*".

#### ■1730

Ini bererti, perbuatan memiliki instrumen pembayaran yang lain seperti kad ATM, kad debit dan kad kredit orang lain yang membolehkan pemilik akaun keldai menyalahgunakan akaun tersebut akan menjadi sebuah kesalahan jenayah.

Selepas pindaan ini diwartakan, kerajaan harus menjalankan program advokasi terhadap masyarakat mengenai kesalahan ini kerana kebanyakan rakyat sudah terbiar memegang kad debit atau kad kredit milik orang lain terutamanya ahli keluarga. Meskipun hal ini telah menjadi kebiasaan bagi memudahkan urusan, perkara ini harus dihentikan bagi mengurangkan risiko berlakunya salah guna terhadap kad-kad ini untuk digunakan sebagai akaun keldai bagi kerja-kerja penipuan kewangan dalam talian.

Kerajaan perlu bekerjasama dengan institusi kewangan untuk bekerjasama melaksanakan kempen kesedaran dan pendidikan bagi mendidik rakyat mengenai isu ini. Saya berharap, pindaan rang undang-undang ini akan lebih memberi amaran dan kesedaran kepada masyarakat untuk tindak sewenang-wenangnya membenarkan akaun bank mereka digunakan sebagai akaun keldai sekali gus dapat menurunkan statik penipuan kewangan dalam talian dapat dikurangkan. Dengan ini Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis Abd. Aziz. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris.

#### 5.31 ptg.

**Datuk Noraini binti Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat petang. Terima kasih Dato; Yang di-Pertua atas ruang diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024.



Saya melihat rang undang-undang ini sebagai langkah dan akan memberi nilai tambah bagi mengatasi dan mengurangkan isu fraud kewangan yang menjadi isu hangat pada ketika ini jika tidak dikawal selia atau dibendung akan terus melibatkan kerugian yang besar dan terus mengancam rakyat.

Mengambil maklum berkaitan statistik PDRM yang telah pun disebutkan oleh rakan saya tadi, bagi tahun 2020 sehingga Jun 2024, terdapat 266,230 kes penipuan dalam talian telah dilaporkan oleh mangsa yang mana kes-kes ini melibatkan akaun keldai. Hal inilah yang akan merencatkan tindakan penguatkuasaan PDRM bagi menumpaskan kes fraud kewangan di negara ini.

Justeru, adakah kawal selia terhadap perlindungan akaun peribadi termasuk akaun perbankan akan diperketat kelak? Contohnya, memastikan akaun yang aktif digunakan akan diperiksa secara berkala dan memastikan tidak berlaku aktiviti *scam*. Bahkan, jika akaun yang dipaparkan di laman web Semak Mule PDRM juga perlulah dihebahkan kepada orang awam agar tidak terus ditipu oleh *scammers*.

Mengambil maklum berkaitan cadangan mengenakan penalti bagi pemilikan atau kawalan terhadap mana-mana instrumen pembayaran orang lain atau mana-mana akaun orang lain, diharapkan ia akan mengambil kira juga jumlah yang masuk ke dalam akaun keldai ini. Misalnya, boleh dikenakan penalti sehingga 10 kali lebih daripada amaun yang diterima dalam akaun keldai.

Namun demikian, bagaimana pula tindakan kerajaan ini akan memastikan tidak akan berlaku pengabaian kepada pelaku dan tidak hanya tertumpu kepada keldai semata-mata? Kita khuatir jika hanya mengenakan penalti kepada keldai, pihak yang bersalah seolah-olah akan lebih berani dan lepas tangan kerana hukuman khusus kepada keldai telah dikuatkuasakan. Mohon pencerahan.

Seterusnya, adakah kerajaan telah mengetatkan undang-undang kepada institusi kewangan terutamanya dalam memastikan pembukaan akaun baharu mempunyai syarat yang lebih ketat dan bagaimana pula dalam memastikan akaun yang tidak aktif dalam tempoh setahun akan ditutup secara automatik setelah pengesahan dibuat kepada pemilik akaun atau waris bagi mengelakkan kejadian salah guna akaun yang mungkin dibuat oleh orang dalam institusi kewangan itu sendiri? Apakah kawalan yang bakal dibuat bersama-sama dengan akta ini?

Semua pihak daripada penguatkuasa sehinggalah kepada agensi, kawalan media juga perlu memainkan peranan agar setelah akta ini diluluskan kelak penghebahan kepada umum dibuat dengan semaksimum boleh dengan penggunaan semua jenis media. Kita tidak mahu isu keldai akaun ini terus berleluasa dan mengakibatkan tindakan undang-undang kepada mangsa-mangsa *scammers* ini. Bahkan, institusi kewangan juga perlu cakna dan terus membanteras aktiviti mencurigakan, akaun-akaun yang berpotensi terjerumus sebagai

keldai akaun. Semoga tindakan undang-undang yang dikenakan akan membuatkan aktiviti *online scam* di negara ini akan berkurangan pada masa akan hadapan.

Dato' Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

### 5.35 ptg.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024 ini.

Bagi saya, ini adalah satu pindaan yang sangat penting kerana untuk mengelakkan banyak kerugian yang disebabkan oleh penggunaan akaun keldai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi, inilah satu pindaan yang sangat perlu. Oleh sebab teknologi sekarang sangat maju, undang-undang yang begini juga perlu selari dengan kemajuan teknologi. Sebab, semakin moden, semakin maju dalam bidang media sosial, semakin maju dalam perbankan *online*, semakin maju pula mereka yang bertanggungjawab untuk memperkudakan orang lain, malah disokong pula oleh mereka yang menginginkan keuntungan segera dengan menjual akaun mereka ataupun berkongsi akaun mereka dengan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

Jadi, justeru itu, saya sangat menyokong pindaan ini kerana setakat Julai tahun ini, 3,150 orang guru dikatakan terlibat ataupun mangsa *scam* yang membuat keuntungan atas perkara-perkara yang berkaitan dengan penipuan atau *scammer* ini. Jadi, kalau tidak ada akaun keldai, saya percaya perkara ini juga tidak akan berlaku.

Justeru itu, kepada sesiapa pun yang ingin menyediakan ataupun bekerjasama penipu-penipu ataupun *scammer* ini perlu diambil tindakan tegas. Jadi, pindaan yang ada pada hari ini adalah sesuatu yang langkah ke hadapan yang sangat sesuai dan yang berpatutan kerana semakin hari, semakin kita mendengar *scammer* ini sentiasa berleluasa. Justeru itu, saya ingin tahu bagaimanakah perkara ini boleh sangat memudahkan ataupun apakah sebab-sebab yang menyebabkan pihak yang menjadi akaun keldai ini sangat mudah untuk mereka bersetuju untuk menyediakan akaun mereka kepada *scammer* ataupun penipu-penipu ini?

Justeru itu, saya juga berharap supaya kerajaan bukan sahaja kepada akaun keldai, tetapi ada juga kedai ataupun bangunan yang dikatakan menyewakan pejabat mereka untuk menipu orang dengan sewaan. Biasanya sewa mungkin dalam sebulan ada RM2,000 ataupun RM3,000 sebulan. Kalau kerja-kerja keldai ini mereka sanggup membayar sehingga

RM20,000 hingga RM30,000 sebulan, yang penting mereka akan dapat menipu sebanyak mungkin kerana mereka untung jutaan ringgit.

Justeru itu, mereka sanggup juga membayar sewa kepada penyewa-penyewa, pejabat ataupun *property* di bandar yang biasanya daripada jauh- untuk kerja-kerja yang sebegini. Justeru itu, saya berharap supaya tindakan lebih tegas akan diambil dan justeru itu juga saya pernah mengendalikan kes yang keldai ini kerana mereka mengatakan, selalu mengatakan, “*Saya tidak tahu akaun saya digunakan*”.

Jadi, inilah satu pertembungan antara yang mungkin mereka jujur, betul mereka tidak memberikan akaun mereka, tetapi kena lihat juga supaya...

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Dato' Yang di-Pertua, mohon mencelah, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dibenarkan.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Ada soalan sikit.

#### ■1740

**Tuan Abun Sui Anyit:** Ya, silakan.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Saya mendengar keldai-keldai disebut tadi, tapi Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya yang *scammer* ini bukan *Malaysian* tahu, tapi dia *foreigner*. Jadi, apa sebenarnya pandangan Yang Berhormat kalau *scammer-scammer* ini bukannya orang Malaysia, tetapi menggunakan akaun orang Malaysia? Apakah tindakan yang harus kita ambil terhadap *foreigner* ini? Adakah kita hantar mereka balik ataupun denda dan dipenjarakan atau bagaimana? Sekian, terima kasih.

**Tuan Abun Sui Anyit:** Itu nanti Menteri jawab. Saya ambil itu sebagai soalan saya kepada Menteri nanti. Ya, saya ada respons kepada soalan yang dibuat oleh sahabat saya.

Jadi, kita berharap supaya- ini yang saya ada pengalaman perkara begini adalah kerana masalah kewangan. Saya berharap rakyat di luar sana supaya jangan kerana masalah kewangan, jangan buat pinjaman kepada along. Ini apabila buat pinjaman kepada along, terpaksa akaun kita akan diambil, kad kita diambil kerana kita meminjam kepada *Ah long*. Kalau ada tekanan, jangan cuba-cuba pinjam kepada along. Ini sangat membahayakan. Ini sumber yang saya tahu, pengalaman saya untuk perkara ini.

Justeru itu, lesen untuk along-along ini ataupun pemberi pinjaman peribadi selain bank ini perlu diawasi dengan tegas perkara ini. Jadi oleh sebab itulah, inilah antara punca yang menyebabkan keldai ini.

Untuk mereka yang dalam luar negara itu, sudah tentulah kita mohon kerajaan untuk mengambil tindakan yang tegas. Justeru itu, saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**5.42 ptg.**

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Salam sejahtera. Salam Malaysia Madani. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024.

Apa yang kita tengok hari ini- ini adalah satu langkah yang baik, yang sangat baik sebenarnya yang telah dilakukan oleh kerajaan. Di mana dengan pindaan akta ini, kita mengharapkan satu jenayah *scammer* ini kita dapat kurangkan dan kita boleh membawa *scammer-scammer* ini ke muka pengadilan dan akhirnya, pihak yang menggunakan akaun mereka untuk cepat kaya ataupun pihak yang telah dipergunakan ini, akan diambil tindakan.

Kita tahu, ramai yang telah mengambil kesempatan menggunakan akaun mereka ini, kebanyakan mereka yang agak terdesak, kesempatan hidup dan mungkin lain disebabkan mereka memerlukan wang dengan cepat, dengan mudah, maka itu mereka membiarkan akaun mereka ini digunakan oleh *scammer-scammer* ini dan mereka akan mendapat *percentage* ataupun peratus daripada yang telah dijanjikan oleh *scammer-scammer* tersebut.

Soalan saya, apakah sebenarnya jaminan ataupun hukuman yang lebih berat ataupun penalti yang lebih tinggi supaya pemegang-pemegang akaun keldai ini makin berkurangan? Kalau kita tengok di sini, jumlah denda yang dikenakan ini agak tidaklah berapa tinggi iaitu RM10,000 ataupun tidak melebihi, dengan izin RM100,000 dan di penjara setahun, tetapi tidak melebihi tujuh tahun, tetapi kalau setakat denda RM10,000 ini, bagi saya denda itu amat rendah sebab *scammer* ini ataupun urus niaga yang digunakan untuk mengalihkan wang daripada akaun keldai ini melibatkan wang berjuta-juta. Kalau kita tengok kerugian yang dialami dari tahun 2019 dan setakat Mei 2023 iaitu sebanyak RM2.6 bilion.

Seterusnya adalah ada juga yang telah digunakan ini, sebagai akaun yang digunakan ini bukan saja akaun, tetapi sekarang ini dunia sudah berubah dan ada yang menggunakan QR code untuk nak perpindahan wang tersebut. Bukan saja *transfer account*, tapi QR code dan juga kita ada sekarang ini teknologi yang baharu seperti itu teknologi AI.

Jadi dengan kemajuan teknologi ini dah berubah, sejauh mana sebenarnya peranan institusi kewangan ini untuk turut serta di dalam mengurangkan *scammer-scammer* ini supaya mereka lebih tahu awal sebelum pengaliran wang itu berlaku sehingga dua, tiga buah tempat? Sepatutnya institusi kewangan tersebut, mereka sudah mengetahui lebih awal sebelum wang itu mengalir ke tempat lain. Adakah pihak yang di-*scam* tadi boleh mendapat wang dia semula? Sebab ramai di luar sana, apabila wang mereka ini hilang daripada akaun dan mereka tidak dapat mengambil semula wang tersebut.

Seterusnya adalah peranan bank-bank juga. Kita kena ambil tahu di mana pihak bank juga harus sebenarnya memperbaiki sistem dalam sistem IT mereka khususnya berkenaan dengan *suspicious transaction report* (STR). Di mana mereka boleh *detect* akaun-akaun yang melakukan satu urus niaga yang di luar kebiasaan. Contohnya, mungkin mereka

mengeluarkan wang hanya sebulan mungkin dua kali, tetapi dalam bulan-bulan tertentu itu, urus niaga itu terlampau banyak dan wang yang masuk itu banyak dan pengaliran wang itu keluar. Sepatutnya, pihak bank dah boleh tahu yang ini. Jadi itulah sebenarnya di mana kita boleh mengurangkan pengaliran wang-wang haram ini yang boleh digunakan.

Apakah sebenarnya tindakan kerajaan untuk mempertingkatkan akta-akta yang sedia ada seperti Akta AMLA, PDPA, FSA, IPSA dan sebagainya untuk mengurangkan sindiket keldai akaun ini? Adakah orang yang telah membiarkan akaun mereka ini disalurkan ke seluruh institusi perbankan supaya mereka ini tidak boleh membuka akaun di bank 'B'? Katakan mereka telah ditutup di bank A dan adakah mereka boleh buka di bank C dan mereka tutup di bank 'C' dan mereka boleh buka di bank 'C'? Jadi, adakah kerajaan ada satu sistem untuk menyekat supaya mereka tidak membuka beberapa akaun?

Jadi dengan itu Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman.

**5.48 ptg.**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah atas lantikan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya yakin Dato' Yang di-Pertua akan dapat melaksanakan tugas dan amanah yang diberi dengan baiknya.

Saya juga ingin berterima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024. Saya juga ingin mengucapkan tahniah pada Jabatan Perdana Menteri kepada Menteri, Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Othman Said yang telah membentang rang undang-undang ini, yang telah pun diluluskan di Dewan Rakyat pada 10 Julai 2024. Walaupun rang undang-undang ini telah pun diluluskan di Dewan Rakyat, izinkan saya untuk membangkitkan beberapa persoalan yang pada hemat saya amat berfaedah kepada rakyat Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua, peruntukan kesalahan dan penalti kepada mana-mana individu yang memiliki dan menggunakan akaun bank tanpa kuasa sah ataupun kepada mana-mana individu yang membenarkan orang lain menggunakan akaun bank mereka adalah amat tepat sekali.

■1750

Saya percaya dengan peruntukan denda dan penjara yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini orang ramai akan lebih berhati-hati dalam membenarkan orang lain menggunakan akaun mereka. Namun demikian, saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan dapat mengetahui sebab-sebab orang ini membenarkan akaun mereka digunakan oleh pihak yang ketiga? Adakah ia berkemungkinan besar mereka ini kurang mengetahui mengenai implikasi perbuatan yang mereka lakukan.

Saya tidak merasakan bahawa orang yang waras membenarkan orang lain untuk menggunakan akaun mereka dan ada juga kemungkinan mereka ini tertekan dalam sara hidup mereka. Kes-kes membenarkan orang lain menggunakan akaun mereka hampir sama dengan kes-kes orang kampung ditipu oleh pemaju-pemaju yang memujuk mereka menandatangani *powers of attorney*, dengan izin, dan akibatnya tanah mereka tergadai. Ini yang sedang berleluasa dan saya harap melalui kes-kes ini boleh dapat ditangani atas pindaan rang undang-undang ini.

Oleh itu saya berharap dengan pindaan rang undang-undang ini pihak berkuasa haruslah berusaha menyampaikan maklumat ini kepada lapisan rakyat dan masyarakat. Ini adalah supaya mereka mengetahui risiko-risiko apabila mereka membenarkan orang lain menggunakan akaun bank mereka sama ada secara sukarela ataupun paksa.

Sekiranya mereka faham tentang bahaya penggunaan akaun bank oleh orang lain saya percaya mereka tidak akan membenarkan orang lain menggunakan akaun bank mereka. Kita tidak mahu hukuman dijatuhkan sewenang-wenangnya tanpa mendalami punca-punca akaun bank digunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Yang di-Pertua, pindaan-pindaan Kanun Keseksaan ini adalah baik untuk rakyat Malaysia umumnya kerana pengenalan penalti kepada pelaku dapat mengurangkan kes-kes penipuan dalam talian. Justeru pindaan Kanun Keseksaan ini dapat memberi perlindungan yang lebih kepada pengguna meningkatkan keselamatan dalam talian dan memperkukuhkan sistem keadilan. Dengan hujah-hujah itu tadi saya memohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

### 5.53 ptg.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Kegiatan jenayah merentasi negara seperti kes penipuan dalam talian, penggubahan wang haram dan pembiayaan dana keganasan memberikan satu cabaran yang sangat besar kepada pihak berkuasa negara kita. Menurut Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2022, Pusat Respons Scam Kebangsaan atau, dengan izin, *National Scam Response Centre* (NSRC)

telah mengenal pasti 9,198 akaun keldai baharu serta membukakan 554 Kertas Siasatan kes penipuan dan membekukan dana akaun keldai sebanyak RM14 juta.

Dato' Yang di-Pertua, merujuk kepada seksyen baharu 424A dan 424B kesalahan memiliki akses instrumen pembayaran dan akaun orang lain serta kesalahan memberi akses instrumen pembayaran atau akaun sendiri kepada orang lain ini memerlukan satu garis panduan yang lebih jelas. Biasanya perkongsian akses instrumen pembayaran sentiasa berlaku di antara ahli-ahli keluarga kita.

Contohnya suami memberikan kad debit kepada isteri, kepada anak untuk memberi mereka perbelanjaan. Juga ada anak-anak yang membantu ibu bapa yg berusia tua yang tak tahu IT untuk mengendali akaun perbankan seperti membantu proses transaksi dalam talian. Adakah contoh-contoh tersebut ini akan membentuk kesalahan di sisi undang-undang? Dalam konteks ini, kerajaan perlu menentukan garis panduan yang membezakan antara penggunaan sah seperti penggunaan antara suami isteri dan anak dan penggunaan tidak sah seperti memainkan peranan sebagai keldai akaun.

Garis panduan tersebut juga perlu memberikan kriteria penting yang menjelaskan sebagaimana penggunaan akaun boleh dianggap terlibat dalam aktiviti jenayah supaya mereka tidak boleh buat-buat tak tahu terhadap unsur aktiviti jenayah dalam akaun mereka.

***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengalihkan kepada pindaan seksyen 424C.(1) yang mengandungi peruntukan kesalahan dalam penalti bagi sesiapa yang terlibat dalam penggunaan instrumen pembayaran atau akaun untuk menjalankan transaksi yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang mereka akan dihukum penjara selama tiga tahun sampai sepuluh tahun atau didenda antara RM10,000 sampai ke RM150,000.

Soalan saya, apakah mekanisme kerajaan menentukan bahawa pengguna instrumen pembayaran atau akaun pada masa transaksi tersebut adalah daripada pemiliknya. Kita nak elakkan seperti senario seperti pemilik akaun didakwa menjalankan transaksi haram apabila akaun dia sebenarnya digodam atau dalam bahasa Inggeris *hacked*- kena *hacked*. Memang pada masa yang sama kita juga memerlukan sebuah rangka kerja yang memastikan tanggungjawab pemilik kepada keselamatan akaun mereka yang ada alasan penggodam akaun tidak disalahgunakan ketika disoal siasat oleh penguat kuasa. Saya cadangkan perundangan berkaitan dengan penggubahan wang haram dipinda dengan penambahan sub kategori penggubahan wang haram iaitu penggubahan wang haram secara terburu-buru atau penggubahan wang haram secara cuai.

Dalam konteks *rash money laundering* seseorang akan bertanggungjawab akibat meneruskan transaksi berunsur jenayah walaupun dia mempunyai syak wasangka, tetapi

tidak mengambil tindakan untuk mempersoalkan dan menangani syak wasangka tersebut. Manakala *diligence money laundry* ini akan terpakai juga kepada seseorang meneruskan transaksi berunsur jenayah dengan cuai walaupun transaksi tersebut menimbulkan *red flag* yang dapat dilihat secara mudah oleh orang awam. Kedua-dua cadangan ini memastikan pengguna sentiasa berwaspada dan bertanggungjawab dan mewajarkan tiada sebarang transaksi mereka disalurkan kepada sindiket-sindiket jenayah.

Dato' Yang di-Pertua, usaha kita membanteraskan kegiatan penipuan dan penyalahgunaan akaun perbankan yang juga perlu diiringi dengan pendekatan pendidikan awam tentang cara penipuan ini berlaku. Bagaimana kita dapat mengelakkan penipuan tersebut dan langkah yang perlu diambil jika menjadi mangsa kepada penipuan dalam talian.

Akhir sekali, saya harap cadangan-cadangan yang telah saya bantah akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan agar kita memperkasakan akta ini bukan saja daripada segi penguat kuasa, tetapi juga menjadi unsur-unsur semak dan imbang kepada skop kuasa penguat kuasa. Sekian sahaja, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Datuk Dominic. Sekarang saya jemput Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

#### 5.59 ptg.

**Dato' Sivaraj a/l Chandran:** Salam Sejahtera, salam Madani Tuan Yang di-Pertua. Pindaan kepada Akta Kanun Keseksaan ini membawa beberapa perubahan penting yang bertujuan untuk menangani isu penipuan dalam talian dan akaun keldai yang semakin meruncing. Dalam tempoh kurang dari tiga tahun seperti mana yang dikata dibentangkan oleh Menteri tadi, angka-angka jumlah kerugian akibat jenayah penipuan dalam talian telah mencapai lebih RM2 bilion dari tahun 2020 hingga 2024. Ini agak membimbangkan dan juga memerlukan tindakan yang segera dan efektif.

Pindaan ini juga memperkenalkan peruntukan baharu seperti seksyen 424A hingga 424D yang akan memperuntukkan kesalahan dan penalti yang jelas terhadap pemilik atau pengguna akaun tanpa kuasa atau maksud yang sah.

#### ■1520

Isu akaun keldai yang digunakan oleh sindiket penipuan untuk menyimpan wang mangsa adalah masalah yang perlu ditangani segera Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh peruntukan baharu ini, namun kita perlu memastikan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan individu yang mungkin menjadi mangsa tanpa sedar kerana kita tahu *scammer* sering kali menggunakan penagih-penagih dadah, gelandangan dan juga warga asing sebagai keldai akaun mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meningkatkan penguatkuasaan adalah kritikal. Kita memerlukan penguatkuasaan yang lebih ketat untuk memastikan dalang sebenar sindiket



penipuan dapat ditangkap dan dihadapkan ke muka pengadilan. Statistik menunjukkan bahawa kebanyakan kes akaun keldai hanya melibatkan pemilik akaun yang didakwa, sementara dalang sering terlepas. Bagaimanakah kerajaan akan memastikan hukuman yang dikenakan adil dan mempertimbangkan tahap penglibatan dalam kesalahan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana pepatah Inggeris mengatakan, “*An ounce of prevention is worth a pound of cure*”. Perlunya peningkatan keselamatan data peribadi oleh agensi-agensi yang mengumpulkan data. Apakah langkah-langkah tambahan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan data peribadi rakyat Malaysia dilindungi daripada penyalahgunaan? Walau bagaimanapun institusi kewangan juga harus memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengesan dan mencegah penipuan. Saya menyokong saranan agar institusi kewangan turut dipertanggungjawabkan sekiranya akaun mereka disalahgunakan. Bagaimanapun apakah tindakan konkrit yang akan diambil kerajaan untuk memastikan institusi kewangan meningkatkan langkah-langkah keselamatan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan kepentingan pendidikan dan kesedaran awam mengenai bahaya penipuan dalam talian. Saya menyarankan agar kempen kesedaran yang lebih komprehensif dilaksanakan melalui media massa dan program pendidikan di peringkat sekolah dan bagaimana kerajaan merancang untuk memperluaskan kempen kesedaran ini?

Tuan Yang di-Pertua, teknologi sebagai kecerdasan buatan (AI) *analytical* data besar, *blockchain* dan biometrik perlu digunakan untuk mengesan dan menghalang transaksi mencurigakan. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengintegrasikan teknologi-teknologi ini dalam sistem penguatkuasaan mereka? Selain itu saya ingin mencadangkan beberapa penambahbaikan.

Pertamanya ialah jaminan pulangan wang kepada mangsa. Mangsa penipuan sering kali mengalami kerugian yang besar dan kerajaan harus menyediakan mekanisme yang berkesan untuk memastikan mangsa dapat menerima semula wang mereka. Apakah mekanisme yang akan diperkenalkan untuk memudahkan proses ini? Selain itu perlindungan identiti dan keselamatan fizikal saksi yang membantu dalam kes-kes penipuan perlu dilindungi. Saya mencadangkan agar peruntukan khas untuk melindungi identiti dan keselamatan fizikal serta bantuan kewangan kepada saksi diperkenalkan.

Selain itu penambahan peruntukan bajet dan perjawatan untuk PDRM adalah penting. Keupayaan PDRM perlu diperkukuhkan dengan peruntukan bajet yang mencukupi dan pengisian kekosongan jawatan penting. Bagaimana kerajaan merancang untuk meningkatkan keupayaan PDRM dalam menangani jenayah siber. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024 ini kerana ia adalah langkah yang sangat diperlukan untuk membanteras jenayah penipuan dalam talian dan melindungi rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair yang kerja kuat pada hari ini... *[Ketawa]* Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Cabaran ekonomi yang berlaku pada hari ini tidak seharusnya dirumitkan lagi dengan sebarang perilaku jenayah yang melibatkan pemanipulasi akaun bank milik rakyat. Selain menumpukan pelbagai rencana ekonomi yang boleh meningkatkan taraf ekonomi rakyat, Kerajaan Perpaduan juga seharusnya mewujudkan mekanisme-mekanisme perundangan yang relevan serta mempunyai kredibiliti untuk mengekang satu-satu aktiviti penipuan kewangan khususnya yang melibatkan penggunaan akaun bank dan kad ATM.

Secara prinsipnya saya menyambut baik usaha Kerajaan Perpaduan dalam mengetengahkan satu mekanisme perundangan yang berupaya mengekang jenayah penipuan kewangan yang melibatkan akaun bank individu. Pindaan Akta Kanun Keseksaan ini seharusnya dilaksanakan lebih awal memandangkan pihak PDRM selama ini berdepan dengan kekangan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang untuk melaksanakan hukuman yang bersifat khusus terhadap jenayah penipuan yang melibatkan akaun bank.

Hal tersebut telah dinyatakan sendiri oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf. Beliau telah menyatakan hakikat bahawa peruntukan undang-undang seperti seksyen 29(1) Akta Kesalahan Kecil yang berkuat kuasa selama ini tidak mempunyai kredibiliti untuk membanteras jenayah dan melibatkan penggunaan akaun keldai.

Sebagai pengamal undang-undang, saya berpendirian bahawa batasan perundangan yang dihadapi oleh pihak Polis selama ini merupakan antara faktor utama kepada pembiakan rangkaian jenayah penipuan kewangan di negara ini. Kekangan yang wujud dalam aspek perundangan tersebut telah mendorong pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk bersekongkol dengan mana-mana individu yang sanggup menjadikan akaun bank milikan mereka sebagai lubang untuk transaksi penerimaan duit haram.

Lebih malang lagi ada individu yang pernah menjadi mangsa tidak berdosa kepada sindiket jenayah berat yang menjadikan akaun bank milik individu tersebut sebagai akaun proksi. Insiden sebegitu pernah terjadi kepada seorang bekas banduan orang bebas berlesen (OBB) dari penjara Kota Kinabalu, Sabah yang pernah diperdaya oleh rakannya untuk menggunakan akaun bank miliknya untuk transaksi kewangan yang melibatkan aktiviti dadah. Peristiwa malang tersebut seharusnya dijadikan sebagai pengajaran kepada kita- semua agar tidak sewenang-wenangnya membenarkan orang lain untuk menggunakan akaun bank kita bagi kegunaan sebarang urusan lebih-lebih lagi melibatkan transaksi yang mencurigakan.

Peruntukan seksyen 424B yang digariskan dalam rang undang-undang ini amat bertepatan dengan aktiviti kerajaan untuk menghalang sebarang bentuk aktiviti penipuan atau aktiviti jenayah yang melibatkan transaksi pemindahan wang menerusi akaun bank. Sejajar

dengan usaha kerajaan dalam memerangi jenayah penipuan kewangan secara holistik, Yang Berhormat Menteri juga seharusnya memastikan agar pindaan Akta Kanun Keseksaan ini berupaya mewujudkan ruang perlindungan undang-undang yang sewajarnya kepada seseorang pemilik akaun bank yang pada hakikatnya menjadi mangsa kepada perbuatan manipulasi penjenayah.

Oleh sebab itu peruntukan seksyen 424c.(1) yang menggariskan tentang individu yang terlibat atau yang disebut *engaging in transactions* dalam rang undang-undang ini seharusnya memperuntukkan dengan jelas berkenaan ruang perlindungan kepada mangsa yang tidak berdosa. Peruntukan seksyen baharu tersebut tidak menjelaskan definisi, "*Indirectly engaged without lawful purpose*" bagi maksud penggunaan akaun bank milik sendiri.

Saya khuatir bahawa peruntukan tersebut boleh disalahtafsir secara sengaja atau tidak sengaja oleh pihak penyiasat PDRM atau pendakwa raya dalam membuat kesimpulan bagi dapatan siasatan terhadap satu-satu kes akaun keldai. Saya berpandangan bahawa peruntukan tersebut seharusnya meliputi penyediaan perlindungan kepada seseorang individu yang menjadi mangsa akaun keldai tanpa sedar.

Frasa "*indirectly*" yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut tidak membawa maksud yang cukup jelas untuk menyatakan *degree of crime*, dengan izin, yang dilakukan oleh seseorang individu yang disyaki terlibat. *Time's up already*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Okey. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri serta Dewan yang mulia ini, seseorang warga emas dari Tampin, Negeri Sembilan telah menjadi mangsa tanpa sedar kepada sindiket penipuan jual beli kenderaan selepas kehilangan kad ATM miliknya pada sekitar bulan Mac tahun ini. Seperti yang disahkan oleh pihak Polis, jenayah penipuan tersebut telah menjadikan akaun bank miliknya sebagai akaun keldai dan atas sebab itu kesemua akaun bank miliknya disekat.

#### ■1810

Penyekatan tersebut telah menyukarkan beliau untuk membuat pengeluaran wang bantuan yang diterima termasuk bantuan Sumbangan Tunai Rahmah dan bantuan tunai bulanan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Peristiwa yang menimpa Saudara Zainal yang tersebut telah membuktikan kepada kita bahawa ruang perlindungan kepada mangsa akaun keldai seharusnya diwujudkan.

Pindaan Akta Kanun Keseksaan ini tidak seharusnya bersifat prejudis terhadap pemilik akaun bank yang menjadi mangsa tanpa sedar kepada satu-satu sindiket jenayah yang menggunakan akaun bank mangsa sebagai akaun keldai. Perlindungan yang saya suarakan ini seharusnya meliputi pemudah cara kepada mangsa akaun keldai yang dilepaskan daripada sekatan bank dalam tempoh yang munasabah dan tidak terlalu lama.

Justeru, kerajaan menerusi penglibatan bersama PDRM dan Bank Negara Malaysia seharusnya merangka prosedur khusus bagi memastikan urusan penarikan sekatan terhadap akaun bank tidak akan membebankan mangsa, lebih-lebih lagi mangsa yang tidak berpendapatan dan hanya mengharapkan bantuan tunai kerajaan semata-mata.

Datuk Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Perbahasan sudah tamat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 6.01 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Datuk Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kesemua 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai sesi perbahasan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024. Segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024 iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati, Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis, Yang Berhormat Senator Datuk Noraini, Yang Berhormat Senator Tuan Abun, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Aman, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau, Yang Berhormat Dato' Sivaraj Chandran dan Senator Dato' Kesavadas.

Terdapat beberapa soalan utama yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbahasan yang akan saya jawab mengikut isu.

Soalan pertama yang dikemukakan adalah oleh Senator Dr. Lingeshwaran iaitu membangkitkan perkara berkaitan tanggungjawab bank khususnya untuk mengatasi isu kekangan pegawai ketika cuti peristiwa untuk menyekat akaun yang terlibat dalam kegiatan jenayah. Bank Negara Malaysia mewajibkan bank-bank untuk mempunyai saluran aduan 24 jam, tujuh hari seminggu untuk aduan *scam*. Selain itu, aduan *scam* boleh juga dibuat kepada *National Scam Center* di talian 997.

Yang Berhormat juga membangkitkan agar kerajaan siasat dalang di sebalik sindiket, bukan setakat golongan yang memberikan pinjaman instrumen pembayaran mereka kepada dalang. Mengenai seruan bagi kerajaan untuk tidak memastikan dalang turut dikenakan tindakan, ingin dimaklumkan bahawa dalang atau *mastermind* boleh dikenakan di bawah peruntukan baharu ini memandangkan pemakaian seksyen 424 dan seksyen 424C. dan B. adalah juga terhadap mana-mana pihak yang secara tidak langsung terlibat dalam kegiatan ini. Maka, mereka juga boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan-peruntukan ini.

Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati telah mengemukakan, soalan pertama, adakah ada peruntukan untuk mengembalikan wang semula; dan soalan kedua, bagaimana pindaan ini dapat membela mangsa yang identiti mereka telah disalah gunakan oleh, dengan izin, *scammers*.

Bagi menjawab soalan pertama, tiada peruntukan khusus bagi pemulangan wang mangsa. Namun, kuasa sitaan wang yang dicadangkan dalam pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah melalui Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024 yang akan dibahaskan sebentar lagi akan membenarkan PDRM untuk menghalang wang mangsa *scammers* daripada dikeluarkan atau digunakan dan ini akan memudahkan pihak PDRM untuk melakukan, dengan izin, *money tracing* bagi mengenal pasti wang yang telah disalurkan oleh mangsa. Secara tidak langsung, ia akan membuka ruang untuk pemulangan wang-wang ini kepada mangsa penipuan dalam talian. Ini juga dapat memudahkan proses permohonan di bawah seksyen 413 Kanun Tatacara Jenayah untuk tujuan pemulangan wang ini kepada mangsa-mangsa.

Bagi menjawab soalan kedua, tentang pembelaan kepada mangsa yang dicuri identitinya, tiada kesalahan dilakukan oleh mangsa tersebut kerana mangsa tidak mempunyai niat jahat. Maka, mereka tidak akan dikenakan apa-apa tindakan.

Yang Berhormat Senator Datuk Noraini telah kemukakan: soalan pertama, adakah kawal selia terhadap perlindungan akaun peribadi termasuk akaun perbankan akan diperketat kelak; soalan kedua, bagaimana dengan tindakan kerajaan ini dalam memastikan tidak akan berlaku pengabaian kepada pelaku dan tidak hanya tertumpu pada akaun keldai; soalan ketiga, adakah kerajaan telah mengetatkan- *strengthen* undang-undang kepada institusi kewangan terutamanya dalam memastikan pembukaan akaun baharu mempunyai syarat yang lebih ketat atau akaun yang tidak aktif dalam tempoh setahun akan ditutup secara automatik setelah pengesahan dibuat; dan soalan keempat, adakah kawalan yang dibuat bersama-sama akta ini?

Pihak Bank Negara Malaysia telah menetapkan peraturan dan piawaian ke atas institusi kewangan bagi mengelakkan institusi tersebut disalah guna bagi tujuan jenayah kewangan termasuk penipuan dan akaun keldai. Peraturan ini antara lain berkaitan kewajipan bank melaksana usaha wajar pelanggan, *customer due diligence* (CDD), usaha wajar pelanggan yang berterusan, *ongoing customer due diligence* (OCDD), pemantauan transaksi- *transaction monitoring*, pengesahan penipuan- *fraud detection*.

Di samping itu, Bank Negara tambah baik dasar *electronic Know-Your-Customer* (*e-KYC*) bagi mengukuhkan pengesahan identiti- *identity profiling* untuk membanteras jenayah akaun keldai, menghendaki pengeluar wang elektronik- *e-money issuer* untuk melaksanakan lima langkah pencegahan penipuan kewangan termasuk penggunaan kaedah pengesahan yang lebih kukuh setanding dengan langkah pencegahan penipuan kewangan yang

dilaksanakan oleh institusi perbankan dan menguatkuasakan mekanisme *kill switch* bagi membolehkan pengguna mengambil tindakan segera untuk membekukan akaun mereka sendiri sekiranya terdapat aktiviti yang mencurigakan.

■1820

Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit telah membangkitkan, apakah sebab orang ramai rela memberikan akaun mereka digunakan sebagai *mule account* untuk menipu orang ramai dan sanggup menerima wang untuk sewaan akaun. Didapati bahawa sindiket ini menggerakkan kegiatan mereka dengan menawarkan jumlah wang yang tinggi sebagai kadar sewaan kepada individu-individu ini.

Selain itu, ketiadaan peruntukan khusus untuk menghukum perbuatan menyewa akaun bank menyebabkan tiada mekanisme untuk bertindak sebagai, dengan izin, *deterrent factor*. Faktor kesempitan hidup perlu wang mudah dan cepat. Mereka juga tertipu dengan tawaran pulangan menarik daripada sindiket penipuan bayaran bulanan yang tinggi. Alamak. *Coming- where is it coming?...*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Take your time.* Dengan izin... [Ketawa]

**Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson:** Saya minta maaf. Perkara-perkara yang lain yang dibangkit akan diberi jawapan secara tulis. Kalau nak tanya soalan, boleh tanya Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman:** Tunggu jawapan, iaitu saya ingin bertanya ini juga telah pun dibangkitkan oleh YB Senator Dr. Dominic. Ini *through personal experience*. Baru-baru ini, saya telah pun menghantar anak. Beliau di bawah umur 18 tahun *and she is not entitled*. Dia tak dibenarkan *of course credit card, debit card* dan, tapi dia mengambil kursus di sana selama dua minggu.

*Now*, ini telah pun dimaklumkan bahawa *you have to use card. There is no cash transaction*. Dia telah pun pergi ke bank-bank dan bank-bank menyatakan *no. Under 18 tahun*, tidak dibenarkan untuk gunakan kad, tapi boleh gunakan *debit card*. Selepas penjelasan *debit card* nama ayah dia, tapi tidak boleh melebihi RM250 sehari.

*Now*, adakah rang undang-undang ini telah pun dibincangkan secara terperinci dengan institusi-institusi, agensi-agensi berkenaan dan terutama Bank Negara? Sama ada masalah ini- so, kawan saya itu dia, untuk menyelesaikan masalah, dia kasi *credit card* dia, dia kasi *debit card* dia. Dan ini di bawah rang undang-undang baharu yang ini akan diperkenalkan. Ianya satu jenayah *because you're using somebody else's credit card*. So, apa Yang Berhormat, apakah yang telah menggunakan...

**Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson:** Tapi anak dia sendiri yang menggunakan kad tersebut, kan?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman:** Ya. Anak dia sendiri. Nama dia punya *credit card*, tapi bank menyatakan tidak boleh. Dalam akta ini, ianya bersalah.

**Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson:** Kalau *debit card*, dia itu kurang dari 18 umur, ini dibenarkan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman:** Ya. Di bawah 18. Di bawah 18.

**Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson:** Saya- mungkin saya dapat jawapan daripada pegawai dari Bank Negara Malaysia. Ini khusus, saya tak berapa pasti, tapi daripada pengetahuan saya, saya pun ada anak kurang dari 18 umur, tapi...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman:** Ada Yang Berhormat bagi dia *credit card* pergi ke Eropah...

**Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson:** *Debit card* sahaja. Siap saya ada. Yang ini jawapan Yang Berhormat, Tan Sri. Mengatakan bahawa perlu ada elemen *unlawful use*. Kalau tidak, tidak akan menjadi jenayah. *There must be intention of unlawful used*, baharu ada kesalahan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman:** *How do you define as "lawfull" used?*

**Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson:** Saya rasa mengikut takrif-takrif yang sedia ada ikut undang-undang, jika salah guna dan sebagainya. Fakta-fakta yang berkaitan akan diambil kira sebelum penyiasatan penuh dibuat, di mana *then the full assessment will be done whether is unlawful or otherwise. It's very difficult just to say. I mean* kalau anak itu salah guna atau kad itu digunakan oleh pihak ketiga, itu semestinya ada satu *unlawful act*.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Datuk Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, tapi kalau boleh saya nak cepat sikit.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Sikit saja. Tadi, tambahan daripada soalan Tan Sri mengenai *unlawful used*. Anak dia guna kad itu, memanglah untuk perbelanjaan kerana umur dia di bawah 18 tahun, tetapi dia guna kad ini untuk *game-game* dekat *online* itu juga. So, macam mana daripada segi undang-undang. Adakah ini *unlawful used*. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson:** Satu soalan yang sangat rumit untuk jawab...  
[Ketawa] Kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bukan untuk *level* umur YB. Ini soalan untuk orang muda.

**Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson:** Ini Senator Datuk Dominic ini, dia orang muda. Datuk Yang di-Pertua, masalah dia "*unlawful used*" tidak ada definisi yang tertentu dalam rang undang-undang ini, tapi saya difahamkan walaupun sedemikian, *there will be case*

*development of this area. Unlawful* kategori dan penterjemahannya adalah apa yang sedia digunakan di mahkamah dan sebagainya.

Maka ia akan merangkumi perkara yang dibangkitkan. Saya, saya percaya bahawa jika *unlawful* adalah satu yang tidak disiarkan, *that is nothing can be done*, tetapi kalau ada *mala fide*, itu cerita yang lain.

Datuk Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ini sahaja jawapan yang saya ada pada masa ini dan perkara-perkara yang dibangkitkan, saya rasa ada beberapa yang mustahak. Ia akan dijawab secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga. Disokong Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), (Dr. Zulkifli bin Hasan) dan diluluskan]*

■1830



## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2024

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

**6.30 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang. Terima kasih Yang di-Pertua.

Cadangan rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dengan memberi kuasa kepada pihak Polis untuk menyita wang-wang yang disimpan di dalam mana-mana institusi kewangan ataupun mana-mana instrumen pembayaran seperti *eWallet* sekiranya wang tersebut disyaki terlibat dalam kegiatan jenayah.

Rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 11 Julai 2024. Berdasarkan maklum balas daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), kegiatan jenayah dalam talian ini selalunya melibatkan mangsa yang telah diperdaya oleh, dengan izin *scammers*, di mana mangsa akan menyalurkan wang mereka ke dalam mana-mana akaun, khususnya akaun keldai, dengan izin, *mule account* di sini.

Pada masa ini tiada peruntukan khusus yang boleh digunakan oleh pihak Polis untuk menyekat pergerakan wang mangsa penipuan dalam talian setelah ia disalurkan kepada akaun keldai. Walau bagaimanapun, kuasa sitaan sudah diperuntukkan dalam perundangan sedia ada seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]. Namun, kuasa sitaan ini adalah terhad, memandangkan kuasa ini hanya terpakai sekiranya wang tersebut merupakan wang yang dipercayai berkait dengan jenayah pengubahan wang haram, jenayah pembiayaan keganasan ataupun hasil daripada aktiviti haram.

Oleh itu terdapat keperluan untuk memperkenalkan peruntukan baharu ini yang akan memberi kuasa kepada pihak Polis untuk mengeluarkan arahan bertulis kepada institusi-institusi kewangan untuk menyita wang mangsa yang telah disalurkan kepada akaun keldai.

Sitaan wang-wang ini juga akan membenarkan pihak Polis untuk menghalang wang mangsa daripada dikeluarkan atau digunakan dan ini akan memudahkan pihak Polis untuk melakukan pengenalan aset ataupun, dengan izin, *money tracing* bagi mengenal pasti wang

yang telah disalurkan oleh mangsa. Ini secara tidak langsung akan membuka ruang untuk pemulangan wang-wang ini kepada mangsa.

Datuk Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] ini meliputi dua skop utama iaitu:

- (i) peruntukan kuasa sitaan kepada pihak Polis bagi wang-wang yang disimpan di dalam institusi kewangan dan instrumen pembayaran sekiranya ia disyaki terlibat dengan jenayah; dan
- (ii) peruntukan permohonan kepada mahkamah untuk rayuan terhadap perintah sitaan tersebut sebagai mekanisme, dengan izin, *check and balance*.

Cadangan rang undang-undang ini mengandungi tiga fasal yang melibatkan pewujudan satu seksyen baharu.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 116D(1), (2), (3), (4), (5), (6) dan (7) bagi kuasa untuk pihak Polis untuk sita wang yang disyaki terlibat dengan jenayah yang telah disimpan di dalam institusi kewangan.

Subseksyen 116D(1), (2) dan (3) yang dicadangkan bertujuan untuk memberi kuasa kepada pihak Polis untuk mengeluarkan arahan bertulis kepada mana-mana institusi kewangan untuk sita wang yang disyaki terlibat dengan kegiatan jenayah atau arahan melarang apa-apa urusan bagi wang tersebut. Ini juga termasuk memberi arahan berkaitan dengan wang yang disimpan di dalam *eWallet*. Apa-apa faedah atau pendapatan yang terjana daripada wang yang disita selepas arahan penyitaan ini dibuat akan juga tertakluk kepada arahan sitaan ini.

Subseksyen 116D(4) bertujuan untuk memperuntukkan hukuman kepada mana-mana institusi kewangan yang gagal untuk mematuhi arahan sitaan atau arahan larangan urusan yang dikeluarkan oleh pihak Polis di bawah subseksyen 116D(2).

Subseksyen baharu 116D(5) dan (6) bertujuan untuk memperuntukkan permohonan oleh pihak yang dinamakan dalam arahan bertulis di bawah subseksyen 116D(2) kepada mahkamah sesyen untuk tujuan arahan bertulis tersebut diubah atau dibatalkan. Ini juga dihasratkan sebagai mekanisme, dengan izin, *check and balance* terhadap kuasa sitaan yang diberi kepada pihak Polis.

Subseksyen baharu 116D(7) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 116D(2) akan tamat sekiranya tidak ada apa-apa tindakan undang-undang diambil berkenaan dengan harta yang telah disita atau dilarang urusannya.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 593 yang berbangkit daripada kemasukan seksyen-seksyen baharu 424A, 424B dan 424C yang dicadangkan di dalam Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Cadangan pindaan ini pasti akan memberi impak positif kepada masyarakat umum. Kerajaan Madani berharap bahawa usaha ini akan disokong sepenuhnya oleh semua pihak bagi memastikan proses penguatkuasaan dan penyiasatan oleh pihak berkuasa berjalan dengan lancar. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dr. Zulkifli bin Hasan]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta yang meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada lima orang Ahli yang hendak berbahas. Saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 5 minit seorang. Dipersilakan Dato' Kesavadas.

### 6.38 ptg.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada seksyen 116D yang merupakan seksyen baharu yang diusulkan dalam pindaan Kanun Tatacara Jenayah ini.

Peruntukan tersebut menggariskan pemberian kuasa kepada Pegawai Polis berpangkat tidak rendah daripada Sarjan untuk melakukan penyitaan bagi maksud wang yang diperoleh daripada kegiatan penipuan. Secara dasarnya saya berpandangan bahawa kuasa untuk menyita wang yang diperlukan tersebut berupaya memperluaskan skop pencegahan jenayah oleh pihak Polis terhadap kegiatan atau sindiket penipuan berkaitan wang yang berlaku di negara ini.

Walaupun sebegitu, seperti yang saya sering kali tekankan dalam banyak perbahasan saya mengenai penggubalan undang-undang, saya mengharapkan agar perintah bertulis seperti yang digariskan dalam peruntukan seksyen 11D(2) benar-benar dilaksanakan mengikut tatacara ataupun prosedur yang ditetapkan di peringkat PDRM.

Perintah bertulis yang dikeluarkan bagi maksud peruntukan tersebut seharusnya dilaksanakan secara saksama terhadap semua yang disyaki tanpa mengira status, individu atau organisasi yang disyaki terlibat dalam pengendalian wang daripada aktiviti penipuan.

Kuasa yang diperuntukkan kepada pihak Polis untuk menjalankan penyitaan wang haram seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 116D(1) seharusnya dilaksanakan oleh

Pegawai Polis bermandat yang terbukti bersih daripada sebarang rekod salah laku. Dengan kata lain, kredibiliti, ketelusan serta disiplin tugas seseorang Pegawai Polis yang bertanggungjawab untuk melaksanakan kuasa bagi maksud peruntukan tersebut tidak dipersoalkan dengan mana-mana keraguan yang boleh timbul daripada sejarah tindakan tatatertib yang pernah dihadapi kepada Pegawai Polis yang ditugaskan.

#### ■1840

Aspek kebertanggungjawaban kepolisan yang saya tekankan tadi perlu diberi tumpuan serius oleh Ketua Polis Negara menerusi perhatian bersama Pengarah Siasatan Jenayah Komersial. PDRM tidak boleh berkompromi serta tunduk dengan desakan atau pujukan mana-mana pihak yang cuba untuk menghalang siasatan yang dijalankan oleh pihak Polis terhadap pemilikan wang yang disyaki terlibat dalam, dengan apa jua aktiviti jenayah, khususnya penipuan.

Oleh itu, bermula pada saat ini, PDRM seharusnya berdiri sebagai sebuah institusi penguat kuasa negara yang benar-benar mengamalkan toleransi sifar terhadap suapan rasuah yang ditawarkan oleh mana-mana *scammer* yang selama ini mungkin kebal daripada penguatkuasaan undang-undang negara. Kuasa Polis yang termaktub dalam pindaan Kanun Tatacara Jenayah ini seharusnya menajamkan lagi taring institusi PDRM untuk menggagalkan aktiviti-aktiviti penipuan yang didalangi oleh mana-mana individu atau organisasi yang bersembunyi di sebalik satu-satu aktiviti perniagaan yang sah.

Pada Jun lalu, pihak Polis telah mengesan satu sindiket penipuan yang melibatkan pelaburan dalam bentuk mata wang digital yang membabitkan 22 buah syarikat. Menerusi kenyataan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, saya difahamkan bahawa angka kerugian yang dialami oleh individu yang telah menjadi mangsa kepada sindiket yang dikenali sebagai pelaburan 'kaw-kaw' itu mencecah sekitar RM3.5 juta.

Menjadikan kes penipuan tersebut sebagai rujukan, saya berpandangan bahawa pindaan Akta Kanun Keseksaan dan Akta Tatacara Jenayah yang kita bahaskan ini mempunyai kewajaran untuk meningkatkan kelancaran bagi satu-satu proses siasatan yang dijalankan oleh pihak Polis, terutamanya yang melibatkan medium transaksi dalam talian.

Pihak Polis seharusnya menjadikan kuasa yang diperuntukkan menerusi perintah bertulis yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sesyen untuk sesegera yang mungkin menghalang satu-satu sindiket penipuan daripada terus menjalankan sebarang transaksi haram yang melibatkan pemindahan wang daripada mangsa.

Sebelum saya mengakhiri, kuasa sekarang diberi kepada sarjan. Sekarang sarjan-untuk kedudukan sekarang, sarjan adalah daripada koperal, konstabel dan sarjan. Maknanya, kelulusannya tak berapa tinggi. *I'm not insulting them*. Baru-baru ini, ada sarjan yang diambil sebagai- pihak Polis yang diambil ini, anggota yang diambil sebagai sarjan sekarang adalah

berdiploma atau berijazah. *So, must be careful. Which type of sargeant are you going to appoint, to investigate? Is it the rank and file or straight away sargeant with diploma?*

Dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Good point.* Terima kasih Dato' Kesavadas. Sekarang ini saya jemput Datuk Lim Pay Hen.

#### 6.43 ptg.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Datuk Speaker. Salam sejahtera saya ucapkan kepada rakan-rakan, Tuan Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan yang saya hormati sekalian.

Saya terus masuk kepada topik pada petang hari ini berkaitan pindaan ke atas Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] yang kita tahu di mana pindaan ini adalah bagi melengkapikan pindaan yang dibuat ke atas Rang Undang-undang Kanun Keseksaan yang melibatkan jenayah akaun keldai yang kini semakin berleluasa dan mengancam keselamatan kewangan rakyat dan negara.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, kita mendapati bahawa jenayah keldai akaun ini telah bermaharajalela sehingga menggugat ketenteraman kewangan awam. Ini berikutan daripada pelbagai siri penipuan atas talian yang dilaporkan semakin menjadi-jadi, yang melibatkan penggunaan akaun keldai.

Jika dilihat data di sini, sejak tahun 2022 sehingga Jun 2024, sebanyak 2.0 bilion kes penipuan kewangan telah direkodkan di mana sebanyak RM851 juta kes dilaporkan bagi tahun 2022, RM1.0 bilion untuk tahun 2023 dan sehingga Jun 2024, sebanyak RM851 juta kes kerugian kewangan yang melibatkan penipuan atas talian telah dilaporkan. Ini adalah jumlah yang amat-amat besar dan sangat membimbangkan. Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan baik, ia akan mengakibatkan kerugian yang maha dahsyat kepada pembangunan negara.

Oleh itu, paling pentingnya untuk kita memastikan rang undang-undang ini diluluskan dengan kadar segera, bagi memastikan setiap jenayah kewangan ini dapat dibanteras sehingga ke akar umbi. Saya bersetuju ke atas pindaan yang dicadangkan bagi tujuan menutup kekurangan. Menutupi kekurangan dan kelompangan yang wujud dalam usaha membanteras aktiviti jenayah dalam talian yang melibatkan akaun keldai ini, khususnya pindaan ke atas Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah yang akan memberi kuasa penyitaan kepada Polis ke atas akaun-akaun keldai yang wujud.

Peruntukan baharu ini akan memberi kuasa kepada PDRM untuk menyita harta dan akaun bank yang terlibat dan menghalang harta tersebut dibuat urus niaga oleh *scammer* secara langsung dan tidak langsung. Ini juga bertujuan untuk menghalang duit mangsa *online scam* dikeluarkan oleh *scammer* melalui akaun keldai ini. Saya bersetuju dengan semua pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah ini.

Maka, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, agar tidak hanya mengkhususkan pengawasan kepada bank-bank komersial dan fizikal yang wujud, juga memberi perhatian kepada bank-bank digital yang kini sedang pesat berkembang. Jika dilihat situasi hari ini, banyak bank-bank runcit dan fizikal telah banyak melaksanakan sekatan bagi menghindari jenayah akaun keldai ini.

Namun, dalam masa yang sama, sekatan oleh bank fizikal seperti *Maybank*, *CIMB*, *Public Bank* dan *Hong Leong Bank* telah meningkatkan peralihan pengguna kepada bank digital dengan kadar yang amat pantas. Antara bank digital yang kini sedang *hype-up* dalam kalangan pengguna dan mencatatkan peningkatan pengguna yang amat pantas adalah *Young Bank* dan *GXBank* yang dikendali oleh *Grab*.

Peningkatan peralihan pengguna kepada bank digital ini sememangnya sedang memberi kesan kepada pengaruh bank-bank runcit fizikal yang wujud di Malaysia. Maka, tidak mustahil satu hari nanti, jenayah *online scam* dan keldai akaun ini juga akan merubah kepada bank-bank digital yang wujud.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar terdapat klausa yang menetapkan bahawa segala aktiviti penyitaan harta di bawah pindaan RUU bukan sekadar melibatkan bank fizikal yang beroperasi secara tradisional bahkan juga melibatkan bank-bank digital baharu. Ini kerana kita sedia maklum, begitu banyak juga aktiviti pengubahan wang haram daripada aktiviti *scam* ini turut melalui instrumen kewangan digital selain bank, seperti platform Forex dan juga *Bitcoin* yang cukup mudah. Sikit lagi.

Digunakan bagi mencuci wang-wang haram dalam pasaran. Maka, saya juga ingin mencadangkan agar akaun-akaun keldai yang kini dalam proses penyitaan akan diperluas lagi dengan melibatkan akaun-akaun *online* lain seperti bank digital, Forex dan juga *cryptocurrency*. Jika, kita lihat antara data Kementerian Dalam Negeri di sini, terdapat 266,230 akaun bank keldai yang diterima setakat ini. Saya percaya sekiranya akaun keldai ini diperluaskan takrifnya, juga melibatkan akaun-akaun digital dan seperti lain seperti Forex dan *cryptocurrency*, jumlah ini akan lebih banyak lagi.

Jadi, saya dengan ini menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. YB Menteri, saya nak tanya satu soalan. Yang Berhormat Menteri nak habiskan *bill* ini hari ini juga atau tidak?

■1850

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Kalau boleh, saya dengar arahan adalah sampai pukul 7.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi saya boleh sambung lagi kerana kita hanya ada lagi dua orang pembahas. Lepas habis dua orang pembahas, mungkin dalam pukul 7, YB dah terus menjawab.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Mungkin boleh habis hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya tanya YB.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB kata YB nak, saya sambung.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Boleh, boleh. Kita sedia. Sedia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh. Terima kasih YB... *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, walau apa pun ketetapan yang dibuat tadi, saya membuat ketetapan baharu bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang D.R. 24/2024 Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 23 hari bulan Julai 2024... *[Tepuk]*

Sekarang saya jemput YB Zurainah.

**6.51 ptg.**

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024 ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi di atas pindaan RUU ini yang seiring usaha kerajaan untuk memerangi wabak penipuan kewangan dalam talian dan jenayah melibatkan akaun keldai yang berleluasa.

Mengikut Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, menerusi portal Semakmule, dianggarkan lebih 190 akaun bank di Malaysia disalahgunakan sebagai keldai akaun 1. Gerun saya membayangkan jumlah akaun-akaun yang belum dan gagal direkodkan kerana kecilikan dalang-dalang keldai ini ya.

Saya ingin membawa persoalan *check and balance*, dengan izin Datuk Yang di-Pertua, supaya kita juga mengambil kira hak individu yang akaun banknya disita. Bagi pandangan saya, pemberian kuasa kepada Pegawai Polis untuk menyita wang dan akaun bank atas dasar syak ini masih memerlukan perincian yang lebih teliti. Kuasa yang luas ini bukan sahaja boleh disalahgunakan untuk menyita wang individu yang tidak bersalah, malah menambahkan kerumitan proses undang-undang, sekali gus membebankan individu-individu ini yang untuk menuntut keadilan, terutamanya di kalangan golongan rentan.

Sebagai contoh, kerap kita dengar warga emas yang tanpa pengetahuan mereka, dijadikan keldai akaun oleh pihak yang tidak bertanggungjawab termasuk ahli keluarga mereka sendiri. Silap hari bulan, ramai warga emas termasuk penerima pencen yang akan tersangkut disita atas dasar syak daripada penerimaan wang yang kerap daripada anak-anak dan kerajaan semata-mata.

Saya ingin bertanya dengan lebih lanjut. Apakah bentuk latihan dan syarat yang akan diberikan kepada pegawai-pegawai yang akan diberikan kuasa ini? Walaupun saya akui terdapat santun mahkamah yang antara lain mengambil kira kelangsungan hidup dan perbelanjaan orang yang dinamakan dalam perintah sita, tetapi bolehkah garis panduan yang jelas dibentuk untuk mengambil kira juga profil atau latar belakang orang yang disiasat dan tempoh masa siasatan? Perkara ini sangat penting apabila kita mengambil kira sesetengah mangsa yang bergantung sepenuhnya dengan akaun yang dikenakan perintah sita itu.

Turut berkaitan seksyen 116D(7) berkaitan penamatan arahan sita sekiranya tiada tindakan undang-undang hanya diambil selepas tempoh 18 bulan. Tempoh masa ini amatlah panjang dan amat membebankan. Apakah rasional tempoh tersebut dan bolehkah ia dipendekkan? Contohnya, tempoh arahan ditamatkan selepas enam bulan. Jika ada sebab munasabah, pihak penyiasat boleh memperbaharui perintah siasatan akaun tersebut.

Akhir sekali Datuk Yang di-Pertua. Sekadar pemerhatian saya, RUU Kanun Keseksaan dan RUU Kanun Tatacara Jenayah pada hari ini bertujuan untuk menangani situasi *mule accounts*, dengan izin dan *online scam*, dengan izin, tetapi kita sedang mengambil kira pendekatan untuk menghukum sahaja ya.

Bolehkah kerajaan mempertimbangkan mekanisme untuk memastikan wang yang dirampas atau disita akibat *online scam* ini dapat dipulangkan dengan kadar segera kepada mangsa? Ini perlu dibolehkan tanpa menunggu sabitan kesalahan mana-mana pihak yang akan memakan masa pendakwaan yang bertahun di mahkamah. Bagi mangsa-mangsa ini, hukuman pesalah tidak sepenting pemulangan wang yang diambil oleh *scammer* terutamanya apabila ia merupakan wang simpanan sepanjang hayat mereka. *They cannot afford to wait and cannot survive the court processes if the money are not returned*, dengan izin, Datuk Yang di-Pertua.

Datuk Yang di-Pertua, nyatanya pindaan ini merupakan usaha murni kerajaan bagi menangani jenayah yang melibatkan kewangan serta kerugian yang besar kepada rakyat dan negara. Saya yakin dengan perincian seterusnya, RUU ini mampu memperkukuhkan lagi dasar undang-undang di Malaysia untuk lebih efektif, telus dan adil. Justeru, dengan itu saya menyokong RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*



**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Datuk Zurainah. Sekarang saya jemput pembahas terakhir kita, Senator Tuan Abun Sui Anyit.

**6.56 ptg.**

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri ataupun Dewan ini memberi saya peluang untuk berbahas. Saya tak akan panjang. Saya akan lebih kepada perspektif mangsa ataupun perspektif orang yang kena *scam*. Saya sangat bersetuju dengan pindaan yang ada ini iaitu Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024 ini, terutamanya untuk mengelak kerugian yang besar.

Jadi, saya akan membawa kita untuk melihat daripada segi perspektif kesesuaian dan masa perlu bertindak dengan segera. Kenapakah saya berkata demikian? Apabila kita lambat bertindak, jadi ini akan menyebabkan perpindahan ataupun transaksi kewangan itu akan berpindah tangan dengan segera. Jadi, inilah yang menyebabkan apabila ada transaksi yang segera ini yang menyebabkan *scammer* ini akan tidak dapat dihubungi, tak dapat dipantau, kewangan itu pun kemungkinan besar tak akan dapat dicari.

Jadi, kerana saya sendiri pernah mengendalikan perkara ini begini kerana itulah sebabnya pihak bank, pihak mangsa dan juga kalau ahli keluarga yang mengetahui ahli keluarga mereka di-*scam* ataupun ditipu, jadi pihak Polis dengan kuasa yang ada sekarang diberi di dalam pindaan ini, saya berharap pihak berkuasa akan bertindak dengan segera ya.

Kerjasama dengan pihak bank, Polis dan juga mangsa ataupun keluarga mangsa, perlu bekerjasama dengan erat supaya tindakan pembekuan ke atas bank ataupun akaun keldai ini perlu dibuat dengan kadar yang segera supaya pemindahan wang itu tidak berlaku dengan cepat dan tidak akan berlaku.

Inilah yang kita harap supaya perkara ini akan tetap dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan kita berharap juga supaya kuasa yang ada pada Polis yang diberi kepada Polis ini dalam seksyen 116D ini supaya tidak disalahgunakan ya. Apabila pihak Polis mendapat laporan berkenaan dengan penipuan ini, perlulah bertindak dengan segera.

Saya ingin tahu, bagaimanakah segera tindakan pembekuan itu perlu dibuat? Kalau saya secara peribadi, selepas sahaja laporan itu dibuat. Kalau ada pihak bank, kena ada pihak bank yang boleh bekerja 24 jam, kalau pihak Polis memberi panggilan kepada pihak bank yang di mana akaun itu dibuka, perlu pada masa itu juga. Mungkin tak perlu sampai satu jam ataupun beberapa minit setelah menerima laporan penipuan daripada mangsa. Ini sangat penting supaya pembekuan itu berlaku apabila ada laporan yang jujur daripada pihak mangsa.

■1900

Jadi saya tidak banyak dalam perkara itu, itu sahaja yang penting dalam kita melaksanakan undang-undang ini nanti supaya ini dapat mengawal perpindahan kewangan ataupun penipuan ini secara berleluasa. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ini saya jemput YB Menteri menjawab.

**7.00 mlm.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:** Dengan izin Datuk Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kesemua lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai sesi perbahasan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024. Segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024 adalah nombor satu, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, nombor dua Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, ketiga Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit. Terdapat beberapa persoalan utama yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang akan saya jawab seperti yang berikut.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas telah membangkitkan beberapa perkara. Jawapannya adalah macam ini. Pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan yang dilantik sebagai pegawai penyiasat sahaja mempunyai akses kepada sistem dan *database* PDRM dengan hak akses menggunakan pengenalan diri ID masing-masing untuk membuat permohonan bagi tujuan siasatan, termasuklah penyitaan akaun dengan dikawal selia oleh Pegawai Polis yang lebih kanan. Sarjan ini wajib melaporkan status siasatan kepada Pegawai Kanan Polis yang lebih kanan dengan segera.

Penempatan Pegawai Penyiasat di daerah-daerah adalah tidak semuanya berpangkat inspektor dan juga terdiri daripada Pegawai-pegawai Polis yang berpangkat sarjan dan ke atas. Untuk mengelakkan transaksi aliran wang dalam akaun keluar, maka tindakan sitaan akaun tersebut perlu secara tindakan segera oleh Pegawai-pegawai Penyiasat tersebut.

Maka, amatlah perlu kuasa sitaan akaun tersebut diberikan kepada Pegawai Polis berpangkat tidak rendah daripada Sarjan. Ingin ditegaskan bahawa pihak PDRM tidak akan bertoleransi dalam isu *scammer* ini. Sememangnya pihak PDRM akan terus menjalankan siasatan berkaitan dengan isu ini dengan telus dan komited.

Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Jawapan pada perkara-perkara yang dibangkitkan adalah cadangan pindaan ini akan memberi kuasa sitaan kepada pihak Polis untuk menyita sitaan wang-wang yang disimpan di dalam bank akaun. Kuasa sitaan ini bukan sahaja akan terpakai kepada wang yang disimpan dalam bank konvensional namun ia juga akan merangkumi wang yang disimpan dalam *eWallet*.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah, menjawab kepada soalan-soalan yang dibangkitkan. Sebagai mana subseksyen 116D(5), kuasa semak dan imbang diberikan kepada Mahkamah Sesyen untuk menggubal atau membatalkan apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan oleh pihak Polis atas permohonan orang-orang yang dinamakan atau dinyatakan dalam perintah bertulis. Cadangan ini diterima baik dan akan dipertimbangkan bagi garis panduan tentang perjalanan kuasa ini akan diperhalusi secara teliti oleh semua pihak yang terlibat, termasuk PDRM dan Bank Negara.

Yang Berhormat Abun Sui Anyit, perkara-perkara yang dibangkitkan. Pihak Bank Negara telah bersama dengan bank-bank komersial telah menyediakan sistem mempercepatkan proses sitaan cara bank atau *National Scam Response Centre* dan tindakan susulan akan diambil. Ini sebenarnya perkara-perkara yang dibangkit. Perkara-perkara yang tidak dijawab dengan khususnya akan dijawab secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Boleh saya tanya sebelum Menteri duduk? Adakah kerajaan berhasrat untuk membukakan Mahkamah Sesyen khas untuk kes-kes *scammer* ini macam- sebab masa ini ada *for* kes-kes keluarga, kes-kes anak-anak semua ada mahkamah khas. Itu nombor satu. Kedua...

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** *Aik.*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ada dua soalan sini. Yang kedua ialah tentang Balai Polis yang tidak ada Sarjan- *I mean* inspektor dengan begitu. Macam kes-kes trafik, kalau berlaku katakan di Terengganu, Jabi di Daerah Besut. Dulu sebelum tahun 96, Koperal atau Konstabel boleh siasat kes di Jabi, tapi selepas 96, kalau kemalangan berlaku di Jabi kah atau di Jertih kah mana Balai Polis Besut yang akan siasat. Sama dengan mana-mana tempat sebab Sarjan- kalau kes melibatkan kecederaan, Sarjan yang siasat, kalau kematian Inspektor yang siasat. So bukannya sistem itu diterima pakai untuk kes macam ini? Maknanya IPD sahaja, bukan Balai Polis biasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson:** Terima kasih Dato' Senator Kesavadas. Ada dua perkara yang telah dibangkitkan. Mengenai mahkamah kes *scam*, sebenarnya sudah sedia ada di Kuala Lumpur, berfungsi, tetapi tidak ada kuantum supaya ia di *more cases*, supaya ia boleh dimulakan di tempat-tempat lain buat sementara.

Kedua, mengenai penyiasatan yang dibuat dulu oleh koperal dan sekarang sarjan dan sebagainya. Sebenarnya sekarang ada ramai di antara orang berfikir bahawa patut penyiasatan dibuat oleh inspektor, itu betul, tapi masalahnya bila di kampung-kampung yang jauh dalam itu, OCS itu adalah Sarjan dan Sarjan dulu dan Sarjan sekarang sangat beza. Beza dia kelayakan mereka.

Ramai di antara mereka seperti Yang Berhormat Senator sendiri kata, ramai di antara mereka adalah ber-*qualification* diploma dan sebagainya. Mereka boleh pantas dalam

membuatkan penyiasatan, maka kerajaan berfikir mereka boleh diberi kuasa untuk menjalankan penyiasatan. Itu nombor satu.

Nombor dua untuk tindakan diambil serta merta. Kalau kita perlukan mereka melaporkan kepada Inspektor dan sebagainya, akan mengambil masa dan *scam* ini akan berlarutan. Orang ramai akan rugi. Itu sebab buat sementara sarjan diberi kuasa untuk mengambil tindakan tegas pada *sources* dia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, ada soalan lain? Kalau tak ada, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya adalah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (Dr. Zulkifli bin Hasan) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kerjasama yang telah diberikan pada hari ini. Mesyuarat kita boleh ditamatkan pada jam 7.11 minit. Maka dengan ini Ahli Yang Berhormat, Majlis Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 23 Julai 2024.

*[**Dewan ditangguhkan pada pukul 7.11 malam**]*